



KEMENTERIAN KEWANGAN



*Belanjawan 2023*  
**MALAYSIA  
MADANI**

**UCAPAN BELANJAWAN 2023**





# **Ucapan Belanjawan 2023**

## Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,  
Kementerian Kewangan Malaysia,  
Aras 10, Blok Tengah,  
Kompleks Kementerian Kewangan,  
No. 5, Persiaran Perdana,  
Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592 PUTRAJAYA

E-mel: [belanjawan2023@mof.gov.my](mailto:belanjawan2023@mof.gov.my)

Ucapan Belanjawan diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Belanjawan Tahunan.

Edisi 2023 diterbitkan pada 24 Februari 2023.

Naskhah boleh diperoleh daripada:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,  
Jalan Chan Sow Lin,  
50554 KUALA LUMPUR  
Tel.: 03-92366888/92366894  
Faks: 03-92011008/92224773  
E-mel: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:  
[www.mof.gov.my](http://www.mof.gov.my)



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2023  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

**PNMB**

# Kandungan

|     |  |
|-----|--|
| 2   | <b>MUKADIMAH</b>   |
| 3   | <b>PRESTASI DAN TANTANGAN EKONOMI</b>  |
| 7   | <b>TEKAD PERTAMA: PEMACUAN EKONOMI YANG TERANGKUM DAN MAMPAN</b>                     |
| 7   | IKHTIAR 1: KEMAMPANAN FISKAL   |
| 11  | IKHTIAR 2: MEMENUHI KEPERLUAN EKONOMI RAKYAT   |
| 14  | IKHTIAR 3: MENDEPANI MUSIBAH BENCANA   |
| 17  | IKHTIAR 4: MERAH PELABURAN BERIMPAK TINGGI   |
| 22  | <b>TEKAD KEDUA: REFORMASI INSTITUSI &amp; TATAKELOLA BAIK BAGI MEMULIH KEYAKINAN</b> |
| 22  | IKHTIAR 5: PEMBAHARUAN SEKTOR AWAM   |
| 29  | IKHTIAR 6: MEMPERKASA KERJASAMA AWAM-SWASTA  |
| 34  | IKHTIAR 7: MENGUTAMA AGENDA DIGITAL  |
| 36  | IKHTIAR 8: MEMPERKUKUH PERANAN AGENSI & SYARIKAT KERAJAAN                            |
| 37  | <b>TEKAD KETIGA: KEADILAN SOSIAL UNTUK MENYEDERHANA KESENJANGAN</b>                  |
| 38  | IKHTIAR 9: MENOKTAHKAN MISKIN TEGAR  |
| 39  | IKHTIAR 10: MEMINIMUM BEBAN SARA HIDUP   |
| 45  | IKHTIAR 11: MENJAMIN KEHARMONIAN & PERPADUAN   |
| 53  | IKHTIAR 12: MENYEDIAKAN KEPERLUAN ASAS BERKUALITI                                    |
| 62  | <b>PENJAWAT AWAM</b>   |
| 62  | <b>PENUTUP</b>   |
| 65  | <b>LAMPIRAN I – TOUCHPOINTS BELANJAWAN 2023</b>                                      |
| 107 | <b>LAMPIRAN II – LANGKAH CUKAI BELANJAWAN 2023</b>                                   |





“Sifat ihsan dan rahmah itu mesti tertegak melalui aspek keadilan sosial bagi menjamin kesejahteraan SEMUA rakyat”

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim  
PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN





“Belanjawan

# MADANI

ini ialah cerminan prinsip  
pertanggungjawaban dan sistem nilai  
yang luhur yang mampu mendepani  
tantangan semasa”



---

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim  
PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN






**EKONOMI NEGARA 2023**  
pada harga malar 2015  
(bahagian kepada jumlah dalam %)




<sup>1</sup>Termasuk perubahan dalam stok  
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

# BELANJAWAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2023

## DARI MANA DATANGNYA



## KE MANA DIBELANJKAN



<sup>1</sup> Terdiri daripada hasil dan pinjaman

<sup>2</sup> Tidak termasuk simpanan luar jangka

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia





# Ucapan Belanjawan 2023

---

oleh:

YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim  
Perdana Menteri dan Menteri Kewangan

ketika membentangkan  
Rang Undang-Undang Perbekalan (2023)

Di Dewan Rakyat  
Pada Jumaat, 24 Februari 2023

Tema:  
Belanjawan 2023: Membangun Malaysia Madani

Dato' Yang di-Pertua,

**Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2023 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibaca bagi kali kedua sekarang.**

# Mukadimah

---

*Bismillahirrahmanirahim*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

1. Firman Allah dalam Surah Yusuf, ayat 55:

قَالَ اجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلَيْمَّ

*Nabi Yusuf berkata: "Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir), sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya (Amanah), lagi mengetahui (cara mentadbirnya).*

2. Kisah Nabi Yusuf AS ini dirakamkan Allah SWT ketikamana Raja Al-Aziz, yakni Raja Mesir ketika itu dalam keresahan akan jangkaan tujuh tahun kegersangan ekonomi setelah limpahan hasil yang jenuh sebelumnya.

3. Menurut Sheikh Muhammad al-Tahir Ibn Ashur, ayat ini memapar suasana tatkala Nabi Yusuf AS tampil mencurahkan khidmat bakti demi mempertahankan maslahat dan kepentingan umat dan negara.

4. Jangkaan kemelesetan ekonomi mendambakan dua sifat utama yang menjadi prasyarat kepada kejayaan pengurusan belanjawan.

**Pertama:** Amanah, kejujuran, ketelusan dalam menabung dan berbelanja. Dalam kegalauan kini, persoalan yang harus dibangkit ialah jumlah yang hidup merempat dan melarat. Apakah dana itu disalurkan secara telus bagi mengelak ketirisan dan pembaziran.

**Kedua:** Kepantasan berdasarkan kefahaman; apakah mungkin berlaku tindakan yang pantas, bijak dan berhemat dalam mengatur dan menyusun serta menetapkan kerangka belanjawan negara.

5. Maka, **pembentangan Belanjawan 2023 yang saya rumuskan sebagai Belanjawan MADANI** ini ialah cerminan prinsip pertanggungjawaban dan sistem nilai yang luhur yang mampu mendepani tantangan semasa termasuk tantangan ekonomi global yang sarat dengan ketidaktentuan.

## Prestasi Dan Tantangan Ekonomi

---

6. Setelah mendengar keluhan rakyat dan gegaran suara saudara-saudari di Dewan yang mulia ini, saya memilih untuk menghidang Belanjawan dengan memaparkan fakta dan angka sebenar dan tidak cuba mengaburi minda rakyat dengan data memukau.

7. Lantaran itu saya akan mulakan dengan menghurai fakta dan cabaran sebenarnya yang membelit ekonomi dan tantangan kepada kita di Parlimen dan di negara. Apakah ada tekad politik untuk membuat anjakan dan perubahan yang perlu bagi memacu pertumbuhan dan menghapuskan amalan tamak haloba elit penguasa.

**Pertama: Kerajaan mewarisi bebanan hutang yang terlalu tinggi**

- **Hutang negara akan menjangkau 1.2 trilion ringgit atau lebih 60 peratus KDNK bagi tahun 2023.** Jika dihitung hutang dan liabiliti, kita mencecah 1.5 trilion atau 81 peratus KDNK. **Bayaran khidmat hutang tahun ini juga mencecah 46 bilion ringgit atau 16 peratus** daripada hasil iaitu telah melebihi had maksimum 15 peratus yang selama ini diamalkan.
- **Bayaran 46 bilion ringgit ini hanyalah untuk kadar faedah atau bunga pinjaman dan bukannya hutang pokok.** Dewan ini harus diingatkan, 25 tahun Kerajaan berbelanjawan defisit, hutang negara terus bertambah. Kita pernah berhutang untuk membangun tanah FELDA; itu tidaklah digusarkan tetapi berhutang membiayai projek mega tanpa faedah mengundang persoalan apakah kita mengkhianati amanah sekiranya generasi anak muda dibebani dengan hutang.

## **Kedua: Malaysia mengalami kemerosotan dalam pentadbiran**

- Amalan rasuah dan penyelewengan bagaikan sudah sistemik sehingga membobrok tadbir urus Kerajaan, malah mencalar imej negara. Kesannya:
  - **Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2022 telah jatuh merudum ke tangga 61 jika dibandingkan tangga 29 yang kita capai 1998.** Transparency International Malaysia menyebut asbab kemerosotan ini kerana kegagalan membendung rasuah politik.
  - **Laporan Ketua Audit Negara 2020 dan 2021 mendedahkan wujud ketirisan hampir 3 bilion ringgit meliputi kehilangan wang awam, pembaziran dan juga pembayaran tidak teratur.** Umpamanya, isu terkurang kutip duti import kenderaan, Kerajaan telah hilang 72 juta ringgit hanya disebabkan proses kutipan duti import yang lemah.
  - Selain itu, wujud juga **ketirisan dalam pelaksanaan subsidi diesel dengan anggaran hampir 10 bilion ringgit nilai subsidi diesel diselewengkan pada tahun lalu.**
- Inilah bukti pelbagai ketelanjuran yang memberi dampak buruk kepada negara. Ini mesti dihentikan jika kita mahu negara ini beranjak ke hadapan dengan gagah dan gemilang. Kita yang menentukan apakah masa depan negara akan rencat, melonjak atau terpenjara, dan ia tergantung kepada ruang kebijakan yang ingin diterjemahkan.

## **Ketiga: Negara perlu menempuh ketidaktentuan ekonomi dunia**

- Kadar inflasi terus menekan disebabkan harga komoditi dunia yang masih tinggi dan gangguan rantai bekalan makanan saat ini kesan daripada perang Rusia-Ukraine.



- **Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi dunia 2023 yang menyederhana pada 2.9 peratus ketimbang 3.4 peratus pada tahun lalu.** Sektor perdagangan di peringkat dunia juga diunjur lembab pada kadar 2.4 peratus berbanding 5.4 peratus tahun 2022.
- KDNK 2022 Malaysia mencatat pertumbuhan 8.7 peratus disebabkan asas KDNK 2021 yang rendah susulan dampak hentakan wabak COVID-19. Tetapi, bagi memberi gambaran penuh prestasi ekonomi, ia perlu dilihat bersama dengan pertumbuhan sukuan yang mencatat penurunan iaitu suku pertama (3.8 peratus), suku kedua (3.5 peratus), suku ketiga (1.9 peratus) dan suku keempat (negatif 2.6 peratus).

#### **Keempat: Pelaburan belum mencapai prestasi sebelum pandemik**

- Kita meraih pelaburan 297.5 bilion ringgit tahun lalu iaitu 9.4 peratus lebih rendah ketimbang 328.5 bilion ringgit pada 2019. **Kedudukan Malaysia dalam Senarai Daya Saing Dunia oleh Institut Pembangunan Pengurusan (IMD) juga telah jatuh ke tangga 32.** Sedangkan kita pernah duduki tangga ke-12 bilamana pelabur meyakini keupayaan ekonomi kita dan kecekapan jentera penyampaian awam.

#### **Kelima: Tantangan ekonomi yang mengesankan rakyat**

- Inflasi 2022 berada pada kadar 3.3 peratus dengan kadar inflasi makanan dicatat tinggi iaitu 5.8 peratus. **Kadar inflasi tahun ini dijangka sama seperti tahun 2022.** Namun, akan lebih tinggi jika ketidakpastian rantaian bekalan global tidak ditangani.
- Kadar pengangguran pada tahun 2022 dicatat 3.6 peratus ketimbang 3.3 peratus sewaktu prapandemik tahun 2019. **Pengangguran belia 25 tahun ke bawah masih melebihi 10 peratus. Purata pendapatan belia juga rendah, sekitar 1,700 ringgit pada 2021.**

8. Apa yang disebutkan ialah paparan secara jujur dan terang mengenai kemelut ekonomi yang kita warisi bersama. Maka, **Belanjawan MADANI ini harus punyai keupayaan untuk menggembelng seluruh kekuatan dan tenaga bagi menterjemah kebijakan baharu.**

9. Kendatipun begitu, saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk mengajak pimpinan politik, pengemudi kementerian serta penjawat awam, selain para pengusaha dan rakyat untuk menerima kenyataan bahawa negara mampu mencipta lonjakan agar tatanan ini tidak hanya dapat diteladani negara tetangga serantau tetapi seantero dunia juga, dan pada masa sama membenih keyakinan dalam kalangan rakyat.

10. Sebagaimana penegasan dalam Al-Quran, Allah SWT berfirman dalam surah Hud, ayat 88:

إِنْ أُرِيدُ إِلَّا الْإِصْلَاحَ مَا اسْتَطَعْتُ ۚ وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ ۗ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ

*Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku; dan tiadalah aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepadaNya lah aku kembali.*

11. Sementalahan pula harus kita akui bahawa amalan pembaziran dan rasuah mesti ditinggalkan. Maka, saya memilih untuk membentangkan kerangka belanjawan yang berteraskan semangat islah dengan maksud mempaculkan pengarahannya baharu lagi segar, lantas membenam purbasangka yang kononnya kita masih cenderung mempertahankan status quo serta kepentingan golongan mahakaya.

*“Malam sudah berakhir. Padamkan lampu di sudut sempitmu yang dikotori jelaga. Pagi yang agong untuk semua terbit di Timur, biar cahayanya menerangi jalan kita yang bermakna.”*

*(Rabindranath Tagore)*

12. **Belanjawan 2023 akan menjadi langkah pertama yang menelusuri kerangka Pembangunan Malaysia MADANI. Pembentangan hari ini menumpukan kepada 12 ikhtiar utama berlandaskan tiga tekad iaitu:**

**Pertama:** Pemacuan Ekonomi yang Terangkum dan Mampan

**Kedua:** Reformasi Institusi & Tatakelola Bagi Memulih Keyakinan

**Ketiga:** Keadilan Sosial Untuk Menyederhana Kesenjangan

## I. Pemacuan Ekonomi Yang Terangkum dan Mampan

---

### **Ikhtiar 1:** Kemampanan Fiskal

**13.** Kita di ambang tempoh kritikal dalam sejarah. Pentadbiran ini bertekad atas prinsip pertanggungjawaban, untuk mengawal kedudukan fiskal termasuk menangani permasalahan hutang, dan pada masa sama terus menopang pertumbuhan ekonomi yang terangkum dan mampan.

### **Pertama: Dasar Fiskal Mengembang**

**14.** Analisis Bank Dunia dan Fitch menganggarkan pertumbuhan KDNK negara tahun ini diunjur pada kadar 4 peratus mengambil kira tinjauan ekonomi global yang mencabar.

**15.** Meyakini prospek ekonomi domestik yang semakin mengukuh, **Kerajaan mengunjurkan bahawa pertumbuhan ekonomi sekitar 4.5 peratus.**

**16.** Malah, mengambil kira ikhtiar untuk melaksana pembaharuan dan reformasi pentadbiran, saya yakin negara akan melepasi unjuran KDNK 4.5 peratus. Tentunya ini didorong langkah tuntas Belanjawan 2023 yang akan memacu pertumbuhan lebih mampan selain keyakinan pelabur antarabangsa yang kembali merencanakan ekonomi negara.

**17.** Kerajaan menjangkakan **kutipan hasil 2023 berjumlah 291.5 bilion ringgit ketimbang 294.4 bilion ringgit pada tahun lalu.** Namun, ini belum mengambil kira sumber hasil tambahan dan yakin akan meningkatkan hasil tahun ini ke paras yang lebih tinggi.

**18.** Pentadbiran ini mengambil pendekatan **dasar Belanjawan 2023 yang mengembang** sebagai usaha mendukung pertumbuhan ekonomi supaya limpahannya dapat dinikmati semua rakyat.

**19.** Belanjawan 2023 **memperuntukkan 388.1 bilion ringgit dengan 289.1 bilion ringgit untuk belanja mengurus, 99 bilion ringgit bagi belanja pembangunan** dan termasuk 2 bilion ringgit simpanan luar jangka.

**20.** Selaras dasar fiskal mengembang, **peruntukan pembangunan ditingkatkan kepada 97 bilion ringgit ketimbang 71.6 bilion ringgit tahun lalu.** Peningkatan ini adalah untuk menumpukan program membasmi kemiskinan, baik pulih prasarana awam dan desa. Dengan pembaharuan tatacara perolehan Kerajaan, akan dipastikan perbelanjaan tambahan ini dimanfaatkan sepenuhnya untuk kepentingan rakyat.

## **Kedua: Mengawal Paras Hutang**

**21.** Atas prinsip pertanggungjawaban, **Kerajaan mengurangkan defisit fiskal 2023 kepada 5 peratus ketimbang 5.6 peratus pada 2022.**

**22.** Kerajaan bertekad untuk mencapai tahap defisit fiskal yang mampan dalam jangka masa sederhana dengan **sasaran 3.2 peratus kepada KDNK menjelang 2025** tertakluk pada pertumbuhan ekonomi yang terus kukuh.

**23.** Bagi mengekang peningkatan hutang, pinjaman baharu mestilah lebih rendah dan sebaik-baiknya untuk membiayai pembangunan yang membawa pulangan serta dampak langsung kepada rakyat.



**24. Rang Undang-undang Tanggungjawab Fiskal akan dibentangkan ke Parlimen pada tahun ini.** Ini untuk menjamin supaya kebijakan ekonomi itu lebih telus dan bertanggungjawab bagi mengelakkan sebarang kemungkinan berlakunya ketelanjuran berterusan pada masa mendatang.

### **Ketiga: Meningkatkan Hasil Negara**

**25.** Sebahagian firman Allah SWT dalam surah Al-Hasyr, ayat 7:

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

*"...anak-anak yatim, orang-orang miskin dan untuk orang-orang yang dalam perjalanan, agar harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya saja di antara kamu.*

**26.** Mengambil ibrah firman Allah SWT, Pentadbiran ini komited menegakkan keadilan sosial. Pengagihan hasil yang adil tidak bermakna layanan sama rata, tetapi berasaskan keperluan.

**27.** Jabatan Perangkaan melaporkan kumpulan 20 teratas (T20) menguasai 47 peratus atau hampir separuh jumlah pendapatan isi rumah. Dari sudut tabungan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), kumpulan T20 memiliki 80 peratus daripada keseluruhan jumlah simpanan KWSP.

**28.** Mengambil kira pendapatan dan kekayaan negara yang tertumpu kepada kumpulan atasan atau golongan elit mahakaya, adalah wajar agihan hasil negara ditumpukan kepada golongan berpendapatan rendah dan menengah.

**29.** Kerajaan akan **mengambil pendekatan yang progresif dalam konteks subsidi bersasar atau struktur percukaian** bagi melindungi golongan kurang bernasib baik dan mengharapkan pemahaman rakyat yang lebih kaya untuk menggalas tanggungjawab secara bersama.

30. Antara ikhtiar yang telahpun diperkenalkan termasuklah:

- **Agihan dividen Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang lebih kepada rakyat yang memerlukan.** 87 peratus ahli dengan simpanan kurang 30 ribu ringgit telah diberi dividen 5.1 sen per unit. Manakala, simpanan melebihi 30 ribu ringgit menerima dividen 4.6 sen per unit.
- Selain itu, **tarif elektrik telah dikekalkan bagi semua pengguna domestik dan perniagaan PKS** tetapi semua syarikat besar kecuali sektor makanan dan pertanian telah dinaikkan.

31. Kerajaan belum bercadang melaksanakan cukai kepenggunaan berasas luas seperti *Goods and Services Tax* (GST). Dalam keadaan rakyat terbanyak masih susah, inflasi makanan lebih 5 peratus, kadar upah yang masih rendah, maka ternyata saat ini bukanlah ruang dan masa yang sesuai untuk memperkenalkan dan melaksanakannya.

32. Kerajaan mengambil pendekatan lebih progresif sebagai langkah baharu **meluaskan asas cukai kepada mereka yang punyai kemampuan.**

- Kerajaan bercadang untuk **memperkenalkan Cukai Barangan Mewah** mulai tahun ini dengan had nilai tertentu mengikut jenis barang mewah. Antaranya jam tangan mewah dan barangan fesyen mewah.
- Selaras amalan terbaik antarabangsa, Kerajaan akan mengkaji untuk **memperkenalkan Cukai Keuntungan Modal bagi pelupusan saham tidak tersenarai oleh syarikat mulai tahun 2024** pada kadar yang rendah. Kerajaan akan mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkaitan untuk meneliti perincian cadangan ini.

33. Selanjutnya, Kerajaan juga bercadang **mengenakan duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan vape.** Walaupun

vape bernikotin masih tidak sah di sisi undang-undang, hakikatnya telah dijual secara berleluasa dan dianggarkan bernilai lebih 2 bilion ringgit. Alangkah baik sekiranya ia dikawal selia dan dikenakan cukai supaya tidak menggalakkan penggunaan vape.

**34.** Kerajaan menyokong **ikhtiar *Generational Endgame (GEG)*** dan bersetuju bahawa **separuh daripada hasil duti eksais ini akan diperuntukkan semula kepada Kementerian Kesihatan** sebagai usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan.

**35.** Bagi mengurangkan ketirisan, usaha **penguatkuasaan oleh agensi Kerajaan akan terus dipergiat bersama-sama pihak industri bagi mengekang ketirisan hasil dan subsidi** angkara sindiket penyeludupan seperti diesel, arak dan rokok.

**36.** Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan melaksanakan semula program pengakuan secara sukarela. Melalui program ini, **pengampunan ke atas penalti 100 peratus akan diberikan bagi pengakuan sukarela mulai 1 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.**

**Ikhtiar 2:** Memenuhi Keperluan Ekonomi Rakyat

**37.** Saya kongsi petikan daripada surat Saidina Ali Abi Talib yang diutuskan kepada calon Gabenor Mesir Malik Ashtar sebagai pedoman kita bersama:

فربما حدث من الأمور ما إذا عولت فيه عليهم من بعد احتملوه طيبة أنفسهم به فإن العمران محتتمل ما حملته، وإنما يوتى خراب الأرض من إعواز أهلها وإنما يعوز أهلها لإشراف أنفس الولاية على الجمع وسوء ظنهم بالبقاء وقلة انتفاعهم بالعبر

*“...dan adakalanya timbul pelbagai kesulitan yang bila kau tunjukkan jalan keluar kepada mereka, nescaya mereka akan menerimanya. Kesejahteraan mereka pasti mampu meringankan beban yang kau pikul, sebaliknya kehancuran negeri selalunya dari kerakusan para penguasa yang menumpuk kekayaan”.*

**38.** Pentadbiran ini memahami masih banyak peniaga yang terkesan dengan pandemik lalu terutamanya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Belanjawan MADANI akan memastikan PMKS tempatan untuk kembali berdaya saing dan meningkatkan keupayaan perniagaan mereka. Pelbagai kemudahan termasuk potongan cukai dan dana pembiayaan disediakan bagi membantu para peniaga.

### **Pertama: Potongan Cukai**

**39.** Sukacita diumumkan, Kerajaan bersetuju mulai tahun taksiran 2023, **kadar cukai PMKS ke atas pendapatan bercukai bagi 150 ribu pertama dikurangkan daripada 17 peratus kepada 15 peratus.** Pengurangan ini dapat memberi penjimatan sehingga 3 ribu ringgit kepada setiap 150 ribu pembayar cukai PMKS.

### **Kedua: Kemudahan Penjaja dan Peniaga Kecil**

**40.** Saya sering tegaskan apa guna kita punyai gedung-gedung besar, tetapi rakyat yang hidupnya berniaga kecil-kecilan tidak diambil peduli. Ekonomi rakyat perlu dimartabat, keperluan mereka hendaklah dipenuhi. Negara sudah cukup berselirat dan terkenal dengan projek mega dan mercu tanda, tetapi saya juga mahukan negara terkenal dengan kemudahan penjaja, gerai dan warung yang bersih dan indah.

**41.** Untuk memaknai hasrat ini, Kerajaan menyediakan **50 juta ringgit bagi membina baharu dan menaik taraf melibatkan 3,000 gerai dan kiosk sebagai kemudahan penjaja kecil berniaga di lokasi tumpuan seluruh negara.**

**42.** Selain itu, sejumlah 176 juta ringgit disediakan bagi menaik taraf premis dan kemudahan perniagaan antaranya di bawah MARA, DBKL, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA).



### **Ketiga: Kemudahan Pinjaman dan Jaminan Pembiayaan**

**43.** Agensi-agensi Kerajaan akan terus menyediakan pelbagai kemudahan pinjaman dan jaminan pembiayaan untuk manfaat usahawan PMKS dengan nilai keseluruhan sehingga 40 bilion ringgit.

**44.** Usahawan mikro dan penjaja kecil disediakan kemudahan pinjaman di bawah agensi seperti Bank Negara Malaysia, BSN dan TEKUN dengan dana yang tersedia berjumlah 1.7 bilion ringgit.

- **Antaranya, 300 juta ringgit dikhaskan untuk menyokong perniagaan mikro oleh usahawan wanita dan belia.**
- BSN menyediakan lebih 1 bilion ringgit dengan tumpuan kepada PKS Mikro dan penjaja.
- TEKUN juga menyediakan 330 juta ringgit termasuk **10 juta ringgit untuk membantu belia daripada keluarga susah meraih pendapatan melalui perniagaan.** Mereka diberi modal memulakan perkhidmatan penghantaran menggunakan motosikal.
- Kerajaan juga bersetuju **menanggung bayaran ujian memandu untuk lesen motosikal kelas B2 dan bayaran lesen teksi, bas dan e-hailing kepada belia B40.**

**45.** Bagi perniagaan kecil dan sederhana (PKS), hampir 10 bilion ringgit dana pinjaman disediakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Antaranya untuk meringankan beban kewangan PKS dan menyokong pengembangan perniagaan.

**46.** Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) sedia menjamin sehingga 20 bilion ringgit pinjaman PKS dengan sektor tumpuan seperti teknologi tinggi, pertanian dan pembuatan diberi jaminan Kerajaan sehingga 90 peratus. Jaminan juga diperluas kepada pembiayaan oleh institusi kewangan bukan perbankan seperti syarikat pajakan kredit dan koperasi supaya dapat memberi manfaat khusus kepada penjaja kecil.

### **Ikhtiar 3:** Mendepani Musibah Bencana

#### **Pertama: Persiapan Menghadapi Bencana**

**47.** Saya telah tegaskan perolehan rundingan terus yang dibuat dengan tergesa-gesa tanpa penelitian hanya membazirkan wang rakyat terutamanya berkait soal tebatan banjir. Sedangkan projek ini mustahak dan menelan belanja yang besar. Ketelanjuran lalu yang secara gopoh meluluskan projek tebatan banjir telah dibatalkan dan kini sedang dalam siasatan dan tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta Jabatan Peguam Negara.

**48.** Bagi memastikan projek tebatan banjir benar-benar mencapai matlamatnya, **projek cakna rakyat dan berimpak tinggi mesti dilaksanakan secara tender supaya menjamin nilai faedah terbaik dan memberi penjimatan kepada Kerajaan.**

**48.** Sebagai contoh, negara dijangka **mampu jimat 2 bilion ringgit daripada jumlah 15 bilion peruntukan tebatan banjir** yang disediakan sebelum ini. Lantaran itu, pelaksanaan perolehan mesti dibuat secara tender.

**50.** Tahun ini **enam projek tebatan banjir akan ditender semula dengan segera selewatnya bulan Jun 2023** antaranya melibatkan:

- Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Johor, Kota Tinggi, Johor;
- Pembinaan kolam takungan dwifungsi bagi tebatan banjir dan sumber bekalan air mentah di Sungai Rasau dan Sungai Klang, Selangor; dan
- Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok Fasa 3, Kelantan.

**51.** Prestasi pasukan penyelamat kita di Turkiye baru-baru ini amat cemerlang dan membanggakan. Kita berharap pencapaian ini dapat diterjemahkan dalam bentuk mempertingkatkan kecekapan mengurus bencana dan memperkemas tahap kesiapsiagaan bencana di negara ini. Untuk itu:

- NADMA disediakan 150 juta ringgit antara lainnya untuk keperluan aset, sistem amaran dan bantuan bencana kepada rakyat yang terkesan.
- Angkatan Tentera Malaysia, Bomba dan RELA juga disediakan 50 juta ringgit bagi menyediakan peralatan dan aset untuk menghadapi bencana.
- Peranan komuniti turut diperkasa sebagai kumpulan awal ketika bencana. Kerajaan menyediakan 20 juta ringgit di bawah Geran Pertubuhan Prihatin Komuniti untuk manfaat 2,000 persatuan penduduk.

## **Kedua: Amalan Hijau**

**52.** Allah SWT berfirman dalam Surah Ar-Rum, ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

*Telah tampak kerusakan di darat dan di laut disebabkan karena perbuatan tangan manusia; Allah menghendaki agar mereka merasakan sebagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)*

**53.** Kerasukan dan kegelojohan menggondol khazanah alam, pembalakan bermaharajalela, antara sebab terjadi bencana besar. Di samping mengejar pertumbuhan ekonomi, penting untuk kita mengadun sebuah mutu kehidupan yang mampan dan seimbang serta menjaga hubungan antara manusia dan alam.

**54.** Tekad Kerajaan adalah untuk mempertahankan khazanah semula jadi negara, ke arah memastikan masa depan yang lebih bermakna untuk semua. Ini termasuklah **memelihara biodiversiti dan pengurusan hutan yang pada masa sama mengurangkan kebergantungan Kerajaan Negeri kepada hasil balak.**

- **Peruntukan *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation (EFT)* kepada Kerajaan Negeri akan ditingkatkan kepada 150 juta setahun berbanding 70 juta ringgit tahun lalu.** Agihan EFT kepada negeri-negeri akan mengambil kira pewartaan kawasan perlindungan baharu termasuk habitat harimau dan mempergiat penanaman semula pokok di kawasan hutan terosot.
- Pada masa sama, sejumlah **38 juta ringgit turut disediakan bagi memelihara hidupan liar seperti harimau dan gajah serta habitat hutannya.**
- Kerajaan akan **menambah bilangan renjer** yang mengawal kawasan hutan kepada **1,500 orang** dengan mengutamakan khidmat komuniti **orang asli dan veteran tentera dan polis** melibatkan peruntukan 50 juta ringgit.

**55.** Kerajaan akan terus menggalakkan amalan hijau dalam perniagaan.

- BNM menyediakan dana pinjaman sehingga 2 bilion ringgit bagi mendukung syarikat pemula teknologi lestari dan membantu syarikat PKS menerap amalan rendah karbon.
- Khazanah pula menyediakan 150 juta ringgit bagi merencanakan pembangunan projek mesra alam termasuk mendukung pasaran karbon dan penghutan semula.
- Selain itu, pelaksanaan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) ditambah baik dengan nilai jaminan dinaikkan kepada 3 bilion ringgit sehingga 2025.

## **Ikhtiar 4:** Meraih Pelaburan Berimpak Tinggi

### **Pertama: Memudah Cara Pelaburan**

**56.** Agak membimbangkan bilamana kadar inovasi negara ini masih rendah di samping nilai pelaburan yang belum melepasi tahap prapandemik. Perlu ada kebijakan baharu yang berupaya memberdaya ekosistem serta menarik lebih banyak kemasukan pelaburan bermakna yang memangkin pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan dengan gaji yang bermaruah.

**57.** Bagi **merancakkan pelaburan sektor berteknologi dan berimpak tinggi, selaras Dasar Pelaburan Baharu:**

- Invest Malaysia Council dan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) akan menerajui usaha mempercepat kelulusan projek-projek pelaburan berpotensi tinggi. Sementara PEMUDAH akan diperkasa sebagai unit pemudah cara iklim pelaburan dan persekitaran perniagaan.
- Kerajaan akan menambah baik prosedur menjalankan perniagaan bagi mengurangkan birokrasi termasuk **memberikan insentif kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang memudah cara pelaksanaan pelaburan yang telah diluluskan bagi memastikan usaha pelaburan dapat dipercepat.**

**58.** Kajian Bank Negara menunjukkan, manfaat pelaburan langsung asing (FDI) dilihat semakin mengecil ekoran ketersediaan insentif yang tinggi dan pelaburan bernilai tambah rendah. Malaysia mempunyai lebih 100 jenis insentif dan lebih 30 agensi promosi pelaburan (IPA). Dengan pola perubahan global susulan perkembangan teknologi dan perubahan iklim, evolusi insentif di Malaysia diperlukan untuk menyokong kegiatan ekonomi.

**59.** Bergerak ke hadapan, sebuah **Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 akan diumumkan pada suku ketiga 2023** untuk melakar hala tuju pembangunan perindustrian yang bertumpukan aktiviti berkualiti tinggi dan pengambilan bakat tempatan.

- Selari dengan Pelan ini, agensi promosi pelaburan dan **insentif pelaburan akan distruktur semula ke arah kadar cukai berperingkat berasaskan hasil** seperti mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, mendalami rantaian bekalan dengan firma tempatan dan mewujudkan kelompok industri baharu.
- Pemantauan pelaburan yang menerima insentif juga akan diperkasa untuk memastikan manfaat yang diharapkan dapat diperolehi sepenuhnya oleh negara dan rakyat.

**60.** Antara isu utama pelabur asing ialah kurangnya bakat tempatan yang membolehkan mereka melabur dan beroperasi di Malaysia. Sedangkan pada masa sama, kita memberi biasiswa kepada lebih seribu pelajar setiap tahun untuk bidang kejuruteraan di Jepun, Korea, Perancis dan Jerman.

- Bagi menangani isu ini, Kerajaan akan **menyelaras kerjasama antarabangsa dengan syarikat multinasional asing untuk menyediakan peluang perantisan di negara pemegang biasiswa menuntut. Pelajar ini juga dibenarkan untuk menyempurnakan bon perkhidmatan mereka dengan syarikat tersebut.**

## **Kedua: Pelaburan dalam Sektor Keutamaan**

**61.** Malaysia punyai potensi besar dalam sektor elektrik & elektronik (E&E) serta aeroangkasa. Kerajaan bercadang untuk:

- **melanjutkan galakan cukai kepada syarikat pengilangan yang memindahkan operasi ke Malaysia dan kadar cukai 15 peratus kepada C-Suite sehingga tahun 2024** bagi menarik pelaburan daripada syarikat yang terjejas akibat COVID-19 untuk beroperasi di Malaysia; dan
- melanjutkan insentif cukai pendapatan serta elaun cukai pelaburan sehingga 31 Disember 2025 dalam bidang aeroangkasa bagi menggalakkan pengembangan kapasiti syarikat sedia ada dan menarik pelaburan daripada syarikat baharu.



- 62. Bank Pembangunan Malaysia Berhad menyediakan sehingga 6 bilion ringgit pembiayaan strategik** khusus untuk menggalakkan agenda mampan dan automasi selain sokongan dalam bentuk ekuiti dan modal kerja pusingan kepada syarikat berpotensi tinggi yang masih terjejas dengan COVID-19.
- 63. Kerajaan memandatkan Tun Razak Exchange (TRX) sebagai hab kewangan antarabangsa Malaysia.** TRX perlu berusaha menarik industri kewangan global supaya berupaya menjadi destinasi utama pelaburan asing berkualiti tinggi yang boleh memperkukuh ekosistem perniagaan di Malaysia.
- 64. Kerajaan juga bercadang untuk memperkukuh pembangunan Iskandar Malaysia di Johor melalui pewujudan zon khas kewangan** dengan pakej imbuhan yang berdaya saing bagi menarik pelabur antarabangsa dan pekerja berpendidikan menetap di Malaysia.
- 65. Bagi mendukung dan menggalakkan kemasukan pelabur, peniaga dan pelancong, Kerajaan bercadang untuk membesarkan dan meningkatkan keupayaan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Subang.** Cadangan pembesaran yang akan diterajui oleh MAHB ini dijangka memanfaatkan pertumbuhan ekonomi pada kos yang jauh lebih rendah berbanding cadangan membina lapangan terbang baharu di Kulim yang dianggarkan 7 bilion ringgit.
- 66. Tumpuan juga diberikan untuk menyokong projek pembangunan Pelabuhan Sanglang di Perlis** bagi mengendalikan kargo petroleum dan kargo pukal yang akan memberi nilai tambah kepada ekonomi Perlis. Dalam masa yang sama, Kerajaan akan membina struktur baharu hakisan pantai antara Kuala Sanglang, Perlis ke Kuala Jerlun Kubang Pasu, Kedah.
- 67. Bagi menyokong perkembangan perdagangan antarabangsa, Kerajaan mendukung cadangan pembangunan pelabuhan utama di Pulau Carey oleh pihak swasta.** Projek ini dijangka dapat memperkukuh pelabuhan Klang sebagai pelabuhan hab utama untuk rantau Asia Tenggara.

### **Ketiga: Ekonomi dan Kewangan Islam**

**68.** Ramai keluarga kita dahulunya menyimpan wang di bawah bantal. Sejak itu saya sedar kepentingan sebuah bank Islam yang mengguna pakai prinsip keadilan sosial, sifar riba bagi meyakinkan bukan sahaja umat Islam malah bukan Islam untuk melabur dan menyimpan dalam sistem perbankan yang kini berada di seantero dunia.

**69.** *Alhamdulillah*, Malaysia terus menerajui sektor kewangan Islam di dunia sejak diperkenalkan lebih empat dekad lalu dengan pengoperasian Bank Islam pada tahun 1983. Kita juga kekal di kedudukan teratas pasaran sukuk global dan peneraju utama pengetahuan kewangan Islam.

**70.** Di sebalik pencapaian membanggakan, **sektor kewangan Islam masih belum mencapai keupayaan penuh berasaskan nilai bagi memenuhi keperluan ekonomi dan sosial semasa.**

- Ekosistem kewangan Islam hari ini belum menepati idealisme pelopor Kewangan Islam seperti Profesor Dr. Muhammad Nejatullah Siddiqi yang menekankan konsep keadilan dan moral yang selari dengan maqasid syariah. Beliau antaranya menyebut, *“more than anything else, Islamic banking and finance, a sub-culture of Islamic economics, has been a quest for justice and morality into the ordinary business of life.”*
- Almarhum Sheikh Yusuf al-Qaradhawi dalam kunjungan ke Malaysia pada 2009 menyatakan keprihatinan terhadap sistem kewangan Islam agar dirangka dengan ikhtiar baharu yang lebih berkesan bagi pembangunan sosioekonomi rakyat berlandaskan keadilan sosial.
- Maka perlunya kebijakan baharu dalam meningkatkan keupayaan sistem kewangan Islam dengan menekankan prinsip pemacuan pertumbuhan, penyertaan yang lebih meluas dan pengagihan kekayaan yang adil serta tidak hanya tertumpu kepada keuntungan syarikat dan konglomerat.

- Ini juga jelas diungkap oleh Sir Ronald Cohen dalam karyanya *'Impact: Reshaping Capitalism to Drive Real Change'* bahawa betapa berjayanya syarikat berteraskan impak sosial yang bukan hanya berpaksikan keuntungan semata.

**71.** Kementerian Kewangan, Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti terus memberi penekanan untuk **meningkatkan penyediaan pembiayaan Islam berteraskan ekuiti dengan konsep perkongsian risiko seperti Mudarabah dan Musyarakah.**

**72.** BNM juga memperkenalkan *Climate Risk Management and Scenario Analysis, Towards A Greener Financial System and Financial Inclusion Framework 2023-2026*. Di peringkat global, *the General Council for Islamic Banks and Financial Institutions* turut telah mengeluarkan *Sustainability Guide for Islamic Financial Institutions*.

**73.** Berhubung simpanan syariah KWSP yang telah diperkenalkan sejak 2017, pada masa ini, aset simpanan syariah dilaburkan bersama-sama aset patuh syariah dalam simpanan konvensional. **Bermula 2024, aset simpanan syariah akan diasingkan sepenuhnya bagi memberi pulangan yang kompetitif kepada 1.25 juta ahli yang memiliki akaun syariah.**

**74.** Sesuai dengan kerangka MADANI, **kaedah berwakaf merupakan salah satu mekanisme pengagihan semula kekayaan yang menyumbang kepada kesejahteraan sejagat.**

- Kejayaan pembinaan Menara Bank Islam di segi tiga emas Kuala Lumpur atas wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy yang bernilai ratusan juta ringgit menunjukkan keupayaan sebenar sektor wakaf terhadap agenda pembangunan.
- Begitu juga Wakaf Seetee Aisyah dan Wakaf Simpang Enam di Pulau Pinang yang boleh dijadikan rujukan sebagai pusat sosioekonomi rakyat setempat.

- Malah Wakaf FELDA membuktikan adanya anjakan minda peneroka apabila mereka bukan lagi semata-mata golongan menerima bantuan tetapi telah mula berkongsi rezeki dengan nilai wakaf terkumpul melebihi 27 juta ringgit walaupun tabung wakaf baru ditubuhkan pada 2021.

**75.** Setakat ini, tanah wakaf berdaftar yang berjaya dibangunkan hanya sekitar 3,500 hektar atau 12 peratus. Usaha segera perlu digembleng dalam membangunkan tanah dan aset wakaf.

**76.** Sukacita dimaklumkan, **Kerajaan telah menerima komitmen swasta untuk mewujudkan Wakaf MADANI dengan aset-aset bernilai lebih 1 bilion ringgit.** Aset-aset yang terdiri daripada tanah, masjid, bangunan, kemudahan kesihatan dan pendidikan akan dioptimumkan bagi manfaat golongan fakir miskin, berpendapatan rendah dan golongan rentan lain.

## **II. Reformasi Institusi & Tatakelola Baik Bagi Memulih Keyakinan**

---

### **Ikhtiar 5: Pembaharuan Sektor Awam**

Dato' Yang di-Pertua,

**77.** Saya mahu buktikan ada seorang anak Melayu yang menggunakan kuasanya menjaga dan berjuang untuk rakyat negara ini. Saya mahu buktikan seorang yang beragama Islam akan dihormati dan dipercayai kerana prinsipnya menegakkan keadilan dan kebenaran.

**78.** Kerajaan Perpaduan dengan tegas akan melaksanakan reformasi institusi dan tatakelola baik bagi menghapus segala ruang yang boleh mewujudkan amalan rasuah dan penyelewengan yang sistemik.

**79.** Semua agensi Kerajaan termasuk LHDN, SPRM dan PDRM sedang giat menyiasat salah laku rasuah termasuk nama-nama yang terkait dalam Pandora Paper. Agensi berkenaan juga akan terus menyiasat kekayaan luar biasa bagi memerangi jenayah rasuah daripada terus membarah.

**80.** Rakyat sudah tidak sabar mahukan perubahan, saya juga tidak sabar untuk lakukan anjakan pembaharuan supaya urusan Kerajaan akan lebih pantas, mudah dan telus.

#### **Pertama: Ketelusan Dalam Perolehan Kerajaan**

**81.** Pelaksanaan perolehan Kerajaan misalnya, mesti telus dan terbuka berlandaskan tatakelola yang baik. Tidak boleh sewenang-wenangnya berlaku pembaziran wang rakyat dan pelanggaran hukum menggunakan kaedah rundingan terus.

**82.** Faktanya, **projek tebatan banjir 15 bilion ringgit, Jana Wibawa 7 bilion ringgit dan projek lain yang dibuat secara rundingan terus sebelum ini telah dibatalkan.**

**83.** **Setelah sebilangannya ditender semula secara telus, negara dijangka boleh jimat sekurang-kurangnya 3 bilion ringgit.** Penjimatan besar seperti ini akan diagih semula untuk dimanfaatkan melalui projek rakyat yang lain.

**84.** Kerajaan pada 2019 telah **mencadangkan pembentangan Akta Perolehan Kerajaan** di Dewan ini, namun telah ditangguhkan sewaktu pentadbiran Kerajaan lalu. Kerajaan Perpaduan bercadang untuk membentangkan Akta ini dengan segera.

**85.** Selama ini ada orang berasa curiga, takut dan menerima tekanan, apabila ingin memberikan maklumat. Kerajaan bercadang untuk **meminda dan membentangkan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat pada tahun ini**, bagi melindungi pemberi maklumat supaya agenda membanteras rasuah dan salah laku benar-benar menuaikan hasil.

#### **Kedua: Menyegerakan Projek Prasarana Rakyat**

**86.** Tidak boleh diterima akal bahawa zaman sekarang rakyat masih terpaksa berdepan isu sekolah dan klinik daif. Saya tidak mahu perkara ini terus berlarutan. Kalau disebabkan projek lambat siap kerana mematuhi prosedur, apa guna jadi Kerajaan kalau tidak memudah cara. Ini perlu segera diselesaikan tahun ini juga.

- Kerajaan menyasarkan untuk **menyiapkan dengan kadar segera pembaikan bagi 400 klinik daif dan 380 sekolah daif dengan peruntukan sebanyak 1.2 bilion ringgit.**
- Untuk menyegerakan pelaksanaan projek, **had sebut harga perolehan kerja pembaikan sekolah dan klinik daif ditingkatkan kepada 1 juta berbanding 500 ribu ringgit serta perolehan secara cabut undi kepada 200 ribu berbanding 100 ribu ringgit.**

**87.** Terkait hal yang sama, **isu kemalangan jalan raya** yang kian meningkat juga perlu segera ditangani. Lebih-lebih lagi jika disebabkan kelemahan prosedur Kerajaan menyelesaikan masalah keselamatan jalan raya.

- Kerajaan menyediakan **2.7 bilion ringgit untuk menyelenggarakan dan menaik taraf jalan persekutuan.** Dalam masa sama, bagi melaksanakan penyelenggaraan kecil, 300 juta ringgit disediakan khusus untuk kontraktor G1 hingga G4.
- Sejumlah **1.5 bilion ringgit juga disediakan bagi menaik taraf dan membina baharu jalan perhubungan desa serta jalan-jalan luar bandar.**
- Bagi isu jalan-jalan berlubang, **khidmat Jurutera Daerah akan digunakan untuk menyegerakan penurapan kerosakan jalan persekutuan serta pembaikan segera lain** berdasarkan aduan rakyat yang diterima. Kerajaan menyediakan 100 ribu ringgit untuk setiap daerah.
- Sejumlah 50 juta ringgit disediakan untuk segera **memasang lampu-lampu jalan khususnya di kawasan berkemalangan tinggi.**
- Kerajaan akan **meningkatkan pemberian MARRIS yang bertujuan untuk menyelenggarakan jalan negeri kepada 5.2 bilion ringgit.** Kerajaan Persekutuan telah

memberi kelonggaran termasuk membenarkan penggunaan MARRIS untuk membaiki dan mengganti jalan, jambatan dan longkang yang rosak akibat bencana.

### **Ketiga: Galakan Kementerian dan Agensi Berinovasi**

**88.** Kita tidak boleh lagi bertoleransi dengan budaya kerja lapuk, peraturan tidak munasabah dan prosedur yang melambatkan. Masih banyak perkhidmatan Kerajaan menggunakan khidmat ejen hingga amalan rasuah itu menjadi sistemik.

**89.** Perkhidmatan Kerajaan perlu cerdas mengadaptasi teknologi dan digital bagi mengurangkan karenah birokrasi. Anjakan baharu juga diperlukan supaya dapat membolehkan daya perkhidmatan awam bagi melaksanakan yang terbaik untuk rakyat tanpa batas sempadan kementerian atau agensi.

- Sebuah **Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara telah ditubuhkan** untuk menerajui hasrat ini.
- Dana akan disediakan bagi **pelaksanaan projek rintis oleh Kementerian yang boleh menambah baik perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat di bawah STAR**. Kementerian yang berjaya akan diberikan peruntukan penuh untuk pelaksanaan projek di peringkat nasional.
- Bagi memastikan perkhidmatan pengkomputeran awan dalam sektor awam yang berkesan, MAMPU telah mengambil langkah strategik dengan **menaik taraf perkhidmatan MyGovCloud**. Perkhidmatan ini mampu berfungsi secara hibrid dengan turut menggabungkan perkhidmatan *public cloud* oleh *cloud service provider* yang dilantik Kerajaan.
- Kerajaan akan memastikan lebih banyak pusat data dapat dibuka di Malaysia dengan memberi imbuhan cukai dan infrastruktur keselamatan yang berpatutan, kemudahan tenaga hijau dan lokasi untuk membuka pusat ini.



## Keempat: Menangani Isu-Isu Rakyat

**90. Jenayah penipuan dalam talian atau *scam*** kini semakin parah. Untuk tahun 2022 sahaja, lebih 25 ribu jenayah ini direkodkan dengan kerugian sebanyak 850 juta ringgit. Walaupun Kerajaan telah menubuhkan National Scam Response Centre (NSRC), tetapi belum ada dasar seragam dalam menangani isu ini kerana setiap institusi perbankan mengeluarkan garis panduan masing-masing. Bagi **menguukuhkan peranan NSRC, sejumlah 10 juta ringgit disediakan sebagai geran pengoperasian.**

**91.** Bank Negara juga akan **menguatkuasakan dasar “kill switch” kepada** semua institusi perbankan **bagi membolehkan pengguna sendiri mengambil tindakan segera membekukan akaun mereka** termasuk kad ATM daripada digunakan sekiranya terdapat aktiviti yang mencurigakan.

**92. Rakyat yang diisytihar muflis** berhak punyai peluang kedua. Setakat Januari, lebih 260 ribu kes muflis telah direkodkan yang turut melibatkan anak-anak kita majoritinya Melayu yang punyai potensi menyumbang kepada ekonomi negara.

- Kerajaan akan **meminda Akta Insolvensi 1967 supaya kes muflis dapat dilepaskan secara automatik pada masa yang singkat.**
- Sementara menunggu pindaan, **kes-kes kecil yang hutangnya kurang 50 ribu ringgit yang memenuhi syarat akan dilepaskan serta-merta mulai 1 Mac ini.**
- Kerajaan menyasarkan 130 ribu rakyat dilepaskan daripada status muflis dengan lulusnya pindaannya.

**93. Golongan banduan** juga wajar mendapat peluang kedua. Bagi kepentingan dan asimilasi semula ke dalam masyarakat, **banduan akan terus diberi latihan secukupnya melalui program *Skill for Inmate*.** Majikan juga digalakkan untuk menggaji banduan termasuk bekas penghuni Sekolah Henry Gurney dan institusi perlindungan dan pemulihan JKM dan layak mendapat potongan cukai tambahan.

Program Agro Penjara untuk banduan terlibat dalam aktiviti pertanian yang dilaksanakan di atas tanah penjara seluas 70 hektar akan terus diperkasa dengan peruntukan 10 juta ringgit.

**94.** Kerajaan Perpaduan sentiasa prihatin akan keselamatan masyarakat kita, terutamanya **wanita dan kanak-kanak**. Namun, permasalahan melibatkan wanita dan kanak-kanak masih dilihat membimbangkan saat ini.

- Bahagian D11, Polis Diraja Malaysia akan bertindak lebih agresif dalam menyiasat kes-kes seksual, wanita dan kanak-kanak. Antaranya, sebuah **pasukan khas di bawah D11 akan ditubuhkan khusus untuk membanteras aktiviti pornografi kanak-kanak** dan bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk mencari pelaku yang terlibat.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan **mewujudkan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak** di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memberikan perkhidmatan sokongan lebih komprehensif kepada kanak-kanak.

**95.** Syarikat yang menyediakan perkhidmatan kredit pengguna seperti syarikat pemfaktoran dan *Buy Now Pay Later* perlu dikawal bagi melindungi hak pengguna. Bagi menjamin layanan yang adil serta melindungi hak rakyat dan perniagaan, Kerajaan akan **menggubal Akta Kredit Pengguna serta menubuhkan Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna bagi mengawal selia perniagaan kredit** yang dijangka akan dibentangkan pada tahun ini.

**96.** Bagi membantu rakyat susah mendapat **pembelaan yang adil dan saksama**, Jabatan Bantuan Guaman akan **menaikkan had kelayakan mendapatkan bantuan guaman penuh daripada 30 ribu kepada 50 ribu ringgit**. Fungsi Jabatan Bantuan Guaman juga akan diperluas meliputi kes-kes sivil dan syariah. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan **meneliti ikhtiar untuk menggubal Akta yang khusus bagi menawarkan bantuan guaman percuma bagi kes jenayah** supaya rakyat susah turut mendapat akses kepada keadilan.

## Kelima: Reformasi Institusi

**97.** Kerajaan menekuni pengarah baharu untuk **mereformasi institusi perkhidmatan awam yang dilihat mempunyai pertindihan kuasa dan fungsi yang hampir sama**. Ini juga termasuk kemungkinan **membebaskan sepenuhnya dan mengasingkan saraan bagi Badan-Badan Berkanun Persekutuan yang mandiri**. Langkah ini dilihat penting bagi mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan.

**98.** Pemusatan badan-badan Kerajaan dengan fungsi yang hampir sama bertujuan supaya lebih efektif dalam menunaikan mandatnya.

- Sebagai contoh, Kerajaan mencadangkan penstrukturan semula institusi yang memperkasa pegangan pelaburan bumiputera dengan **menggabungkan Yayasan Pelaburan Bumiputra, Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera serta Yayasan Ekuiti Nasional dalam tempoh terdekat**.
- Kerajaan juga meneliti keperluan **menstruktur semula semua agensi yang mengawal selia dan menyelaras ekosistem syarikat pemula dan inovasi**. Ini penting supaya dapat diselaraskan dengan lebih efektif usaha membangunkan syarikat pemula tempatan dari peringkat permulaan hinggalah berjaya disenarai di Bursa Malaysia.
- Satu perkara pokok yang perlu diberi perhatian, **agensi Kerajaan hendaklah kembali mengutamakan fungsi asal penubuhan mereka**. Pengarah baharu lebih tuntas perlu bagi meneliti kemungkinan menutup mana-mana syarikat subsidiari yang merugikan dan tidak selari dengan fungsi penubuhan seperti penubuhan syarikat ejen pelancongan, pengawal keselamatan dan teknologi maklumat. Kerajaan meneliti kemungkinan untuk melarang syarikat dan badan berkanun persekutuan untuk meneruskan amalan ini.

- Semakan semula juga perlu dilaksanakan ke atas **pakej saraan ketua eksekutif dan pengurusan tertinggi syarikat dan badan berkanun pada kadar yang lebih munasabah.**

#### **Ikhtiar 6:** Memperkasa Kerjasama Awam-Swasta

**99.** Kita mesti menjalin usahasama yang memanfaatkan kekuatan dengan Kerajaan mudah cara manakala sektor swasta memacu pertumbuhan ekonomi, melabur dan menjana pekerjaan.

#### **Pertama: Kerjasama dengan Industri bagi Pelaksanaan TVET**

**100.** Bukan sahaja pengangguran belia itu tinggi, malah kita juga terperangkap dalam situasi *underemployment* bilamana pekerjaan tidak dibayar gaji yang setimpal dengan kelayakan.

**101.** Data menunjukkan, 90 peratus graduan TVET memperoleh pekerjaan tetapi 90 peratus mereka meraih gaji yang rendah hanya sekitar 2,000 ringgit sebulan. **Walhal Kerajaan berbelanja sehingga 6.7 bilion ringgit untuk TVET. Ini tidak boleh diterima dan pembaharuan perlu dilaksanakan agar 90 peratus graduan TVET menerima gaji lebih 2,000 ringgit.**

**102.** Suatu kebijakan yang harus dicontohi ialah kerjasama Kerajaan Pulau Pinang dengan pemain industri Elektrikal & Elektronik yang berjaya menyediakan pekerjaan kepada graduan TVET dengan gaji bermaruah. Syarikat seperti Intel, Motorola dan Inari telah memanfaatkan Penang Skills Development Centre untuk menganjurkan program latihan berdasarkan keperluan mereka.

**103.** Kerajaan berhasrat untuk **mencontohi model ini secara rintis melibatkan institusi TVET Persekutuan dengan sasaran 50 buah syarikat terutamanya daripada kalangan GLC.**

- Syarikat peneraju ini akan **mengambil alih sebahagian atau sepenuhnya operasi institusi TVET seperti kolej komuniti, institut latihan perindustrian (ILP) dan institut kemahiran belia negara (IKBN) bagi menyediakan program latihan yang memenuhi keperluan mereka.** Misalnya:

- PETRONAS menerajui kluster minyak & gas di Pengerang, Kimanis, Batu Rakit dan Miri;
  - DRB Hicom bagi kluster automotif di Pekan;
  - Sunway bagi kluster perhotelan; dan
  - MRCB bagi kluster pembinaan.
- Pembaharuan ini berupaya menggunakan sumber Kerajaan dengan lebih efektif bagi penghasilan graduan TVET yang memenuhi keperluan industri. Kerjasama awam-swasta melalui pendekatan baharu seperti ini akan terus diteroka untuk bidang atau perkhidmatan Kerajaan yang lain.

**104.** Bagi mengeratkan kerjasama industri, **Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) diperkukuh dengan peruntukan 50 juta ringgit** untuk manfaat lebih 8,000 pelatih. Program *Academy in Factory* akan dilaksanakan untuk menyediakan peluang kepada lebih 50 ribu pelatih menjalankan latihan sambil bekerja di kilang.

#### **Kedua: Galakan Pekerjaan dengan Pendapatan Setimpal**

**105.** Kerajaan akan terus **menggalakkan sektor swasta menggaji dengan nilai yang lebih tinggi.**

- PERKESO akan **menyediakan insentif kepada majikan yang menggaji 17 ribu graduan khususnya TVET sebanyak 600 ringgit sebulan selama tiga bulan** sebagai tambahan kepada gaji yang ditawarkan. 45 juta ringgit disediakan untuk tujuan ini.
- PERKESO juga menyediakan **insentif kepada majikan menggaji golongan mudah terjejas seperti OKU, bekas banduan, gelandangan dan penganggur tegar sehingga 600 ringgit sebulan untuk tempoh sehingga tiga bulan.**

**106.** Kerajaan turut menggalakkan anak muda **meningkatkan keupayaan dan kemahiran bagi meraih gaji yang lebih bermakna.**

- Kerajaan akan **menanggung bayaran latihan untuk pekerja gig menjalani program peningkatan kemahiran *micro credentials* sehingga 4,000 ringgit.** PERKESO juga menyediakan **elaun 300 ringgit untuk tiga bulan sebagai menggantikan pendapatan pekerja gig yang aktif dan sedang menjalani program latihan.** Secara keseluruhan, 40 juta ringgit disediakan untuk manfaat 30 ribu pekerja gig.
- Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDCorp) dengan dana 1 bilion ringgit akan dimanfaatkan untuk melaksanakan program latihan kemahiran kepada pekerja-pekerja bagi majikan yang berdaftar dan mempunyai levi terkumpul.

**107.** Bagi membantu menangani pengangguran dalam kalangan belia, syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan akan menawarkan 35 ribu peluang kerjaya kepada lepasan sekolah dan graduan.

**108.** Sektor minyak sawit **mengalami kerugian hasil 20 bilion ringgit akibat dasar yang mengekang pengambilan pekerja terutama pekerja asing.** Dengan dasar pemutihan baru-baru ini, masalah ini hampir selesai tanpa melibatkan ejen yang mengambil laba yang tinggi.

**109.** Kebanyakan sektor berisiko tinggi masih bergantung dengan pekerja asing. Ini disebabkan sektor ini menawarkan gaji rendah dan kebajikan pekerja tidak terjamin.

**110.** Pengalaman syarikat *Sime Darby Plantation* membuktikan, pekerja tempatan bersedia untuk bekerja di ladang sawit jika gaji yang dibayar sekurang-kurangnya 3,000 ringgit dan persekitaran pekerjaan yang lebih menarik dibantu oleh mekanisasi dan mengadaptasi automasi. Sasaran mereka adalah untuk menggaji 100 peratus pekerja tempatan menjelang akhir 2027.

**111.** Maka, Kerajaan akan **menyediakan 50 juta ringgit geran sepadan untuk menggalakkan automasi sektor perladangan melalui penggunaan robotik dan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence, AI*) yang berupaya menggaji pekerja tempatan yang berkemahiran.**

**112.** Terkait soal industri sawit, kita mengeji gerakan antiminyak sawit yang masih aktif didalangi pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa. Penting untuk kita bertindak secara konsisten mempertahankan malah meluaskan pasaran industri sawit negara. **80 juta ringgit disediakan bagi menambah baik kelestarian industri sawit dan mempergiat Kempen Menangani Antiminyak Sawit.**

Dato' Yang di-Pertua,

**113.** Kerajaan Perpaduan sensitif akan **keperluan kaum wanita terutamanya mereka yang terpaksa berhenti bekerja selepas tempoh cuti bersalin untuk menjaga anak-anak** kerana kos penjagaan kanak-kanak yang tinggi.

- Bagi menggalakkan wanita kembali bekerja, PERKESO akan meminda Aktanya untuk **membolehkan pemberian geran bersamaan 80 peratus daripada nilai gaji yang diinsuranskan pekerja.** Dianggarkan lebih 130 ribu wanita yang kembali bekerja selepas bersalin akan mendapat manfaat daripada geran ini melibatkan dana keseluruhan 290 juta ringgit setahun.
- Saya **menyeru supaya majikan memainkan peranan untuk turut bertanggungjawab penyediaan pusat jagaan kanak-kanak di pejabat.** Kerajaan akan terus memudah cara garis panduan untuk pusat jagaan kanak-kanak di pejabat termasuk membenarkan penyediaan pusat jagaan di aras pejabat yang lebih tinggi.
- Majikan wajar memanfaatkan insentif cukai yuran pusat jagaan kanak-kanak yang dilanjutkan serta insentif cukai sedia ada seperti kos menyediakan pusat jagaan di pejabat.



Jika sambutan daripada majikan kurang menggalakkan, Kerajaan akan meneliti keperluan untuk mewajibkan penyediaan kemudahan tersebut demi menyokong ibu yang bekerja.

- Pada masa yang sama, Kerajaan akan memudah cara proses pendaftaran dan memulakan semula program pemutihan taska dan pusat penjagaan kanak-kanak yang belum berdaftar di seluruh negara. Sejumlah 15 juta ringgit disediakan sebagai pinjaman mudah bagi membantu para pengusaha.
- Kepada penjawat awam, Kerajaan akan **menyediakan subsidi yuran taska 180 ringgit sebulan selain menaikkan had kelayakan pendapatan bulanan isi rumah yang layak daripada 5,000 kepada 7,000 ringgit.**
- Terkait hal yang sama, bagi memperluas akses pendidikan awal kanak-kanak, Kerajaan akan **meneruskan pembinaan 80 buah taska dan tabika KEMAS termasuk 13 projek baharu.**

### **Ketiga: Dana Sepadan untuk Merencanakan Sektor Pelancongan**

**114.** Negara kita kaya dengan limpahan khazanah alam yang mempesonakan serta pantai-pantai yang bersih dan menawan, selain dikurniakan kepelbagaian flora dan fauna. Kelebihan ini ternyata mempunyai kemampuan yang tidak kecil bagi menjana lebih banyak pendapatan melalui aktiviti pelancongan di pulau-pulau peranginan ataupun di kawasan warisan. Dalam menghasilkan daya lonjakan dalam sektor ini, tahun 2025 telah ditetapkan sebagai Tahun Melawat Malaysia dengan sasaran ketibaan 23.5 juta pelancong antarabangsa dan unjuran pendapatan sehingga 76.8 bilion ringgit.

**115.** Kerajaan **memperuntukkan 250 juta ringgit untuk mempromosi pelancongan.** Antaranya 115 juta ringgit disediakan sebagai dana geran padanan untuk bekerjasama dengan industri Pelancongan dan Kebudayaan.

- Geran padanan ini antaranya untuk **menggalakkan aktiviti promosi pelancongan dan penganjuran acara besar seperti sukan antarabangsa dan kebudayaan.**
- Geran sepadan ini turut digunakan untuk **menggalakkan penerbangan carter bagi menarik pelancong dari pasaran baharu.**

**116.** Terkait hal pelancongan, kesesakan jalan raya telah menjejaskan beberapa lokasi tumpuan pelancong. Kerajaan akan melaksanakan projek:

- membina jalan baharu dari Habu ke Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang dengan kos sebanyak 480 juta ringgit;
- menaik taraf Jalan Tun Hamzah ke persimpangan Semabok Lebu AMJ Daerah Melaka Tengah dengan kos sebanyak 300 juta ringgit;
- membina jalan dan jambatan Sungai Sepang bagi menghubungkan Bukit Pelandok, Port Dickson dan Sungai Pelek, Sepang dengan kos projek 160 juta ringgit; dan
- menambah baik kemudahan jaringan lebuhraya ke Pengerang melalui pembinaan lorong memotong di *Senai Desaru Expressway*. Kerajaan juga bersetuju melaksanakan projek naik taraf Lebuhraya Utara Selatan dari Yong Peng Utara ke Senai Utara - Fasa 1, Johor daripada empat kepada enam lorong dengan kos 525 juta ringgit secara berfasa.

**Ikhtiar 7:** Mengutamakan Agenda Digital

**Pertama:** Kemudahan Internet Untuk Rakyat

**117.** Semua rakyat berhak mendapatkan kemudahan internet yang stabil, kerana sudah menjadi keperluan asas dalam menjalani kehidupan seharian.

**118.** Kerajaan akan **mempercepat pelaksanaan projek JENDELA sebagai usaha nasional menyediakan kemudahan jaringan internet.** Bagi tahun 2023, 725 juta ringgit disediakan untuk melaksanakan ketersambungan digital di 47 kawasan perindustrian untuk hampir 3,700 buah sekolah.

**119.** Pentadbiran lalu telah menerajui inisiatif 5G melalui Digital Nasional Berhad (DNB). Pada akhir 2022, DNB telah mencapai 50 peratus liputan kawasan berpenduduk dan disasarkan akan mencapai 80 peratus liputan menjelang penghujung tahun 2023. **Kerajaan Perpaduan kini mengambil pendekatan supaya DNB diuruskan dengan lebih telus dan terangkum supaya mencapai penyertaan penuh oleh pihak penyedia perkhidmatan telekomunikasi.** Akhirnya, apa yang mustahak adalah untuk mencapai liputan 5G yang menyeluruh dan pada harga yang berpatutan untuk rakyat.

**Kedua:** Pendigitalan Perniagaan

**120.** Perniagaan rakyat juga harus segera beradaptasi dengan teknologi digital supaya boleh meluaskan pasaran produk dan perkhidmatan mereka.

- Kerajaan akan **memperkasa peranan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) untuk membantu peniaga kecil dengan pengetahuan ICT dan e-Dagang.** Sebelum berakhirnya tahun 2023, Kerajaan akan memastikan terdapat kemudahan PEDi sekurang-kurangnya satu di setiap DUN (1DUN 1PEDi).
- Bagi menyokong aktiviti automasi dan pendigitalan perniagaan, **sejumlah 100 juta ringgit disediakan di bawah Skim Geran Pendigitalan PKS dan Penjaja Kecil.** Geran padanan **sehingga 5,000 ringgit** akan dibayar kepada PKS dan penjaja kecil yang melanggan aplikasi pendigitalan perniagaan seperti sistem jualan POS, perakaunan atau pengurusan inventori.
- Sejumlah **1 bilion ringgit juga tersedia sebagai dana pembiayaan di bawah BNM untuk membantu PMKS mengautomasikan proses perniagaan dan mendigitalkan operasi.**

## **Ikhtiar 8:** Memperkukuh Peranan Agensi dan Syarikat Kerajaan

**121.** Peranan GLC dan GLIC amat besar sebagai nadi penggerak ekonomi negara. Tahun ini, **nilai pelaburan terkumpul Syarikat Berkaitan Kerajaan dianggarkan mencecah 50 bilion ringgit.** Antara tumpuan pelaburan termasuklah modal teroka dalam syarikat pemula berinovasi tinggi.

### **Pertama: Syarikat Pemula Berinovasi Tinggi**

**122.** Saya sempat menemui beberapa syarikat inovatif berpertumbuhan tinggi yang antaranya telah berjaya tersenarai di dalam Bursa Malaysia dan menembusi pasaran antarabangsa.

- Bagi mencontohi kejayaan ini, **GLC antaranya Khazanah dan KWSP akan melabur dalam syarikat-syarikat pemula tempatan yang inovatif dan berpertumbuhan tinggi dengan nilai pelaburan 1.5 bilion ringgit.**
- Kerajaan bercadang melanjutkan potongan cukai sehingga 1.5 juta ringgit ke atas perbelanjaan penyenaian di Pasaran ACE dan LEAP sehingga tahun taksiran 2025. Potongan cukai turut diperluas meliputi kos penyenaian syarikat berasaskan teknologi di Pasaran Utama Bursa Malaysia.

**123.** Agensi-agensi Kerajaan akan terus meningkatkan ruang modal serta menarik minat bakat tempatan dalam sektor berinovasi tinggi.

- 40 juta ringgit disediakan di bawah *Malaysia Coinvestment Fund (MyCIF)* sebagai dana padanan yang **menyokong kaedah pendanaan alternatif.** Ini akan menjadikan ketersediaan dana terkumpul di bawah MyCIF berjumlah 300 juta ringgit.
- Suruhanjaya Sekuriti juga akan **memudahkan lebih banyak pasaran kedua bagi instrumen pasaran swasta untuk meningkatkan kecairan dan membolehkan penemuan harga yang lebih baik.** Bagi menggalakkan penyenaian syarikat teknologi berpertumbuhan tinggi tempatan, Kerajaan akan membenarkan penerbitan saham dwikelas.

## Kedua: Tanggungjawab Sosial Korporat

**124.** Syarikat-syarikat GLC dan GLIC turut menyumbang kepada pelaksanaan pelbagai program untuk kesejahteraan rakyat dan negara. Ini termasuklah:

- **sumbangan sosial korporat sehingga 250 juta ringgit bagi menumpukan usaha membantu golongan rakyat termiskin termasuk komuniti miskin bandar** untuk meningkatkan mutu kehidupan.
- Selain itu, dalam memelihara warisan negara, **Khazanah Nasional Berhad akan menerajui pembentukan Tabung Warisan Negara untuk menarik penyertaan swasta bagi memulihkan bangunan-bangunan warisan bersejarah.** Ini termasuk usaha pembangunan semula Bangunan Sultan Abdul Samad dan Carcosa Sri Negara, dengan kerjasama syarikat *ThinkCity*.
- Syarikat *ThinkCity* juga akan bekerjasama dengan DBKL untuk mengambil bahagian dalam **usaha memaknakan semula kehidupan di pusat bandar melalui projek pengindahan lokasi tumpuan serta mengangkat potensi aset bersejarah dan kebudayaan.** Sejumlah 30 juta ringgit disediakan antaranya juga untuk meningkatkan daya huni perumahan awam di Kuala Lumpur.
- Terkait hal yang sama, Kerajaan juga akan menyalurkan **peruntukan 50 juta ringgit kepada negeri Melaka dan Pulau Pinang untuk terus kekal memelihara tapak warisan dunia yang diiktiraf oleh UNESCO.**

## III. Keadilan Sosial Untuk Menyederhana Kesenjangan

---

**125.** Negara ini mendambakan Malaysia yang saling menghormati dan mengasihi. Sifat ihsan dan rahmah itu mesti tertegak melalui aspek keadilan sosial bagi menjamin kesejahteraan SEMUA rakyat.

## **Ikhtiar 9:** Menoktahkan Miskin Tegar

### **Pertama: Bantuan Tunai & Inisiatif Pendapatan Rakyat**

**126. Iltizam Kerajaan hari ini adalah untuk menoktahkan kemiskinan tegar.** Kira-kira 130 ribu isi rumah termiskin tanpa mengira latar belakang kaum akan segera dibantu untuk keluar daripada belenggu kemiskinan melalui langkah yang lebih menyeluruh.

**127.** Kerajaan akan **melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang akan menumpukan kepada pengupayaan golongan termiskin supaya meningkatkan potensi pendapatan.** Sejumlah 750 juta ringgit peruntukan disediakan untuk tahun 2023 kepada Kementerian Ekonomi bagi menjayakan IPR.

**128.** Beberapa pendekatan baharu akan dilaksana untuk mengatasi kelemahan pelaksanaan lalu bagi meningkatkan keupayaan isi rumah miskin tegar meraih pendapatan. Antaranya:

- Bantuan dan kemudahan kepada peserta tidak lagi diberikan sekali gus tetapi secara bulanan dan dipantau sama ada sewa beli kelengkapan atau subsidi penggajian untuk majikan yang mengambil peserta miskin tegar bekerja.
- Aktiviti ekonomi disertai hendaklah yang memenuhi keperluan komuniti setempat terutamanya sektor pertanian dan makanan untuk memastikan permintaan berterusan.
- Program ini menyasarkan untuk peserta meraih pendapatan antara 2,000 hingga 2,500 ringgit dalam tempoh pemantauan 24 bulan dan selepas itu dapat menjana pendapatan sendiri melalui hasil yang diperolehi.

**129.** Terkait hal yang sama, Kerajaan kini **membayar bantuan kebajikan bernilai 2.5 bilion ringgit kepada lebih 400 ribu penerima.** Bagi menyegerakan pengemaskinian data dan memastikan tiada lagi

yang tercicir daripada menerima bantuan, Kerajaan akan melaksanakan pemutihan senarai penerima bantuan bulanan Kerajaan antara ICU dan JKM di bawah satu pangkalan data.

## **Kedua: Peranan Kerajaan Negeri**

**130.** Menyambut baik usaha Kerajaan Persekutuan, Premier Sarawak dan Ketua Menteri Sabah telah bersetuju untuk menggunakan sebahagian bayaran hasil petroleum ke Sarawak dan Sabah bagi program pembasmian kemiskinan tegar.

**131.** Selaras dengan itu, Kementerian Kewangan juga akan memperuntukkan sebahagian daripada Wang Ehsan Kelantan dan Terengganu supaya disalurkan secara langsung khususnya untuk membantu golongan miskin.

**132.** Berhubung hasrat yang sama, Kerajaan menyediakan 30 juta ringgit untuk menyokong usaha yang dibuat oleh UNDP dan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia yakni bagi memperbanyak aktiviti berkaitan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals, SDG*). Ini termasuklah 10 juta ringgit bagi menggerakkan program kebun komuniti di peringkat Parlimen untuk menyokong agenda keterjaminan makanan.

## **Ikhtiar 10: Meminimum Beban Sara Hidup**

**133.** Sejak awal mengemudi pentadbiran negara, isu utama yang diberi perhatian ialah kos sara hidup rakyat. Kerajaan tahun ini menyediakan sehingga 64 bilion ringgit dalam bentuk subsidi, bantuan serta insentif. Sejumlah besar dana ini adalah untuk meminimumkan kos sara hidup melalui kawalan harga barang, bantuan kewangan dan memberi perkhidmatan kepada rakyat terbanyak.

## **Pertama: Konsep Payung Rahmah**

**134.** Dalam menimbang usaha menangani kenaikan kos sara hidup, Kerajaan Perpaduan telah memperkenalkan Konsep Payung Rahmah sebagai induk kepada usaha membantu golongan susah dan rentan.

**135.** Salah satunya ialah **Inisiatif Menu Rahmah** yang menganjurkan jualan set hidangan pada harga hanya 5 ringgit. *Alhamdulillah* Inisiatif Menu Rahmah ini dijangka akan terus menerima sambutan yang baik daripada pengusaha makanan dan rakyat.

**136.** Kerajaan amat berterima kasih kepada semua peniaga; walau dengan keuntungan kecil tapi tetap bersama membantu rakyat. Semoga ini menjadi teladan untuk semua.

**137.** Kerajaan juga melaksanakan **Jualan Rahmah** yang menawarkan barangan asas dengan harga sehingga 30 peratus lebih murah berbanding pasaran. Kerajaan **menyediakan 100 juta ringgit untuk menjayakan program ini di setiap kawasan Parlimen.**

**138.** Kerajaan juga akan meningkatkan peruntukan daripada **200 juta ringgit kepada 225 juta ringgit bagi memperluas program pengedaran barangan keperluan asas ke 25 kawasan baharu** antaranya di Paloh dan Passin, Sarawak, Pasir Raja, Terengganu dan Kuala Krai, Kelantan.

## **Kedua: Sumbangan Tunai Rahmah**

**139.** Kerajaan telah menyalurkan sumbangan tunai kepada golongan B40 di bawah program **Sumbangan Tunai Rahmah (STR)** Fasa 1. Beberapa pembaharuan diambil kira supaya isi rumah yang benar-benar terkesan, mendapat manfaat yang lebih daripada STR. Antaranya:

- **Isi rumah pendapatan kurang 2,500 ringgit, layak terima sumbangan sehingga 2,500 ringgit bergantung kepada bilangan anak.**
- Kerajaan juga akan memberi **sumbangan tambahan 600 ringgit kepada isi rumah penerima STR termiskin mengikut data e-Kasih. Sumbangan ini akan disalurkan dalam bentuk bakul makanan dan juga secara baucar** untuk barangan makanan asas bernilai 600 ringgit kepada mereka.



- Ini bermakna, **keluarga dalam kumpulan miskin tegar layak terima sumbangan sehingga maksimum 3,100 ringgit.**

**140.** Secara keseluruhan, **STR akan membantu meringankan beban sara hidup hampir 9 juta penerima dengan peruntukan disediakan hampir 8 bilion ringgit.** Walaupun STR dikaitkan sebagai bantuan kepada B40, tetapi mengambil kira bilangan penerima, sebenarnya STR telah memanfaatkan lebih 60 peratus daripada rakyat dewasa negara.

**141.** Akhir sekali tidak dilupakan, kepada 2 juta orang belia 18 hingga 20 tahun, Kerajaan akan **menawarkan kredit e-Tunai Belia Rahmah berjumlah 200 ringgit dengan peruntukan 400 juta ringgit.**

### **Ketiga: Bantuan Untuk Pesawah & Pekebun Kecil Getah**

**142.** Rakyat yang meraih pendapatan sebagai pesawah dan pekebun kecil getah turut terus diberi bantuan sewajarnya. Mereka ialah kelompok miskin yang bertarung dengan cuaca tidak menentu, terutama sewaktu musim tengkujuh untuk meraih pendapatan.

**143.** Kepada para **pesawah padi:**

- Kerajaan akan **meneruskan penyaluran pelbagai subsidi dan insentif seperti harga padi, baja padi dan padi huma dengan peruntukan 1.6 bilion ringgit.**
- **Sumbangan tunai turut diberikan kepada pesawah padi sebanyak 200 ringgit sebulan untuk tempoh tiga bulan atau semusim** melibatkan 240 ribu pesawah dengan peruntukan 228 juta ringgit.
- Saya sekali lagi ucap terima kasih dan penghargaan atas kesudian BERNAS untuk menyumbang sejumlah dana bagi membantu para pesawah miskin. Ini tentunya dapat membantu dan menambah keperluan hidup

para pesawah. **Selain sumbangan 60 juta ringgit yang disediakan, BERNAS turut bersetuju membuat perkongsian keuntungan daripada import beras dengan menyumbang 30 peratus keuntungan bersih kepada pesawah padi.**

**144.** Kerajaan peka akan kenaikan kos pengeluaran dan penurunan harga getah yang agak membebankan **pekebun kecil getah:**

- Bagi meningkatkan pendapatan minimum penoreh getah, Kerajaan bersetuju untuk **menaikkan Paras Harga Pengaktifan Insentif Pengeluaran Getah daripada 2 ringgit 50 sen kepada 2 ringgit 70 sen sekilogram** dengan peruntukan 350 juta ringgit.
- Melalui kenaikan ini, saya menggesa Lembaga Getah Malaysia (LGM) memudah cara kaedah tuntutan terutamanya melibatkan pekebun kecil yang terpaksa keluar berpuluh kilometer hanya untuk mendapatkan insentif tersebut. Ini tidak boleh lagi menjadi amalan kerana menyusahkan rakyat. **Saya mahu, LGM dan semua agensi yang terlibat lebih responsif turun padang menguruskan tuntutan pekebun kecil dan mula bertindak proaktif dalam memudahkan urusan rakyat dengan Kerajaan.**
- Selanjutnya, Kerajaan turut bersetuju **menaikkan sumbangan musim tengkujuh daripada 600 kepada 800 ringgit untuk tempoh empat bulan.** Ini dapat membantu meringankan beban yang ditanggung 320 ribu pekebun kecil dengan peruntukan 256 juta ringgit.
- Bagi meningkatkan permintaan getah sekali gus menambah pendapatan pekebun kecil, Kerajaan akan **menyediakan 50 juta ringgit untuk menggunakan *Cuplump Modified Bitumin (CMB)* bagi penyelenggaraan jalan.** Bahan CMB dilihat lebih memanjangkan jangka hayat jalan.

#### **Keempat: Pendapatan Boleh Guna M40**

**145.** Selama ini, golongan B40 sering diberikan pelbagai bentuk bantuan sementara kumpulan pertengahan, M40 menunjukkan kesabaran mereka meski terhimpit dengan kenaikan kos sara hidup yang mencengkam. Sukacita diumumkan, Kerajaan bersetuju menambah pendapatan boleh guna M40 melalui pengurangan kadar cukai pendapatan individu yang memberi lebih manfaat kepada mereka.

- Bermula 2023, **kadar cukai pendapatan individu pemastautin dikurangkan sebanyak 2 peratus melibatkan setiap banjaran pendapatan lebih 35 ribu hingga 100 ribu ringgit.**
- Pengurangan ini dijangka dapat **memberikan kira-kira 2.4 juta pembayar cukai dengan lebih pendapatan boleh guna sehingga 1,300 ringgit.**

**146.** Sepertimana telah saya jelaskan, Kerajaan akan mengambil pendekatan yang progresif. Sementara M40 mendapat manfaat daripada pengurangan kadar cukai, Kerajaan akan **menaikkan kadar cukai bagi mereka yang berpendapatan tinggi antara 0.5 sehingga 2 peratus melibatkan setiap banjaran pendapatan lebih 100 ribu hingga 1 juta ringgit. Sungguhpun demikian, kurang daripada 150 ribu pembayar cukai akan dikenakan cukai yang lebih tinggi.**

**147.** Melalui pendekatan ini, langkah ini melibatkan pengurangan **hasil cukai bersih Kerajaan sebanyak 900 juta ringgit untuk manfaat rakyat khususnya M40.**

#### **Kelima: Keterjaminan Makanan**

**148.** Dalam mendepani tantangan kenaikan harga barang dan gangguan bekalan makanan, **sektor agromakanan perlu dirombak dengan mengutamakan kemandirian pengeluaran makanan tempatan melalui automasi dan pendigitalan.**

- BNM umpamanya menyediakan dana sehingga 1 bilion ringgit di bawah Skim Pembiayaan Agrofood untuk membantu pengusaha agromakanan meningkatkan produktiviti pengeluaran.
- Dari sudut latihan dan bimbingan, MDEC akan memperluas penganjuran program Digital AgTech untuk melatih lebih ramai pekebun kecil beradaptasi dengan teknologi. Inisiatif ini dianggarkan dapat memanfaatkan 100 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh negara dengan peruntukan 10 juta ringgit.
- Bagi meningkatkan kecekapan dengan penggunaan teknologi dalam sektor pertanian, Kerajaan bercadang untuk memberi Elaun Modal Dipercepatkan dan mengecualikan cukai pendapatan 100 peratus ke atas perbelanjaan modal.
- Dalam masa yang sama, tempoh permohonan galakan cukai bagi projek pengeluaran bahan makanan dilanjutkan sehingga akhir tahun 2025 dengan skop galakan turut diperluas merangkumi projek pertanian moden berasaskan Pertanian Persekitaran Terkawal.
- **Bagi memastikan bekalan makanan pada harga berpatutan, pengeluaran makanan perlu ditingkatkan supaya berskala besar dan berdaya saing.** Melalui sokongan Kerajaan, syarikat Farm Fresh telah muncul sebagai pengeluar susu segar utama di Malaysia. Oleh itu, **Kerajaan akan menggalakkan pelaburan swasta berasaskan pertanian berskala besar antara lain melalui penyediaan insentif, tanah, pembiayaan dan geran teknologi.**

**149.** Hanya 1.2 juta hektar tanah negara dimanfaatkan untuk tujuan tanaman makanan berbanding 7 juta hektar bagi tanaman kelapa sawit dan getah.

- **Kerajaan bercadang supaya FELDA, FELCRA, RISDA dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyuburkan tanah-tanah terbiar milik mereka dengan keluasan sehingga 800 ekar untuk projek tanaman makanan.**
- Kementerian Pertanian dan LTAT berserta syarikat lain juga akan melaksanakan projek peningkatan pertanian bijirin jagung domestik selain untuk meningkatkan keterjaminan makanan, malah memberi peluang kerjaya kepada veteran tentera. **LTAT menyediakan 70 ekar tanah perladangan untuk melaksanakan projek ini.**
- Kerajaan juga akan menyediakan **30 juta ringgit untuk bekerjasama dengan beberapa Kerajaan negeri bagi melaksanakan projek-projek agromakanan.**

#### **Ikhtiar 11:** Menjamin Keharmonian dan Perpaduan

**150.** **Keharmonian dan perpaduan negara harus sentiasa dipelihara tidak kiralah antara wilayah mahupun kaum.** Keadilan sosial perlu ditegakkan bagi menutup kesenjangan pembangunan negeri-negeri dan pendapatan rakyat.

**151.** Perpaduan mesti terus utuh terutamanya dalam usaha kita merungkai isu-isu pokok yang merundung negara. Permasalahan rakyat yang saban hari terpaksa bergelut dengan peningkatan kos sara hidup kini sedang ditekuni secara tuntas. Kita tidak cuba untuk menerapkan kebijakan yang separuh masak atau yang memihak kelompok elit, tetapi kita harus memastikan ia dirasai segenap rakyat.

**152.** Suka saya ingatkan hubaya tidak ada lagi pihak yang cuba menanggung di air yang keruh dengan mengapi-apikan perbezaan kaum dan warna kulit. Negara ini tidak akan biarkan sentimen kebencian dibiarkan menanah sehingga membarah menjadi tindak ganas. Saya beri jaminan di sini, tidak hanya '*perpetrators*' yang akan diberkas tetapi termasuk '*purveyors*' yang menyalah guna hak kebebasan bersuara.

**153.** Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan Muslim, Nabi Muhammad SAW bersabda:

هَٰئِكَ الْمُتَنَطِّعُونَ قَالَهَا ثَلَاثًا

*"Telah binasa mereka yang melampau," diulanginya (oleh Nabi) sebanyak tiga kali."*

**154.** Bagi meraikan kepelbagaian dan merapatkan jurang perbezaan, **sejumlah 50 juta ringgit disediakan untuk menggerakkan pelbagai program antaranya Kembara Perpaduan Malaysia Madani dan Ini Warisan Kita.** Program ini akan menganjurkan pelbagai aktiviti perpaduan dan integrasi sosial antara komuniti seperti liga sukan perpaduan, pertandingan kebudayaan, fiesta perayaan dan citarasa menu.

**155.** Bagi memupuk perpaduan di samping mengangkat peranan ibu bapa, komuniti dan NGO dalam pembangunan anak-anak di sekolah, Kerajaan bersetuju **menyediakan 20 juta ringgit untuk melaksanakan program gotong-royong di semua sekolah seluruh Malaysia.**

**156.** Selain itu, peruntukan **50 juta ringgit turut disediakan bagi penyelenggaraan dan baik pulih rumah ibadat bukan Islam seluruh negara.**

#### **Pertama: Pembangunan Sabah dan Sarawak**

**157.** Negeri Sabah dan Sarawak akan terus meraih manfaat besar daripada **peruntukan pembangunan masing-masing sebanyak 6.5 bilion ringgit dan 5.6 bilion ringgit.**

- Antaranya termasuklah perancangan untuk **membangunkan bandar-bandar yang bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia seperti Kalabakan, Sabah serta Ba'kelalan, Sarawak** dengan kos 1 bilion ringgit sebagai langkah menyambung perpindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan.

**158.** Selain itu, lebih **2.5 bilion ringgit** disediakan bagi melaksanakan projek-projek melibatkan prasarana awam yang kebanyakannya untuk manfaat Sabah dan Sarawak melibatkan projek jalan dan lampu jalan serta bekalan air dan elektrik.

**159.** Kerajaan komited meneruskan dan **menyegerakan pelaksanaan lebuh raya Pan Borneo Sabah dan Sarawak-Sabah Link Road** yang dianggarkan melibatkan kos keseluruhan **20 bilion ringgit** dengan jajaran lebih daripada **1,000 kilometer**.

**160.** Bagi memudahkan urusan rakyat di pedalaman Sabah dan Sarawak, Kerajaan akan **memperbanyak kemudahan klinik, bank dan mahkamah bergerak** dengan peruntukan keseluruhan **30 juta ringgit**.

**161.** Saya juga sebelum ini telah mengumumkan tekad dan ikrar Kerajaan untuk **menyerahkan kuasa melulus bagi perolehan projek Persekutuan kepada Jabatan Teknik di Sabah dan Sarawak sehingga 50 juta ringgit** bagi mempercepat pelaksanaan projek.

**162.** Pada tahun lalu, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah telah mencapai persetujuan interim untuk pemberian khas tertakluk kepada rundingan bagi formula baharu. Pentadbiran ini komited untuk menambah baik kadar Pemberian Khas daripada yang telah dipersetujui sebelum ini dan akan menyegerakan rundingan untuk formula baharu bagi Sabah dan Sarawak. Sekian lama sejak tahun 1970-an, negeri Sarawak hanya menerima pemberian khas sebanyak 16 juta ringgit setahun. Kerajaan ini akan meningkatkannya sekurang-kurangnya 300 juta ringgit.

## **Kedua: Keselamatan Dalam Negeri & Pertahanan**

**163.** Keselamatan negara perlu terus terpelihara bagi menjamin keamanan dan keharmonian. **Kelemahan lalu dalam tatakelola perolehan telah menjejaskan kesiapsiagaan pertahanan negara.** Perolehan kapal LCS yang telah menelan belanja lebih 6 bilion ringgit, namun satu kapal belum dapat disiapkan. Ketelanjuran seperti ini

tidak boleh diulangi. Mulai sekarang, amalan orang tengah harus dihentikan serta-merta dan perlu terus berurusan dengan Kerajaan negara yang berkaitan.

**164.** Bagi tahun 2023, **Kementerian Dalam Negeri (KDN) and Kementerian Pertahanan (KEMENTAH)** masing-masing diperuntukkan sejumlah **18.5 bilion dan 17.7 bilion ringgit.**

- Keutamaan peruntukan ini adalah untuk **menyelenggara dan membeli aset-aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi meningkatkan kesiapsiagaan pertahanan dengan peruntukan hampir 4.1 bilion ringgit.**
- Bagi mengukuhkan keupayaan tahap pertahanan dan kawalan maritim negara, Kerajaan akan juga melaksanakan **perolehan Littoral Mission Ship (LMS)** pada tahun ini.
- Sementara itu, agensi-agensi di bawah KDN akan disediakan **hampir 1 bilion bagi memperkasa keselamatan dalam negeri antaranya untuk memperoleh lebih 2,100 unit kamera badan PDRM.** Selain itu, sebuah Ibu Pejabat Kontinjen Perak dan kuarters polis baharu akan dibina dengan kos 450 juta ringgit.
- Kerajaan akan **menambah 42 pos kawalan sempadan polis PGA, Imigresen, ESSCOM dan APMM** bagi memperketat kawalan sempadan negara selain menyelenggara semua kapal dan bot APMM.

**165.** Aspek **kebijakan angkatan bersenjata** negara akan terus dipelihara.

- Lebih 500 juta ringgit disediakan untuk **menyelenggara Rumah Keluarga Angkatan Tentera dan membaik pulih kuarters kediaman dan institusi di bawah KDN.**



- Untuk membantu pemilikan rumah mampu milik bagi ATM secara berfasa, Kerajaan akan **membina lebih 7 ribu unit rumah mampu milik di bawah Program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) di Kuala Lumpur.**
- Menurut peraturan semasa, anggota yang meninggalkan perkhidmatan atau bersara tidak berpencen perlu membuat penyelesaian penuh baki pembiayaan LPPSA. Mengambil kira keresahan dan beban yang perlu ditanggung, Kerajaan bersetuju supaya **LPPSA menawarkan peluang untuk anggota meneruskan bayaran balik baki pinjaman seperti biasa sehingga selesai.** Usaha ini membolehkan 4,000 peminjam LPPSA layak menstruktur semula pembiayaan mereka dan 700 peminjam bakal bersara tidak berpencen setiap setahun dapat meneruskan bayaran balik pinjaman seperti biasa.
- **Kerajaan memahami kekhawatiran veteran ATM yang menghadapi kesukaran mendapat pekerjaan selepas umur persaraan. Tekad saya, untuk pastikan, veteran ATM disediakan pekerjaan dan kemudahan latihan.**
  - Pentadbiran ini akan melaksanakan **Program Kerjaya Kedua Veteran ATM menerusi kerjasama LTAT.** Di bawah ikhtiar ini, seramai **5,000 veteran ATM yang berpencen tahun ini akan dijamin dipadankan dengan peluang pekerjaan atau menerima latihan kemahiran untuk meningkatkan peluang menjana pendapatan.**
  - Untuk meningkatkan kemahiran 1,250 orang veteran, Jabatan Hal Ehwal Veteran bersama-sama agensi Kerajaan lain akan **menawarkan lima bidang kursus antaranya pengendalian dron, keselamatan siber dan penyelenggaraan pesawat selama tiga bulan.**

### **Ketiga: Syiar Islam**

**166.** Kerajaan telah **menyediakan peruntukan berkaitan hal ehwal Islam berjumlah 1.5 bilion ringgit** dan kita mahu institusi Islam dalam negara Madani ini menjadi contoh terbaik dalam kecekapan

pentadbiran. Pengurusan paling cekap harus dimulakan di sini, dan gedung ini mesti menjadi markas dakwah yang berkesan yang boleh meningkatkan kefahaman sebenar mengenai Islam.

**167.** Selaras dengan ini, saya juga faham peranan besar yang dimainkan oleh imam dan bilal serta guru-guru dalam mengimarahkan fungsi masjid sepertimana firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat-18:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

*Sesungguhnya yang memakmurkan masjid Allah hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta (tetap) melaksanakan salat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada apa pun) kecuali kepada Allah. Maka mudah-mudahan mereka termasuk orang-orang yang mendapat petunjuk.*

**168.** Menghargai jasa dan keringat mereka, Kerajaan bersetuju untuk:

- **menaikkan elaun bagi 35 ribu guru Kafa sebanyak 100 ringgit kepada 1,100 ringgit dengan peruntukan tambahan lebih 40 juta ringgit;** dan
- **memberikan sumbangan khas 600 ringgit kepada imam, bilal, tok siak, noja, marbut, guru Kafa dan guru takmir.** Seramai 70 ribu orang akan menerima sumbangan ini melibatkan peruntukan lebih 40 juta ringgit.

## **Keempat: Sukan dan Budaya**

### **Sukan**

**168.** Tentunya sukan dan budaya itu penting dalam pembangunan aspek kerohanian masyarakat. Selain dalam bentuk pertandingan, ia juga satu wahana yang ampuh dalam menyemarak kebhinekaan dalam kalangan rakyat yang rencam kaum dan agama.

**170.** Pentadbiran ini akan menumpukan kepada program perpaduan yang berlandaskan penerapan nilai-nilai murni antara kaum. **Keutamaan diberikan kepada program sukan, kebudayaan dan kesenian di peringkat sekolah dan komuniti dengan memastikan penglibatan belia dan semua jenis sekolah secara silang budaya.** Sebanyak 20 juta ringgit disediakan bagi program tersebut.

**171.** Bagi menjayakan program-program ini, Kerajaan akan **menyediakan dana geran padanan 50 juta ringgit untuk mendorong penajaan sektor swasta dalam program sukan, khususnya sukan berteraskan perpaduan,** penganjuran pertandingan di peringkat kebangsaan dan program realiti sukan.

**172.** Berhubung atlet sukan negara, Kerajaan akan terus **menambah baik program latihan dan kemudahan sukan untuk manfaat semua atlet termasuk atlet para melalui penyediaan dana berjumlah 324 juta ringgit.** Peruntukan ini antaranya untuk membangunkan ekosistem sukan yang menyeluruh daripada pencarian bakat sehingga ke acara podium; serta untuk tujuan penyelenggaraan dan menaik taraf kemudahan sukan di seluruh negara.

**173.** Kerajaan juga bersetuju **potongan cukai sehingga 10 peratus daripada pendapatan agregat diberi kepada individu atau syarikat yang menyumbang kepada organisasi bukan berasaskan keuntungan yang melaksanakan program pembangunan sukan di peringkat akar umbi.**

**174.** Bagi memelihara dan **melindungi kebajikan para atlet, dana 5 juta ringgit disediakan kepada Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) bermula tahun 2023.** Dalam masa sama, Kerajaan turut bercadang untuk memberi potongan cukai kepada majikan yang menggaji bekas atlet negara.

### **Seni Budaya, Karya Kreatif Dan Bahasa**

**175.** Kerajaan terus mendukung usaha penggiat seni kreatif dalam mengangkat bidang kesenian dan kebudayaan. **102 juta ringgit disediakan sebagai Dana Kandungan Digital** untuk mempergiat pemasaran produk seni tempatan dan mendorong penghasilan lebih banyak karya kreatif.

**176.** Kerajaan bercadang agar **sumbangan kepada Tabung Komuniti Filem dan Pembangunan Filem Kenegaraan di bawah FINAS akan diberi potongan cukai.** Selain itu, duti import dan cukai jualan ke atas peralatan studio dan produksi penggambaran juga akan dikecualikan.

**177.** Aktiviti kebudayaan berperanan besar dalam melahirkan masyarakat madani yang saling menghormati dan bersatu padu. Ini juga penting bagi menyuburkan kepelbagaian khazanah seni yang telah kita warisi zaman-berzaman. **Kerajaan menyediakan dana 25 juta ringgit bagi menyemarak kegiatan kebudayaan dan kesenian di peringkat komuniti.**

**178.** Pemerksaan budaya dimulai dengan budaya iqra' bagi memupuk minat membaca karya-karya klasik dan agung yang melibatkan khazanah alam Melayu, dunia Islam dan barat. Kerajaan menyokong usaha menyubur dan menterjemah karya agung seperti karya-karya Imam Al-Ghazali, penggagas maqasid syariah Abu Ishaq al-Shatibi, Syeikh Daud Abdullah al-Fatani, dan Nuruddin Ali ar- Raniri, pemikir, sasterawan dan filasuf Muhammad Iqbal.

**179.** **Dewan Bahasa dan Pustaka bersama-sama dengan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) serta Yayasan Karyawan diberi mandat mempergiat aktiviti terjemahan dan menjadikan ia sebagai bahan bacaan yang disukai ramai. Aktiviti penerbitan bermutu tinggi oleh penulis tempatan juga akan ditingkatkan. Sejumlah 20 juta ringgit disediakan untuk tujuan ini.**

**180.** Pada 27 Januari yang lalu, saya telah umumkan bahawa kita akan **mencetak sebanyak sejuta naskah Al-Quran** sebagai simbolik penuh hikmah dan matang bagi menjawab serangan purbasangka terhadap Islam seperti kejadian pembakaran kitab suci Al-Quran di Sweden baru-baru ini. **Untuk tujuan ini, 10 juta ringgit akan disumbangkan kepada Yayasan Restu bagi pengedaran segera cetakan 20 ribu naskah terjemahan Al-Quran dalam bahasa Sweden serta bahasa asing utama dunia.**

## **Ikhtiar 12:** Menyediakan Keperluan Asas Berkualiti

**181.** Yang mahu ditingkatkan bilamana bicara tentang kesejahteraan hidup rakyat ialah usaha menambah baik kemudahan mustahak seperti pengangkutan awam, pendidikan, kesihatan dan perumahan.

**182.** Melalui Pemberian kepada Kerajaan Negeri Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP), tahun ini Kerajaan **menaikkan pemberian TAHAP kepada 400 juta ringgit berbanding 330 juta pada tahun lalu**. Pemberian ini dapat membantu terutamanya negeri kurang membangun termasuk Kedah dan Perlis.

**183.** Terkait hal ini, saya ingin menyentuh perihal peruntukan Ahli Parlimen tatkala ada segelintir pihak yang cuba mempertikaikan mengapa perlu mengurangkan peruntukan Ahli Parlimen, dan ia seolah-olah menafikan kebajikan rakyat. Saya tegaskan di sini bahawa tanggapan itu tidak benar dan meleset sama sekali. Ini kerana kaedah penyaluran itu tidak penting sama ada kepada kerajaan negeri mahupun Ahli Parlimen kerana jumlahnya tidak berkurang. Yang penting ia masih sampai kepada rakyat.

### **Pertama: Pengangkutan**

**184.** Perkhidmatan **pengangkutan rel dan bas** dilihat penting dan beri manfaat besar khususnya kepada masyarakat bandar untuk bergerak ke tempat kerja.

- Di bawah Prasarana, Kerajaan **meneruskan inisiatif pas bulanan My50** untuk manfaat hampir 180 ribu pengguna.
- Prasarana juga **secara rintis akan memperkenalkan Pas Perjalanan Tanpa Had myBAS50 untuk manfaat rakyat Johor Bharu** yang menggunakan perkhidmatan bas henti-henti di bawah Program SBST.
- Kerajaan juga **menyediakan 150 juta ringgit untuk program SBST termasuk peluasan pelaksanaan Program SBST ke bandar Melaka, Kuching dan Kota Kinabalu**.

**185.** Terkait tentang **Projek Mass Rapid Transit 3 (MRT3)**, pada asalnya tahun 2018 projek ini dianggarkan melibatkan kos 68 bilion ringgit. Tahun lalu, proses perolehan projek dimulakan dan kos projek dianggarkan 50 bilion ringgit. Kerajaan kini akan **mengkaji semula perincian projek untuk memastikan nilai terbaik dan yakin akan dapat mencapai penjimatan tambahan sekurang-kurangnya di bawah 45 bilion ringgit**. Usaha ini selaras dengan pembaharuan tatakelola untuk mengurangkan kos perolehan demi mencapai penjimatan yang dapat diagihkan semula untuk manfaat rakyat.

**186.** **Perkhidmatan udara** diketahui sebagai pengangkutan utama bagi rakyat pedalaman Sabah dan Sarawak.

- Kerajaan akan terus menyediakan **209 juta ringgit bagi mensubsidi pengangkutan udara untuk manfaat mereka**.
- Selain itu, **kemudahan *wheelchair ramp* di tujuh lapangan terbang Sabah dan Sarawak dibina untuk manfaat ribuan yang berkerusi roda yang menggunakan MASWings**.

## **Kedua: Pendidikan**

**187.** Za'ba secara tuntas mencerakinkan dengan tepat bahawa ketandusan nasib bangsa dalam soal kemiskinan dikategorikan kepada empat yakni kemiskinan dari segi akal budi, harta benda, cita-cita dan ilmu pengetahuan.

**188.** Kementerian Pendidikan akan terus menerima peruntukan tertinggi iaitu sebanyak **55.2 bilion ringgit** ketimbang **52.6 bilion ringgit** tahun 2022.

- Sejumlah 2.3 bilion ringgit disediakan untuk memastikan infrastruktur serta kemudahan pembelajaran terbaik di semua sekolah buat anak-anak.

- Ini meliputi peruntukan 920 juta ringgit untuk **naik taraf bangunan serta infrastruktur di 380 buah sekolah yang daif** khususnya di Sabah dan Sarawak melalui kaedah perolehan khas untuk kesegeraan.
- Selain itu, peruntukan 900 juta ringgit untuk **kerja-kerja menyelenggara kemudahan semua jenis sekolah merangkumi sekolah kebangsaan, sekolah agama, sekolah jenis kebangsaan cina dan tamil** bagi kerja seperti pembaikan tandas, pendawaian dan saliran sekolah serta menggantikan perabot dan peralatan asrama dan kelas yang telah uzur.
- Selain itu, **sekolah yang mempunyai murid berkeperluan khas akan dilengkapi dengan kemudahan mesra OKU.**
- Kerajaan juga akan **membina dewan terbuka bagi menyediakan keselesaan untuk anak-anak berhimpun.**

**189.** Sebanyak tujuh sekolah baharu akan dibina dengan kos **sebanyak 560 juta** termasuk SK Paya Dusun, Terengganu; SMK Denai Alam, Selangor; SMK Nabalu, Sabah dan SMK Dudong, Sarawak.

**190.** Bagi menampung kos menyediakan makanan berkhasiat kepada murid-murid, **kadar makanan bermasak bagi Rancangan Makanan Tambahan (RMT) telah ditambah daripada 625 juta kepada 777 juta ringgit tahun ini yang memanfaatkan 700 ribu murid.**

- Sebagai tambahan, **peruntukan untuk Program Makanan Prasekolah Kementerian Pendidikan ditingkatkan daripada 89 juta ringgit kepada 108 juta ringgit bagi memberi manfaat kepada lebih 240 ribu murid prasekolah KPM.**

- Pemantauan akan dibuat kepada penyedia makanan untuk pastikan makanan disediakan adalah berkualiti dan berkhasiat.

**191. Peranan Guru** adalah penting dalam mendidik dan memanusiaikan anak-anak. Selari dengan arus pemodenan, keperluan pengajaran dan pembelajaran guru perlu segera beradaptasi dengan teknologi digital. Maka, bagi tahun 2023, **Kerajaan akan membekalkan sekolah dan institusi pendidikan KPM dengan 50 ribu komputer riba, *Insyallah*.**

Dato' Yang di-Pertua,

**192.** Saya sering menekankan pentingnya budaya ilmu dan tradisi akhlah. Suatu yang perlu diambil iktibar ialah laporan tentang kemerosotan pengajian tinggi di Amerika Syarikat berjudul '*A Nation at Risk: The Imperative for Educational Reform*'. Ia mengungkapkan keprihatinan terhadap tahap kekuatan intelektual, moral dan kerohanian bangsa Amerika.

**193.** Bagi tahun 2023, **Kementerian Pendidikan Tinggi akan diperuntukkan 15.3 bilion ringgit berbanding 14.5 bilion ringgit pada tahun 2022.**

- Antaranya, sejumlah **436 juta ringgit disediakan bagi membaik pulih infrastruktur dan menggantikan peralatan usang yang tidak lagi ekonomik di IPTA.**
- Sejumlah **35 juta ringgit juga tersedia sebagai dana untuk meningkatkan kesalinghubungan internet di institusi pendidikan tinggi Malaysia di bawah program *Malaysian Research & Education Network (MYREN)*.**

**194.** Berhubung aktiviti R&D yang dilihat penting, **sejumlah 428 juta ringgit disediakan untuk melaksanakan aktiviti R&D di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).**



- Antaranya termasuklah peruntukan tambahan 50 juta ringgit untuk KPT mempergiat R&D berbentuk translasional yang lebih memberi manfaat kepada penyelesaian isu komuniti dan industri.
- Selain itu, MOSTI juga disediakan 15 juta ringgit geran R&D khusus berkenaan penghasilan vaksin negara.

**195.** Berkait tentang pinjaman PTPTN, **Kerajaan bersetuju untuk memberikan diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN selama tiga bulan bermula 1 Mac 2023 sehingga 20 peratus.**

**196.** Bagi meringankan beban kewangan peminjam yang terkesan, **Kerajaan bersetuju untuk memberikan penanguhan bayaran balik kepada peminjam berpendapatan bulanan 1,800 ringgit ke bawah untuk tempoh 6 bulan.** Permohonan penanguhan ini boleh dibuat mulai **1 Mac 2023.**

### **Ketiga: Kesihatan**

**197.** **Kesihatan menerima peruntukan kedua terbesar iaitu sebanyak 36.3 bilion ringgit berbanding 32.4 bilion ringgit tahun lalu.** Komponen utama peruntukan ini melibatkan keperluan perolehan ubat-ubatan, reagen, vaksin dan bahan guna habis termasuk peruntukan **3 bilion ringgit bagi lantikan baharu secara tetap dan kontrak lebih 1,500 pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi.**

**198.** Berkait isu **kesesakan kemudahan kesihatan Kerajaan** beberapa langkah akan diambil.

- Kapasiti kesihatan negara akan dioptimum dengan **menyumber luar pesakit dari hospital yang sesak ke hospital lain** termasuk hospital universiti, hospital tentera dan kepada hospital swasta.

- Kerajaan akan memperkenalkan **Skim Perubatan Madani** khusus untuk golongan miskin mendapatkan rawatan kesihatan di klinik dan **pengamal perubatan am swasta (GP)** sepertimana yang dilaksanakan Kerajaan Selangor. Sebanyak 120 juta ringgit disediakan untuk tujuan ini.
- Kerajaan bercadang, **hospital kebajikan yang berdaftar sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan diberi pengecualian cukai pendapatan bersamaan amaun perbelanjaan kebajikan.** Para penderma juga akan mendapat potongan cukai sehingga 10 peratus.
- Bagi mengurangkan kesesakan di Hospital Melaka, Kerajaan akan membina blok wanita dan kanak-kanak dengan kapasiti 476 katil dengan kos hampir 700 juta ringgit.
- Kerajaan juga akan memulakan kerja awalan untuk menaik taraf sebanyak 26 buah hospital termasuk pembesaran Hospital Kuala Kangsar, Perak; Jelebu, Negeri Sembilan dan juga Hospital Pontian, Johor yang telah berusia hampir seabad.

**199.** Bermula 2019, Kerajaan telah memperkenalkan **Skim Peduli Kesihatan (PEKA B40)** untuk menyediakan pemeriksaan atau saringan awal khas untuk golongan B40. Kerajaan menyediakan 80 juta ringgit bagi memperkasa Skim ini dengan turut merangkumi saringan penyakit kencing manis.

**200.** Mulai tahun taksiran 2023, **had pelepasan cukai ke atas perbelanjaan rawatan perubatan akan dinaikkan daripada 8 ribu kepada 10 ribu ringgit.** Sebagai tambahan, skop pelepasan ini juga diluaskan meliputi kos rawatan pemulihan bagi anak kurang upaya pembelajaran seperti ***Autisme, Down Syndrome dan Specific Learning Disabilities.***

## Keempat: Perumahan

**201. Program Perumahan Rakyat (PPR)** telah dilaksanakan sejak puluhan tahun untuk manfaat rakyat berpendapatan rendah. Usaha bersepadu Kerajaan Perpaduan kini terarah untuk pastikan suasana PPR yang lebih manusiawi dengan kemudahan yang memanfaatkan komuniti.

- Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) disediakan peruntukan **50 juta ringgit bagi memastikan keadaan yang selamat di PPR dengan keutamaan kepada mengganti lif-lif yang telah usang. Bagi mempercepat proses perolehan, had sebut harga perolehan kerja penyelenggaraan dan pembaikan lif ditingkatkan kepada 1.2 juta ringgit berbanding 500 ribu ringgit.**
- 15 juta ringgit disediakan untuk **menyokong usaha NGO mengadakan kelas pemulihan untuk anak-anak yang masih terpicir dalam pembelajaran;**
- 30 juta ringgit juga disediakan **mempergiat aktiviti ekonomi rakyat seperti perusahaan makanan menggunakan platform *Cloud Kitchen* di bawah seliaan Yayasan Hasanah;** dan
- Kerajaan juga akan menyediakan **capaian internet percuma di 56 PPR terpilih untuk manfaat komuniti setempat.**

**202. Beberapa projek PPR baharu sedang dilaksanakan melibatkan peruntukan 367 juta ringgit untuk manfaat 12,400 bakal penghuni baharu.** Selain itu, program Rumah Mesra Rakyat di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) turut melibatkan pembinaan 4,250 unit rumah dengan peruntukan 358 juta ringgit.

**203.** Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) selama ini **menyediakan jaminan Kerajaan untuk membantu peminjam yang tidak punyai pendapatan tetap.** Tahun 2023, SJKP sedia menjamin sehingga 5 bilion ringgit nilai pinjaman untuk manfaat 20 ribu peminjam memerlukan.

**204.** Bagi terus menggalakkan pemilikan rumah, Kerajaan akan meneruskan pengecualian duti setem bagi pemilikan rumah pertama dengan **pengecualian sepenuhnya duti setem bagi rumah bernilai 500 ribu ringgit ke bawah dan pengecualian duti setem 75 peratus untuk rumah bernilai lebih 500 ribu ringgit hingga 1 juta ringgit.**

#### **Kelima: Perlindungan Sosial**

**205.** Sekarang ini, anak muda yang mencari pendapatan sebagai *gig riders* terdedah dengan bahaya kemalangan jalan raya dan lebih malang sekiranya mereka tidak punyai sebarang perlindungan pekerjaan. Kerajaan bertekad untuk **meningkatkan kemampuan sistem keselamatan sosial dengan mewajibkan semua pekerja sendiri untuk mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (SKSPS) secara berperingkat.** Ini sebagai langkah melindungi mereka daripada sebarang kejadian tidak diingini, kemudahan perlindungan sosial perlu terus diberi perhatian.

**206.** Sehubungan itu dalam tempoh peralihan, **Kerajaan akan menanggung 80 peratus daripada nilai caruman PERKESO bagi mengurangkan bebanan dan menggalakkan pekerja sendiri membuat caruman dalam Skim Pekerjaan Sendiri PERKESO, 100 juta ringgit disediakan untuk memanfaatkan golongan yang bekerja sendiri.**

**207.** Melihatkan kepada kepentingan membina simpanan hari tua yang mencukupi dengan menggalakkan simpanan secara sukarela, Kerajaan bercadang meluaskan **skop pelepasan cukai bagi premium insurans nyawa atau caruman takaful hayat untuk meliputi caruman sukarela kepada KWSP sehingga 3,000 ringgit.**

**208.** Bagi menggalakkan lebih ramai orang bekerja sendiri menyimpan dalam KWSP, Kerajaan meningkatkan nilai sumbangan padanan i-Saraan kepada 300 ringgit berbanding 250 ringgit sebelum ini. 30 juta ringgit disediakan untuk manfaat lebih 100 ribu pencarum.

**209.** Kerajaan menyokong peningkatan pegangan ekuiti dalam kalangan Bumiputera. Jumlah had pelaburan individu **Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2)** akan ditingkatkan kepada **300 ribu ringgit berbanding 200 ribu ringgit** sebelum ini. Pentadbiran ini juga bersetuju untuk meningkatkan saiz dana **Amanah Saham Malaysia (ASM) sebanyak 5 bilion ringgit.**

**210.** Akhirnya, **berhubung isu simpanan KWSP.** Setelah negara dibelenggu dengan musibah pandemik COVID-19, rakyat terpaksa beberapa kali mengorbankan simpanan hari tua mereka bagi menampung keperluan hidup sewaktu pandemik. Kini setelah rakyat beransur-ansur bangkit untuk membina semula kehidupan, kebanyakan rakyat menggunakan pendapatan yang diterima untuk menyara kehidupan sementara simpanan hari tua masih rendah.

**211.** Kerajaan beriltizam untuk membantu rakyat membina semula simpanan persaraan mereka bagi memastikan simpanan yang ada kelak mencukupi untuk membiayai hari persaraan.

**212.** Kepada ahli yang berumur antara 40 hingga 54 tahun dengan simpanan KWSP kurang 10 ribu ringgit, Kerajaan bersetuju untuk menambah caruman simpanan KWSP Akaun 1 mereka sebanyak 500 ringgit. Program ini akan memberi manfaat kepada hampir 2 juta ahli KWSP melibatkan peruntukan hampir 1 billion ringgit.

**213.** Pada masa yang sama, Kerajaan berharap Rakyat yang mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi akan terus menyumbang supaya semua lapisan pencarum mendapat manfaat.

## Penjawat Awam

---

Dato' Yang di-Pertua,

**214.** Lanjutan daripada sesi Penerangan Perdana Menteri di Parlimen usai lawatan saya ke Turkiye, **Kerajaan bersetuju untuk memberi elaun khas 100 ringgit sehari kepada semua ahli pasukan mencari dan penyelamat negara yang terlibat di dalam misi di Turkiye dan Syria.** Elaun ini adalah sebagai tanda penghargaan Kerajaan ke atas jasa besar yang diberikan atas nama kemanusiaan.

**215.** Susulan kenaikan kadar maksimum Gantian Cuti Rehat (GCR) daripada 160 kepada 180 hari, Pentadbiran ini berhasrat untuk **meneruskan cadangan menaikkan kebenaran penebusan awal GCR sehingga 50 peratus iaitu maksimum 90 hari. Ikhtiar ini diharap membantu penjawat awam yang memerlukan.**

**216.** Kerajaan silih berganti, pemimpin negara kerap bertukar, tetapi penjawat awam sebagai tulang belakang Kerajaan setia menggalas amanah negara. Ke arah Malaysia Madani, penjawat awam perlu segera bawa perubahan, menerapkan pembaharuan dengan matlamat akhir menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan negara.

**217.** Dalam kita melangkah ke bulan Ramadan serta bagi menghargai jasa dan pengorbanan penjawat awam, Kerajaan bersetuju untuk menyalurkan **Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak 700 ringgit kepada semua penjawat awam Gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak selain 350 ringgit juga akan disalurkan kepada pesara Kerajaan.** *Insyaa-Allah*, bayaran akan dibuat pada bulan April 2023.

## Penutup

---

Dato' Yang di-Pertua,

**218.** Sebagai khatimah kepada Belanjawan 2023, ingin dipertegas bahawa Kerajaan Perpaduan ini komited menggalas mandat rakyat untuk membawa kesejahteraan ekonomi negara.

**219.** Benar, dugaan COVID-19 telah berlalu, dan sektor ekonomi kini mulia pulih seperti sedia kala. Namun kita tidak harus sama sekali leka mendepani tantangan lain yang mendatang. Pembangunan ekonomi yang mampan adalah mustahak sebagai elemen kalis masa depan yang bersedia menjadi perisai menempuhi sebarang kemungkinan risiko yang mendatang.

**220.** Maka tanggungjawab kita adalah besar. Seluruh kekuatan dan tenaga perlu diadun untuk bergerak sederap ke hadapan bagi menjayakan agenda Pembangunan MADANI. Para pemimpin juga khususnya tidak lagi boleh selesa meneruskan amalan-amalan salah peninggalan legasi silam. Satu anjakan besar harus ditekadkan. Anjakan untuk beralih kepada melawan rasuah yang menafikan peluang rakyat menikmati kehidupan lebih bermakna, kepada tatakelola baik yang mencerminkan prinsip kita dalam berbelanja yang menjurus kepada pengupayaan dan mobiliti sosioekonomi buat segenap lapisan rakyat.

**221.** Biarpun ada yang berbeda pandangan politik, jangan kita biarkan perbezaan itu menghindar kita daripada melakukan perubahan yang bermakna. Sekiranya kita bersaing, janganlah bergelut untuk merudum, tetapi mesti berpaksikan kepada prinsip *fastabiqul khairat*, yakni berlumba-lumba dalam melakukan kebaikan.

**222.** Akhirul kalam, saya sudahi ucapan saya dengan firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa, ayat 58:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۗ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا  
يُعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ٥٨

*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.*

*Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*  
Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.





**Lampiran I**  
***Touchpoints***  
**Belanjawan 2023**



“Seluruh kekuatan dan tenaga perlu diadun untuk bergerak sederap ke hadapan bagi menjayakan agenda Pembangunan MADANI. Para pemimpin juga khususnya tidak lagi boleh selesa meneruskan amalan-amalan salah peninggalan legasi silam. Satu anjakan besar harus ditekankan. Anjakan untuk beralih kepada melawan rasuah yang menafikan peluang rakyat menikmati kehidupan lebih bermakna, kepada tatakelola baik yang mencerminkan prinsip kita dalam berbelanja yang menjurus kepada pengupayaan dan mobiliti sosioekonomi buat segenap lapisan rakyat”

YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM  
PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN

**TEKAD BELANJAWAN 2023**

| M  | A                           | D   | A                  | N   | I     |
|--|-----------------------------|---|--------------------|---|-------|
| Mampan   | Aman Makmur (Kesejahteraan) | Daya Cipta  | Amanah (Keyakinan) | Nilai Hormat  | Ihsan |
| <b>Pertama</b><br>Pemacuan ekonomi yang terangkum dan mampan |                             | <b>Kedua</b><br>Reformasi institusi dan tatakelola bagi memulih keyakinan |                    | <b>Ketiga</b><br>Keadilan sosial untuk menyederhana kesenjangan |       |

**12**  
**IKHTIAR  
UTAMA**

- Kemampan Fiskal
- Memenuhi Keperluan Ekonomi Rakyat
- Mendepani Musibah Bencana
- Meraih Pelaburan Berimpak Tinggi
- Pembaharuan Sektor Awam
- Memperkasa Kerjasama Awam-Swasta
- Mengutamakan Agenda Digital
- Memperkukuh Peranan Agensi dan Syarikat Kerajaan
- Menoktahkan Miskin Tegar
- Meminimum Beban Sara Hidup
- Menjamin Keharmonian dan Perpaduan
- Menyediakan Keperluan Asas Berkualiti



Sepintas lalu...

Tema  
Belanjawan 2023  
**Membangun  
Malaysia Madani**



**RM291.5 bil**  
Anggaran Hasil  
**RM289.1 bil**  
Anggaran Belanja Mengurus  
**RM99 bil**  
Anggaran Belanja  
Pembangunan  
*(termasuk RM2 bil  
simpanan luar jangka)*

“Pentadbiran ini komited  
menegakkan keadilan sosial.  
Penggajian hasil yang adil  
tidak bermakna sama rata,  
tetapi berasaskan keperluan”

**PRESTASI  
EKONOMI**  
Defisit Fiskal: 5%  
KDNK: sekitar 4.5%



# Pemacuan EKONOMI yang terangkum & mampan

## **Ikhtiar 1: Kemampanan Fiskal**

1. Dasar Fiskal Mengembang
  - Pertumbuhan ekonomi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia diunjur sekitar 4.5%
  - Kutipan hasil dijangka sebanyak RM291.5 b
  - Peruntukan keseluruhan RM388.1 b  
(Belanja Mengurus: RM289.1 b; Belanja Pembangunan: RM99 b  
- termasuk RM2 b simpanan luar jangka)
2. Mengawal Paras Hutang
  - Defisit fiskal 2023 diunjur berkurang ke paras 5% kepada KDNK berbanding 5.6% pada tahun 2022
  - Defisit fiskal disasar 3.2% kepada KDNK menjelang 2025
3. Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA)
  - Rang Undang-undang Tanggungjawab Fiskal akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2023
  - Bertujuan untuk mewujudkan kestabilan makroekonomi, belanjawan mampan, mengawal paras hutang dan pengurusan risiko fiskal
4. Meningkatkan Hasil Negara
  - Memperkenalkan Cukai Barangan Mewah
  - Kajian untuk memperkenalkan Cukai Keuntungan Modal bagi pelupusan saham tidak tersenarai oleh syarikat mulai tahun 2024
  - Memperkenalkan kadar cukai efektif minimum di peringkat global melalui Pillar 2 Pelan Tindakan BEPS 1 *Tax Challenges Arising from Digitalisation* dan melaksanakan *Qualified Domestic Minimum Top Up Tax (QDMTT)*
  - Pengenaan duti eksais ke atas cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan dalam rokok elektronik dan vape
  - Mempertingkatkan ikhtiar mengekang ketirisan hasil dan subsidi angkara sindiket aktiviti penyeludupan seperti diesel, arak dan rokok

- Program pengakuan secara sukarela JKDM dan LHDN, pengampunan ke atas penalti 100% akan diberikan bagi pengakuan sukarela yang dibuat mulai 1 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024

## **Ikhtiar 2: Memenuhi Keperluan Ekonomi Rakyat**

### 1. Potongan Cukai

- Kadar cukai PMKS ke atas pendapatan bercukai bagi RM150,000 pertama dikurangkan daripada 17% kepada 15%

### 2. Kemudahan Penjaja dan Peniaga Kecil

- Pembinaan gerai dan kiosk MyKiosk@KPKT di seluruh negara **(RM50j)**
- Menaik taraf, penambahan bilangan dan kemudahan premis perniagaan di bawah MARA **(kos projek RM5 j)**
- Program Transformasi Premis Usahawan Luar Bandar (TRENT) di bawah MARA **(kos projek RM32.8 j)**
- Menyediakan ruang niaga yang strategik kepada usahawan PKS dan penjaja kecil di bawah program *Malaysia Entrepreneur Hub* oleh *Urban Development Authority (UDA)* **(RM30 j)**
- Menaik taraf medan selera, pasar dan pasar tamu di bawah seliaan PBT di seluruh Malaysia **(RM28.6 j)**
- Premis perniagaan di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) **(RM30 j)**
- Bantuan pemilikan pegangan hartanah Bumiputera di lokasi utama dan strategi penyewaan kepada usahawan Bumiputera oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) **(RM50 j)**

### 3. Lanjutan pengecualian duti setem ke atas perjanjian penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman/pembiayaan yang disempurnakan mulai 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2024

### 4. Kemudahan Pinjaman dan Jaminan Pembiayaan

- Dana Pembiayaan PMKS merangkumi pinjaman langsung, pembiayaan alternatif dan jaminan pembiayaan **(RM40 b)**

## Skim Kredit Mikro

| Agensi | Program/ Skim                    | Saiz Dana (RM juta) | Terma Pembiayaan  |
|--------|----------------------------------|---------------------|---|
| BSN    | Skim Mikro Kasih                 | 600                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: 0% bagi 6 bulan pertama, 4% selanjutnya</li> <li>• Saiz: Sehingga RM50,000</li> <li>• Tempoh: Sehingga 5.5 tahun</li> <li>• Moratorium: 6 bulan</li> </ul>   |
|        | Skim Mikro Kasih Penjaja         | 350                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: 0% bagi 6 bulan pertama, 4% selanjutnya</li> <li>• Saiz: Sehingga RM20,000</li> <li>• Tempoh: Sehingga 5.5 tahun</li> <li>• Moratorium: 6 bulan</li> </ul>   |
|        | Skim Mikro Kredit Lain           | 200                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: 4%</li> <li>• Saiz: Sehingga RM150,000</li> <li>• Tempoh: Sehingga 5 tahun</li> </ul>  |
| TEKUN  | Pelbagai skim mikro kredit       | 330                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: 3-4%</li> <li>• Saiz: Sehingga RM100,000</li> <li>• Tempoh: Sehingga 10 tahun</li> </ul>   |
| BNM    | Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF) | 200                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: Ditentukan oleh institusi kewangan</li> <li>• Saiz: Perusahaan Mikro (termasuk pekerja sambilan (<i>gig workers</i>) yang menggunakan platform digital dan pekerja yang bekerja sendiri): Sehingga RM50,000</li> <li>• Tempoh: Sehingga 5 tahun</li> </ul> |
|        | i-TEKAD                          | 4                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Modal permulaan: Dana padanan</li> <li>• Pembiayaan mikro di bawah MEF</li> <li>• Kadar, saiz dan tempoh pinjaman: Ditentukan oleh institusi kewangan</li> </ul>   |

## Dana Bank Negara Malaysia untuk PMKS

Jumlah dana tersedia: RM9.7 b\* daripada RM32.4 b

- Ini termasuk tambahan dana sebanyak RM300 untuk HTG, RM500 j untuk AF dan RM500 j untuk ADF di bawah Belanjawan 2023

| Agensi | Program/ Skim                                   | Saiz Dana Tersedia (RM juta) | Terma Pembiayaan   |
|--------|---|------------------------------|--|
| BNM    | Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF) | 500                          | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: Sehingga 3.5% setahun (termasuk fi jaminan)</li> <li>• Saiz: sehingga RM500,000 untuk PKS dan Sehingga RM75,000 untuk mikro</li> <li>• Tempoh: Sehingga 7 tahun (termasuk tempoh moratorium)</li> <li>• Moratorium: Sekurang-kurangnya 6 bulan</li> </ul> |
|        | Kemudahan Peralihan Karbon Rendah (LCTF)        | 1,000                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: Sehingga 5% setahun (termasuk fi jaminan)</li> <li>• Saiz: Sehingga RM10 j</li> <li>• Tempoh: Sehingga 10 tahun</li> </ul>  |
|        | Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan (BRF)    | 1,000                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: Sehingga 3.5% setahun (tidak termasuk fi jaminan); sehingga 5% setahun (termasuk fi jaminan); tiada had kadar keuntungan untuk pelaburan ekuiti</li> <li>• Saiz: Sehingga RM5 j</li> <li>• Tempoh: Sehingga 10 tahun</li> </ul>                           |
|        | Kemudahan Pertanian Pemakanan (AF)              | 1,000                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: Sehingga 3.75% setahun (termasuk fi jaminan)</li> <li>• Saiz: Sehingga RM5 j</li> <li>• Tempoh: Sehingga 8 tahun</li> </ul>   |
|        | Kemudahan Automasi dan Digital PKS (ADF)        | 1,000                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: Sehingga 4% setahun (termasuk fi jaminan)</li> <li>• Saiz: Sehingga RM3 j</li> <li>• Tempoh: Sehingga 10 tahun</li> </ul>   |

| Agensi | Program/ Skim                              | Saiz Dana Tersedia (RM juta) | Terma Pembiayaan  |
|--------|--|------------------------------|---|
| BNM    | Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF)       | 500                          | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pinjaman: Sehingga 3.5% setahun (termasuk fi jaminan)</li> <li>Saiz: Sehingga RM500,000 untuk PKS dan sehingga RM75,000 untuk mikro</li> <li>Tempoh: Sehingga 7 tahun (termasuk tempoh moratorium)</li> </ul>  |
|        | Kemudahan untuk Semua Sektor Ekonomi (AES) | 3,200                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pinjaman: Sehingga 7% setahun (termasuk fi jaminan)</li> <li>Saiz: Sehingga RM5 j</li> <li>Tempoh: Sehingga 5 tahun</li> </ul>   |
|        | Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau (HTG) | 1,000                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pinjaman: Sehingga 3.5% setahun (tidak termasuk fi jaminan); sehingga 5% setahun (termasuk fi jaminan)</li> <li>Saiz: Sehingga RM10 j</li> <li>Tempoh: Sehingga 10 tahun</li> </ul>                            |
|        | Kemudahan Bantuan Bencana (DRF)            | 300                          | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pinjaman: Sehingga 3.5% setahun (termasuk fi jaminan)</li> <li>Saiz: Sehingga RM700,000 untuk PKS dan sehingga RM150,000 untuk mikro</li> <li>Tempoh: Sehingga 7 tahun (termasuk tempoh moratorium)</li> </ul> |

Nota: \*Baki RM200 j diperuntukkan kepada Pembiayaan Usahawan Mikro



## Pinjaman Mudah PKS

| Agensi      | Program/<br>Skim                              | Saiz Dana<br>(RM juta) | Terma Pembiayaan   |
|-------------|---|------------------------|--|
| TERAJU      | Pelbagai program pembiayaan                   | 135                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak berkaitan</li> </ul>  |
| PUNB        | Pelbagai program pembiayaan                   | 200                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: 0% bagi 6 bulan pertama, 5.0% - 8.0% selanjutnya</li> <li>• Saiz: Sehingga RM10 j</li> <li>• Tempoh: Sehingga 7 tahun</li> <li>• Moratorium: 6 bulan</li> </ul> |
| MARA        | Pelbagai program pembiayaan                   | 80                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: 0% ke 6%</li> <li>• Saiz: Sehingga RM1 j</li> <li>• Tempoh: Sehingga 10 tahun</li> </ul>  |
| AgroBank    | Dana Pembiayaan Agromakanan                   | 550                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: 0% bagi 6 bulan pertama, 3.0% selanjutnya</li> <li>• Saiz: Sehingga RM5 j</li> <li>• Tempoh: Sehingga 10 tahun</li> <li>• Moratorium: 6 bulan</li> </ul>        |
|             | Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan | 60                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: 3.5%</li> <li>• Saiz: Sehingga RM1 j</li> <li>• Tempoh: Sehingga 10 tahun</li> <li>• Moratorium: Sehingga 12 bulan mengikut kelayakan</li> </ul>                |
| Bank Rakyat | <i>BR Plus: i-Biz Lady</i>                    | 100                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: BFR + 0% (Tidak termasuk fi jaminan)</li> <li>• Saiz: Sehingga RM1 j</li> <li>• Tempoh: Sehingga 7 tahun</li> </ul>   |

| Agensi    | Program/<br>Skim                            | Saiz Dana<br>(RM juta) | Terma Pembiayaan   |
|-----------|---|------------------------|--|
| MIDF      | Pelbagai Program Pembiayaan                 | 51.5                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pinjaman: 2-5%</li> <li>Saiz: Sehingga RM10 j</li> <li>Tempoh: Sehingga 20 tahun</li> </ul>                                     |
| EXIM Bank | Skim Insentif Pemampanan Pengeksport (SIP2) | 1,000                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pinjaman: COF - Subsidi 1.5%</li> <li>Saiz: Sehingga RM10 j</li> <li>Tempoh: Sehingga 7 tahun</li> </ul>                        |
| SME Bank  | Skim Pembiayaan Perusahaan Sosial           | 20                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pinjaman: 4%</li> <li>Saiz: Sehingga RM500,000</li> <li>Tempoh: Sehingga 7 tahun</li> </ul>                                     |
|           | Dana Pemangkin Ekosistem IBS (IBS 2.0)      | 165                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pinjaman: berdasarkan risiko</li> <li>Saiz: Sehingga RM10 j</li> <li>Tempoh: Sehingga 15 tahun</li> </ul>                       |
|           | Dana Pemberdayaan Usahawan Muda (YEF 2.0)   | 90                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pinjaman: 5% bagi 7 tahun pertama, selanjutnya 6.5%</li> <li>Saiz: Sehingga RM1 j</li> <li>Tempoh: Sehingga 10 tahun</li> </ul> |
|           | SME <i>Recapitalisation Fund</i>            | 600                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar dividen 6%</li> <li>Saiz: Sehingga RM5 j</li> <li>Tempoh: Sehingga 5 tahun</li> </ul>   |
|           | Jaguh Serantau                              | 165                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pinjaman: berdasarkan risiko</li> <li>Saiz: Sehingga RM20 j</li> <li>Tempoh: Sehingga 20 tahun</li> </ul>                       |

| Agensi                        | Program/ Skim                                      | Saiz Dana (RM juta) | Terma Pembiayaan  |
|-------------------------------|--|---------------------|---|
| SME Bank                      | Dana Kemampanan PMKS Bumiputera                    | 160                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pinjaman: 5%</li> <li>Saiz: Sehingga RM750,000</li> <li>Tempoh: Sehingga 7 tahun</li> <li>Moratorium: 6 bulan</li> </ul> |
|                               | Dana Pemantapan Automasi (Geran Padanan PEMERKASA) | 160                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar pinjaman: 4-5%</li> <li>Saiz: Sehingga RM3 j</li> <li>Tempoh: Sehingga 10 tahun</li> </ul>                               |
|                               | Skim Juara Lestari                                 | 1                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Saiz: Sehingga RM25,000</li> <li>Tempoh: 12 bulan</li> </ul>   |
|                               | Skim Insentif Kelestarian                          | 10                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak berkaitan</li> </ul>   |
| Suruhanjaya Koperasi Malaysia | Tabung Modal Pusingan Koperasi                     | 100                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Akan dimuktamadkan</li> </ul>  |

### Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan

- Skim Jaminan Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS 4.0) **(RM3 b)**
- Jaminan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) berjumlah **RM20 b** akan diperluaskan kepada pembiayaan oleh institusi kewangan bukan perbankan
  - Syarikat Pembiayaan Kredit **(RM1 b)**
  - Koperasi dan Lain-lain **(RM500 j)**

| Jaminan SJPP                | Semua Sektor        | Sektor Tumpuan*    |
|-----------------------------|---------------------|--------------------|
| <b>Jaminan Perlindungan</b> | Sehingga 80%        | Sehingga 90%       |
| <b>Had pembiayaan</b>       | Sehingga RM20 j     | Sehingga RM30 j    |
| <b>Fi Jaminan</b>           | Sehingga 1% setahun | 0.5%-0.75% setahun |
| <b>Tempoh</b>               | Sehingga 10 tahun   | Sehingga 10 tahun  |

Nota: \*Merujuk kepada sektor pembuatan, pertanian, pelancongan dan teknologi tinggi

## 5. Program Usahawan

- Skim keusahawanan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) antaranya:
  - Skim 1 OKU 1 Perniagaan - Pendaftaran dan pembaharuan lesen SSM percuma kepada OKU, terhad kepada satu perniagaan sahaja
  - Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) - Pendaftaran perniagaan percuma kepada usahawan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa
  - Pendaftaran percuma bagi SSM Biz Trust dilanjutkan sehingga 31 Disember 2023
- Program latihan dan bimbingan keusahawanan Institut Keusahawanan Malaysia (INSKEN) **(RM10 j)**
- Business Exports Program kepada 50 usahawan PKS Bumiputera yang berpotensi **(RM4 j)**
- Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi 2.0 di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia **(RM5 j)**
- Program Peningkatan Prestasi Keupayaan dan Daya Saing PKS **(RM5 j)**
- Profesional Training and Education for Growing Entrepreneur (PROTÉGÉ) **(RM5 j)**
- **Pelbagai program usahawan di bawah SME Corp (RM88.0 j)**
  - Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) **(RM10 j)**
  - Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro **(RM5 j)**
  - Program peningkatan industri strategik dan syarikat berprestasi tinggi (PRESTIGE) **(RM3 j)**
  - Projek pengesanan dan penambahbaikan SME Competitiveness Rating for Enhancement (RM1 j)
  - Inclusive SME Ecosystem (I-SEE) (RM1 j)
  - Skim Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PMKS (RM25 j)
  - Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) (RM10 j)
  - Bumiputera Enterprise Enhancement Program 2.0 (RM30 j)
  - Program pengukuhan eksport PKS, SMEs Go Global (RM3 j)
- **Pelbagai program usahawan francais (RM21.5 j)**
  - Program Pembangunan Kapasiti Vendor 2.0 **(RM5 j)**
  - Geran Penyelidikan dan Pengkomersialan Vendor 2.0 **(RM10 j)**
  - Program pembangunan kapasiti usahawan industri halal **(RM1.5 j)**
  - Program pembangunan kapasiti produk halal **(RM1.5 j)**
  - Program inovasi dan teknologi halal **(RM2.5 j)**
  - Program Pengantarabangsaan Usahawan Halal **(RM1 j)**

- Pembangunan industri halal dan Program *Malaysia Services and Halal Go Global* **(RM10 j)**
- Projek Pembangunan Pusat Hab Halal Tanjung Manis di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) **(RM59 j)**

### **Ikhtiar 3: Mendepani Musibah Bencana**

#### **1. Persiapan Menghadapi Bencana**

- Perolehan khemah operasi dan bencana PDRM dan perolehan peralatan pasca banjir **(RM11 j)**
- Perolehan peralatan dan aset di bawah Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) **(RM10 j)**
- Perolehan peralatan dan aset bencana di bawah Bomba **(RM34.5 j)**
- Tabung Bencana Negara **(RM100 j)**
- Memperkukuhkan fungsi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) **(RM50 j)**
- Rancangan Kawalan dan Isyarat Bahaya Banjir **(RM93.2 j)**
- Pengurusan Bencana berkaitan Geologi **(RM24.1 j)**
- Geran Pertubuhan Prihatin Komuniti (GPPK) dalam memperkasa peranan persatuan penduduk dalam menghadapi bencana **(RM20 j)**

#### **2. Tebatan banjir**

- Daripada jumlah RM15 b peruntukan tebatan banjir yang diluluskan, dijangka mampu jimat RM2 b setelah dibatalkan kelulusan rundingan terus
- Enam projek tebatan banjir akan ditender semula dengan segera selewatnya Jun 2023 antaranya melibatkan:
  - Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Johor, Kota Tinggi, Johor
  - Pembinaan kolam takungan dwifungsi bagi tebatan banjir dan sumber bekalan air mentah di Sungai Rasau dan Sungai Klang, Selangor; dan
  - Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok Fasa 3, Kelantan
- Menaik taraf infrastruktur dan saluran bandar **(RM117.7 j)**
- Selenggara kolam takungan banjir di bawah PBT **(RM100 j)**
- Penyelenggaraan perparitan dan longkang di bawah PBT melibatkan kontraktor G1-G4 **(RM30 j)**

#### **3. Pemberian Elaun Khas RM100 sehari kepada petugas Misi Mencari dan Menyelamat di Turkiye dan Syria **(RM1 j)****

#### 4. Amalan Hijau

- *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT) dengan mengambil kira pewartaan kawasan perlindungan baharu, habitat harimau dan penanaman semula pokok di kawasan terosot **(RM150j)**
- Program perlindungan harimau, gajah dan spesies hidupan liar lain **(RM38 j)**
- Menambah bilangan renjer yang mengawal hutan kepada 1,500 orang di seluruh negara dengan keutamaan kepada Orang Asli, veteran tentera dan polis **(RM50 j)**
- Rancangan Pengurusan Sungai Saliran Mesra Alam **(RM68.8 j)**
- Memperbaiki, mengindah, membersihkan dan merawat sungai dan infrastruktur Manual Saliran Mesra Alam **(RM140.4 j)**
- Pengawalseliaan Alam Sekitar **(RM86.9 j)**
- Putrajaya *Green City* melalui inisiatif pengasingan sisa dan kitar semula pemangkin ekonomi kitaran **(RM30 j)**
- Pengurusan Teknologi Tepat dan Kelestarian Pertanian **(RM9.4 j)**
- Lokalisasi SDG: Pembangunan Komuniti Sifar Sisa dalam Kalangan Komuniti PPR Terpilih **(RM1.3 j)**
- Projek Teknologi Hijau **(RM3.2 j)**
- Program Ekopelancongan **(RM1.5 j)**
- Potongan cukai ke atas kos penerbitan SRI-linked Sukuk yang diluluskan atau dibenarkan atau diserahkan simpan dengan Suruhanjaya Sekuriti mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2027

#### 5. Kemudahan pembiayaan BNM

- Dana Pembiayaan Teknologi Tinggi dan Hijau **(RM1 b)**
- Dana Pembiayaan Peralihan Karbon Rendah **(RM1 b)**

#### 6. Dana Impak Khazanah Nasional **(RM150 j)**

- Pembangunan projek mesra alam termasuk menyokong pasaran karbon dan restorasi hutan terosot

#### 7. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFIS) **(RM3 b)**

- Nilai jaminan dinaikkan kepada RM3 b sehingga 2025
- Skop pembiayaan diperluas khususnya kepada sektor EV dengan had jaminan sehingga 60%
- Pembiayaan sektor sisa akan ditingkatkan tahap jaminannya kepada 80%

#### 8. Skim Pembangunan Mampan – Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) **(RM1 b)**

#### 9. Mengkaji dan menambah baik pakej insentif Green Investment Tax Allowance (GITA) dan Green Income Tax Exemption (GITE)

10. Inisiatif oleh GENTARI
  - Pemasangan panel solar di kemudahan-kemudahan Kerajaan dan komersial menjelang tahun 2024
  - Penyediaan 500 unit kemudahan pengecasan EV di seluruh negara
11. Inisiatif oleh TNB
  - Pemasangan *rooftop solar* di bangunan Kerajaan di Putrajaya **(RM75j)**
  - Pemasangan kemudahan pengecasan EV di 70 lokasi tumpuan **(RM90j)**
12. Galakan cukai menyokong penggunaan EV
  - Pengecualian duti import ke atas komponen untuk EV pemasangan tempatan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2027
  - Pengecualian duti eksais dan cukai jualan ke atas EV pemasangan tempatan CKD dilanjutkan sehingga 31 Disember 2027
  - Pengecualian duti import dan duti eksais ke atas EV CBU dilanjutkan sehingga 31 Disember 2025
  - Pengecualian cukai pendapatan 100% atas pendapatan berkanun pengilang peralatan pengecasan EV mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2032 dan Elaun Cukai Pelaburan 100% untuk tempoh 5 tahun
  - Potongan cukai kepada syarikat yang menyewa EV dengan jumlah maksimum amaun sewaan yang layak dihadkan tidak melebihi RM300,000

#### **Ikhtiar 4: Meraih Pelaburan Berimpak Tinggi**

1. Memudah Cara Pelaburan
  - *Invest Malaysia Council* dan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) akan menerajui usaha mempercepat kelulusan projek pelaburan berpotensi tinggi
  - PEMUDAH diperkasa sebagai unit pemudah cara iklim pelaburan dan persekitaran perniagaan
  - Pewujudan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030
    - Agensi promosi pelaburan dan insentif cukai akan distruktur semula berdasarkan kepada *outcome* - Pekerjaan bernilai tinggi, rantaian bekalan dengan firma tempatan, dan pewujudan kelompok industri baharu
    - Pemantauan pelaburan yang menerima insentif akan diperkasa untuk memastikan manfaat yang diharapkan terjamin
2. Pelaburan dalam Sektor Keutamaan
  - Lanjutan tempoh galakan cukai sedia ada dan kadar cukai 15% kepada C-Suite dalam syarikat yang membuat pelaburan strategik baharu

- Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan dan Elaun Cukai Pelaburan kepada syarikat yang menjalankan aktiviti pembinaan dan pembaikan kapal
- Pengecualian cukai pendapatan dan Elaun Cukai Pelaburan dalam bidang aeroangkasa
- *Tun Razak Exchange* (TRX) sebagai hab kewangan antarabangsa Malaysia
- Pewujudan Zon Khas Kewangan di Iskandar Malaysia, Johor dengan pakej imbuhan yang berdaya saing
- Projek pembesaran dan peningkatan keupayaan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Subang
- Projek Pembangunan Pelabuhan Sanglang, Perlis dan membina struktur baharu hakisan pantai antara Kuala Sanglang, Perlis ke Kuala Jerlun, Kubang Pasu, Kedah
- Menyediakan pembiayaan strategik khusus oleh BPMB bagi menggalakkan agenda mampan dan automasi **(RM6 b)**
- Cadangan pembangunan pelabuhan utama di Pulau Carey di Klang oleh pihak swasta

#### Pembiayaan Strategik BPMB

| Jenis                       | Program/Skim                            | Saiz Dana (RM juta) | Terma Pembiayaan  |
|-----------------------------|---|---------------------|---|
| <b>Pinjaman Bersubsidi*</b> | Skim Infrastruktur Pelancongan          | 1,000               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: <b>Kerajaan:</b> COF + Margin – Subsidi 1.5%</li> <li><b>Komersial:</b> BFR + Margin – Subsidi 1.5%,</li> <li><b>Sukuk/Bon:</b> Yuran Jaminan – Subsidi 1.5%</li> <li>• Saiz: Sehingga RM100 j</li> <li>• Tempoh: Sehingga 5-20 tahun</li> </ul> |
|                             | Skim Maritim & Logistik                 | 800                 |   |
|                             | Skim Pembangunan Negara                 | 1,000               |   |
|                             | Skim Pembangunan Mampan                 | 1,000               |   |
|                             | Skim Transformasi Pendigitalan Industri | 1,000               |   |



|  |  |     |   |
|--|--|-----|---|
| <b>Pinjaman/<br/>pembiayaan<br/>ekuiti</b> | Skim Pemulihan dan Sokongan melalui Ekuiti (RESET) | 500 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: 8-15% IRR</li> <li>• Saiz: RM5 j – RM20 j</li> <li>• Tempoh: Sehingga 3 tahun</li> </ul> |
|  | Skim Modal Kerja*                                  | 500 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar pinjaman: 5%</li> <li>• Saiz: minimum RM5 j</li> <li>• Tempoh: Sehingga 3 tahun</li> </ul>         |
|  | Platform Pembiayaan Sepadan                        | 100 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akan dimuktamadkan</li> </ul>  |

Nota: \*Lanjutan ke tahun 2025

### 3. Ekonomi dan Kewangan Islam

- Mulai 2024, aset simpanan syariah KWSP akan diasingkan sepenuhnya bagi memberi pulangan yang kompetitif kepada 1.25 juta ahli yang memiliki akaun syariah

### 4. Pembangunan di Tanah Wakaf Berdaftar

- Kerajaan telah terima komitmen daripada pihak swasta untuk mewujudkan Wakaf MADANI dengan asset bernilai lebih RM1 b termasuk tanah, masjid, kemudahan kesihatan dan pendidikan



# Reformasi INSTITUSI & TATAKELOLA BAIK

## Ikhtiar 5: Pembaharuan Sektor Awam

1. Ketelusan dalam Perolehan Kerajaan
  - Menurunkan kuasa melulus bagi perolehan Kerajaan kepada Pegawai Pengawal Kementerian dan Jabatan bagi meningkatkan keberkesanan urusan perolehan serta tahap akauntabiliti Pegawai Pengawal selaras dengan konsep '*Let Managers Manage*'
  - Menggubal Akta Perolehan Kerajaan
  - Meminda Akta Perlindungan Pemberi Maklumat untuk membanteras rasuah dan salah laku
2. Menyegerakan Projek Prasarana Rakyat
  - Sekolah dan Klinik Daif
    - Meningkatkan had sebut harga perolehan kerja daripada RM500,000 kepada RM1 j dan perolehan secara cabut undi daripada RM100,000 kepada RM200,000
    - Perolehan bekalan perlu dijalankan sepenuhnya oleh kontraktor utama melalui kontraktor panel yang ditetapkan
    - Pengecualian kepada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan daripada penggunaan model IBS dan keperluan mendapatkan perkhidmatan jabatan teknik
    - Menubuhkan pasukan khas mempercepatkan projek pembaikan sekolah/sekolah daif dan klinik daif (400 klinik dan 380 sekolah daif)
      - Pembaikan sekolah daif di Semenanjung, Sabah dan Sarawak **(RM920.4 j)**
      - Pembaikan klinik dan hospital daif **(RM340 j)**
  - Keselamatan Jalan Raya
    - Khidmat Jurutera Daerah untuk kerosakan jalan persekutuan dan pembaikan segera lain **(RM20 j)**
    - Melaksanakan penyelenggaraan kecil bagi jalan persekutuan oleh kontraktor G1 hingga G4 **(RM300 j)**

- Menyegerakan memasang lampu jalan di kawasan berkemalangan tinggi **(RM50 j)**
  - Kos operasi, penyelenggaraan lampu jalan kampung dan pemasangan baru lampu jalan luar bandar **(RM123 j)**
  - Projek jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa **(RM1.5 b)**
  - Memperluaskan skop MARRIS untuk dibenarkan membaiki dan mengganti jambatan dan longkang
  - Meningkatkan peruntukan MARRIS untuk menyelenggara jalan negeri **(RM5.2b)**
  - Naik taraf dan penyelenggaraan jalan persekutuan *pavemen* dan bukan *pavemen* **(RM1 b)**
  - Memperbaiki, mengganti dan menaikkan taraf jalan dan jambatan **(RM1.7 b)**
  - Naik taraf jalan raya dan laluan **(RM1.56 j)**
  - Pembaikan cerun seluruh Malaysia **(RM317.5 j)**
3. Galakan Kementerian dan Agensi Berinovasi
- Naik taraf perkhidmatan *cloud computing* sektor awam menerusi MyGovCloud yang berfungsi secara hybrid
  - Menetapkan indeks prestasi utama (KPI) untuk semua Kementerian dan jabatan berteraskan kerangka MADANI
  - Geran penyelidikan dan perolehan peralatan di bawah program pembangunan dan pengukuhan penghasilan vaksin negara **(RM56 j)**
  - Penyelidikan pelbagai Kementerian **(RM366 j)**
  - Program inovasi merentas Kementerian **(RM68 j)**
  - *Malaysia Research & Education Network* (MYREN) **(RM35 j)**
4. Menangani Isu-isu Rakyat
- Pengukuhan peranan Pusat Respons Scam Kebangsaan (*National Scam Response Centre* - NSRC) dalam menangani jenayah penipuan dalam talian atau *scam* **(RM10 j)**
  - Penguatkuasaan dasar pelaksanaan konsep "*kill switch*" oleh BNM
  - Meminda Akta Insolvensi 1967 supaya kes muflis dapat dilepaskan secara automatik pada masa yang singkat
  - Sementara Akta dipinda, kes kecil dengan hutang kurang RM50,000 akan dilepaskan serta merta mulai 1 Mac 2023 **(RM2 j)**
  - Menggubal Akta Kredit Pengguna serta menubuhkan Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna untuk mengawal syarikat seperti peminjam wang berlesen, pajak gadai dan penyedia kredit *Buy Now Pay Later*
  - Menaikkan had kelayakan mendapatkan bantuan guaman penuh oleh Jabatan Bantuan Guaman daripada RM30,000 kepada RM50,000
  - Memperluas fungsi Jabatan Bantuan Guaman untuk meliputi kes sivil dan Syariah

- Kajian untuk menggubal Akta khusus bagi menawarkan bantuan guaman percuma
  - Memperluas operasi Mahkamah Bergerak terutama di pedalaman Sabah dan Sarawak **(RM12 j)**
  - Pemantapan Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-kanak **(RM3 j)**
5. Reformasi Institusi
- Program reformasi dan pemusatan agensi Kerajaan atau institusi yang dilihat mempunyai pertindihan kuasa dan fungsi yang hampir sama
    - Membebaskan sepenuhnya dan mengasingkan saraan melibatkan Badan Berkanun Persekutuan yang mandiri
    - Penstrukturan semula institusi yang memperkasa pegangan pelaburan Bumiputera dengan menggabungkan Yayasan Pelaburan Bumiputra, Yayasan Amanah Hartanah Bumiputra serta Yayasan Ekuiti Nasional
    - Menggabungkan semua agensi yang mengawal selia dan menyelaras ekosistem *startup* dan inovasi
  - Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara telah ditubuhkan untuk menerajui sistem penyampaian awam agar perkhidmatan disampaikan adalah terbaik untuk rakyat tanpa batas sempadan Kementerian atau Agensi
    - Dana akan disediakan bagi pelaksanaan projek rintis
  - Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi atau *Performance Acceleration Coordination Unit* (PACU) bertanggungjawab bagi merancang, melaksanakan, memantau dan menilai program-program bitara MADANI oleh Kerajaan
  - Cadangan larangan kepada Badan Berkanun Persekutuan dan syarikat berkaitan Kerajaan untuk terlibat dalam aktiviti yang tidak selaras dengan matlamat asal penubuhan
  - Semakan semula pakej saraan Ketua Eksekutif dan pengurusan tertinggi badan berkanun dan syarikat berkaitan Kerajaan

## **Ikhtiar 6: Memperkasa Kerjasama Awam-Swasta**

1. Kerjasama dengan Industri bagi Pelaksanaan TVET
  - Kini, 90% graduan TVET bergaji <RM2,000 sebulan. Pembaharuan perlu dilaksanakan agar 90% graduan TVET bergaji >RM2,000 sebulan
  - Pengambilalihan sebahagian atau sepenuhnya operasi institusi TVET termasuk Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), kolej komuniti dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) oleh 50 syarikat terpilih
  - Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang memanfaatkan lebih 8,000 pelatih **(RM50 j)**
  - Program *Academy in Factory* **(RM5.3 j)**
    - Latihan sambil bekerja di kilang
    - Mensasarkan lebih 50 ribu pelatih setahun

2. Galakan Pekerjaan dengan Pendapatan Setimpal
  - Menggalakkan sektor Perladangan Sawit untuk mencontohi Sime Darby Plantation melalui penggajian pekerja tempatan dengan gaji sekurang-gajinya RM3,000 sebulan dan menambahbaik persekitaran pekerjaan melalui mekanisasi dan automasi termasuk penggunaan robotik dan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*)
  - Menggalakkan automasi sektor perladangan melalui penggunaan robotik dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence - AI*) yang berupaya menggaji pekerja tempatan yang berkemahiran
    - Menyediakan geran sepadan untuk melaksanakan projek rintis dengan syarikat sawit **(RM50 j)**
    - Mengenakan kadar levi yang lebih tinggi kepada syarikat dengan bilangan pekerja asing yang tinggi dimana hasil levi tambahan akan digunakan bagi menyokong majikan membiayai inisiatif automasi
  - Penawaran 35 ribu peluang kerjaya kepada belia, graduan TVET, kumpulan rentan dan veteran oleh GLC
  - Pelaksanaan latihan kemahiran di bawah HRD Corp **(RM1 b)**
    - Latihan bagi meningkatkan produktiviti dan peluang pendapatan
    - Memanfaatkan 800 ribu pekerja
  - Program Graduan Pasaran Modal **(RM30 j)**
    - Jalinan kerjasama antara Suruhanjaya Sekuriti (SC) dengan Dana Pembangunan Pasaran Modal
    - Meningkatkan kebolehpasaran 9 ribu graduan dalam pasaran modal
  - Penggubalan Dasar Pekerja Gig bertujuan untuk melindungi hak dan kebajikan pekerja gig
  - Menggalakkan sektor swasta menggaji dengan nilai yang lebih tinggi
    - Insentif PERKESO kepada majikan yang menggaji graduan khususnya TVET sebanyak RM600 sebulan selama 3 bulan sebagai tambahan kepada gaji yang ditawarkan **(RM45 j)**
    - Insentif PERKESO kepada majikan yang menggaji golongan mudah terjejas seperti OKU, bekas banduan, gelandangan dan penganggur tegar sebanyak RM600 sebulan selama 3 bulan **(RM100 j)**
  - Menggalakkan anak muda meningkatkan keupayaan dan skil **(RM60j)**
    - Program peningkatan kemahiran *microcredentials* kepada pekerja gig menerusi tanggungan bayaran latihan sehingga RM4,000 dan elaun RM300 untuk 3 bulan sebagai menggantikan pendapatan pekerja gig hadir program latihan **(RM40 j)**
    - Fi latihan sehingga RM2,500 kepada 30 ribu pekerja gig untuk mereka menjalani pembelajaran berbentuk *microcredentials*
  - Bantuan mobiliti kepada pencari kerja

- RM500 kepada pencari kerja yang mendapat pekerjaan di luar dari negeri bermastautin
  - RM1,000 kepada pencari kerja yang mendapat pekerjaan dan melibatkan penghijrahan jarak jauh dari Sabah atau Sarawak ke Semenanjung dan sebaliknya
3. Program untuk Merancakkan Sektor Pelancongan
- Peruntukan mempromosi pelancongan **(RM250 j)**
  - Geran Padanan sehingga RM115 j bagi kerjasama dengan industri Pelancongan dan Kebudayaan
  - Usaha sama Malaysia Airports Holdings Berhad dan syarikat penerbangan antarabangsa bagi menggalakkan penerbangan *charter* **(RM40 j)**
  - Potongan cukai khas kepada syarikat perhotelan terhad sehingga RM150,000 ke atas perbelanjaan produk kraftangan yang layak dibeli daripada pengusaha kraftangan tempatan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025
  - Mengurangkan kesesakan jalan raya yang menjejaskan lokasi tumpuan pelancong antaranya:
    - Membina jalan baharu dari Habu ke Tanah Rata, Cameron Highlands (kos projek **RM480 j**)
    - Menaik taraf Jalan Tun Hamzah ke persimpangan Semabok Lebuh AMJ Daerah Melaka Tengah (**kos projek RM300 j**)
    - Membina jalan dan jambatan Sungai Sepang bagi menghubungkan Bukit Pelandok, Port Dickson dan Sungai Pelek, Sepang (**kos projek RM160 j**)
    - Menambah baik kemudahan jaringan lebuh raya ke Pengerang melalui pembinaan lorong memotong di Senai Desaru Expressway
    - Naik taraf Lebuh Raya Utara Selatan di Senai Utara-Sedenak, Johor Bahru daripada 4 kepada 6 lorong (**kos projek RM525 j**)

## Ikhtiar 7: Mengutamakan Agenda Digital

1. Kemudahan Internet untuk Rakyat
  - Mempercepat pelaksanaan projek Jalinan Digital Negara (JENDELA)
  - Projek internet luar bandar (geran sepadan oleh TNB RM25 j) **(RM50j)**
  - *National Fiberisation & Connectivity Plan* (NFCP) **(RM700 j)**
2. Pendigitalan Perniagaan
  - Program 1DUN 1PEDI melibatkan sekurang-kurangnya satu PEDI disetiap DUN sebelum akhirnya tahun 2023 dan peranan Pusat Ekonomi Digital (PEDI) diperkasa untuk membantu peniaga kecil dengan pengetahuan ICT dan e-dagang
  - Geran padanan sehingga RM5,000 di bawah Skim Geran Pendigitalan PKS dan Penjaja Kecil **(RM100 j)** – PKS (RM90 j); penjaja kecil (RM10 j)

- Kemudahan Automasi dan Digital PKS (ADF) oleh BNM **(RM1 b)**
3. e-Dagang **(RM53.5 j)**
    - eTRADE 2.0 **(RM1.5 j)**
    - Automasi dan Digitalisasi: Program pendigitalan perniagaan MARA **(RM5 j)**
    - Program penyediaan ekosistem e-Dagang **(RM15 j)**
    - Program penerimgunaan e-Dagang **(RM12 j)**
  4. Automasi dan Digitalisasi: *Digital Agriculture* - DE AgTech **(RM10 j)**
  5. Digitalisasi PMKS
    - e-Trans Phase II **(RM6 j)**
    - Pembiayaan Peluang Kedua **(RM20 j)**
    - Skim Transformasi Pendigitalan Industri **(RM1 b)**
    - Skim Pembiayaan Perniagaan Kelestarian dan Hijau (SGBF) **(RM16.5 j)**
    - Skim insentif penyelidikan bagi perusahaan (RISE) **(RM5 j)**
    - Insentif khusus MSC Malaysia (MCI) **(RM20 j)**
    - Program Transformasi Pendigitalan PMKS **(RM1.2 j)**
  6. Siber sekuriti
    - Pembangunan keupayaan penilaian dan pengujian keselamatan teknologi siber termaju (CENTREACT) **(RM15 j)**
    - Program galakan pemerkasaan keselamatan siber Malaysia kepada PKS **(RM8 j)**
    - Pensijilan keselamatan digital dan privasi **(RM8 j)**
    - Pengukuhan pemantauan, pengesanan dan pelaporan ancaman siber **(RM8j)**
    - Pelan pelaksanaan program penilaian keselamatan siber sektor awam PPKS **(RM0.5 j)**
    - Pengukuhan keupayaan sistem forensik siber **(RM15 j)**
    - Pembangunan Malaysia sebagai hab pusat data global **(RM15 j)**
    - Pembangunan Modul Etika Siber Nasional (ESN) Peringkat Sekolah dan Aplikasi *Cyber Ethics Readiness Index* (CERI) **(RM4 j)**
  7. Dana dan Geran
    - Dana Impak Khazanah Nasional dalam bidang digitalisasi dan teknologi tinggi, dengan tumpuan khusus kepada menyokong syarikat pemula dan modal insan tempatan **(RM250 j)**
    - DE Rantau **(RM10 j)**
    - Dana Teknologi Inovasi untuk Globalisasi (TIG) **(RM15 j)**
    - Dana Kandungan Digital untuk mempergiat pemasaran produk seni tempatan dan mendorong penghasilan lebih banyak karya kreatif **(RM102j)**
  8. Modal Insan
    - Memperkasa Modal Insan Industri Kreatif 2.0 **(RM3 j)**
    - Program Latihan *Digital Freelancer* dan *GIG Workers* **(RM3 j)**
    - Pembangunan Modal Insan bagi Ekonomi Digital **(RM15 j)**

## **Ikhtiar 8: Memperkukuh Peranan Agensi dan Syarikat Kerajaan**

1. Nilai pelaburan terkumpul Syarikat Berkaitan Kerajaan **(RM50 b)**
2. Pelaburan dalam syarikat-syarikat pemula tempatan oleh GLIC antaranya Khazanah dan KWSP **(RM1.5 b)**
3. Pelaburan oleh GLC dalam projek sekuriti makanan **(RM1.3 b)**
4. Potongan cukai sehingga RM1.5 j ke atas perbelanjaan penyenaiaan di pasaran ACE atau LEAP dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2025
5. Memperluas potongan cukai meliputi kos penyenaiaan syarikat berasaskan teknologi di Pasaran Utama Bursa Malaysia
6. Meningkatkan ruang modal serta menarik minat bakat tempatan dalam sektor berinovasi tinggi
  - Dana Padanan Malaysia *Coinvestment Fund* (MyCIF) oleh SC **(RM40 j)**
  - Memudahkan lebih banyak pasaran kedua bagi instrumen pasaran swasta
  - Membenarkan penerbitan saham dwikelas dan garis panduan akan dikeluarkan oleh pihak SC
  - Dana modal teroka tersedia melalui MAVCAP, Kumpulan Modal Perdana dan Ekuinas **(RM136 j)**
  - *Cradle Fund* **(RM50 j)**
7. Tanggungjawab Sosial Korporat oleh GLC dan GLIC
  - Bantuan kepada golongan rakyat termiskin **(RM250 j)**
  - *Kuala Lumpur Green Belt and Heritage* - menerajui usaha pembangunan bangunan bersejarah lain seperti Bangunan Sultan Abdul Samad dan Carcosa Sri Negara
  - Penubuhan Tabung Warisan Negara oleh Khazanah Nasional Berhad **(RM700 j)**
  - Projek pengindahan lokasi tumpuan serta mengangkat potensi aset bersejarah dan kebudayaan oleh *ThinkCity* serta projek meningkatkan daya huni perumahan awam di Kuala Lumpur **(RM30 j)**
  - Program pemeliharaan tapak warisan dunia yang diiktiraf oleh UNESCO di Melaka dan Pulau Pinang **(RM50 j)**





## KEADILAN SOSIAL untuk menyederhana kesenjangan

### Ikhtiar 9: Menoktahkan Miskin Tegar

1. Bantuan Tunai & Inisiatif Pendapatan Rakyat
  - Melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) **(RM750 j)**
  - Bantuan bulanan sedia untuk golongan rakyat termiskin di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat **(RM400 j)**
  - Program pemutihan disegerakan untuk senarai penerima bantuan bulanan Kerajaan dengan menggabungkan usaha dan pangkalan data e-Kasih ICU dan JKM
2. Peranan Kerajaan Negeri
  - Kerajaan Sabah dan Sarawak meneruskan program pembasmian kemiskinan dengan menggunakan sebahagian bayaran hasil petroleum
  - Wang Ehsan Kelantan dan Terengganu akan diperuntukan sebahagian untuk membantu golongan miskin
3. UNDP **(RM10 j)** dan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (*All Party Parliamentary Group Malaysia - APPGM*) **(RM20 j)** termasuk program kebun komuniti
4. Projek pembaikan luar bandar dan program-program membasmi kemiskinan **(RM3.9 b)**

### Ikhtiar 10: Meminimum Beban Sara Hidup

1. Kerajaan memperuntukkan sehingga RM64 b dalam bentuk subsidi, bantuan serta insentif
2. Konsep Payung Rahmah
  - Kempen Menu Rahmah dengan jualan set makan tengah hari dan makan malam pada harga RM5

- Jualan Rahmah yang menawarkan barangan asas dengan harga sehingga 30% lebih murah berbanding pasaran melibatkan 222 kawasan Parlimen **(RM100 j)**
  - Program *Community Drumming* ditingkatkan peruntukan RM25 j kepada **RM225 j**
    - Menampung kos pengangkutan dan pendedaran barang perlu seperti beras, minyak masak, gas LPG, petrol dan diesel
    - Diperluas kepada 25 kawasan baharu antaranya Paloh dan Passin, Sarawak; Pasir Raja, Terengganu dan Kuala Krai, Kelantan
  - Program Skim Penstabilan Minyak Masak (COSS) dan menaik taraf system eCOSS **(RM502 j)**
  - Program Penyeragaman Harga di Sabah, Sarawak dan Labuan **(RM40 j)**
  - Kredit e-Tunai Belia Rahmah RM200 kepada 2 juta belia 18 hingga 20 tahun **(RM400 j)**
3. Sumbangan Tunai Rahmah (STR) memanfaatkan hampir 9 juta penerima dengan peruntukan hampir **RM8 b**
- Penambahbaikan
    - Kategori baharu melibatkan bilangan anak melebihi 5 orang
    - Bantuan khas kepada warga emas bujang (RM600) dan bujang (RM350)
    - Bantuan Bakul Rahmah mengandungi barangan asas seperti beras, gula, minyak masak, tepung, susu pekat, mihun dan telur **atau** baucar bernilai RM100 setiap bulan bagi tempoh 6 bulan kepada setiap Ketua Isi Rumah miskin tegar
  - Keluarga dalam kumpulan miskin tegar layak terima sumbangan sehingga maksimum RM3,100

| Kadar Asas Isi Rumah  | Bil. Penerima | Bilangan Anak  |                |                |                |
|-----------------------|---------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
|                       |               | 0              | 1-2            | 3-4            | ≥5             |
| <RM2,500              | 3.3 j         | <b>RM1,000</b> | <b>RM1,500</b> | <b>RM2,000</b> | <b>RM2,500</b> |
| RM2,501 – RM5,000     | 0.9 j         | <b>RM500</b>   | <b>RM750</b>   | <b>RM1,000</b> | <b>RM1,250</b> |
| <b>Bantuan Khas</b>   |               |                |                |                |                |
| Warga Emas Bujang     | 1.1 j         | <b>RM600</b>   |                |                |                |
| Bujang (<60 tahun)    | 3.4 j         | <b>RM350</b>   |                |                |                |
| <b>Kadar Tambahan</b> |               |                |                |                |                |
| Miskin Tegar          | 0.4 j         | <b>RM600</b>   |                |                |                |

4. Bantuan untuk Pesawah & Pekebun Kecil Getah
  - Subsidi dan insentif harga padi, baja padi, dan padi huma **(RM1.6 b)**
  - Bantuan pesawah padi sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh 3 bulan **(RM228 j)**
    - Memanfaatkan 240 ribu pesawah padi
  - BERNAS
    - Sumbangan **RM60 j** bagi membantu para pesawah miskin
    - Perkongsian **30%** keuntungan bersih daripada import beras dengan pesawah padi
  - Insentif Pengeluaran Getah (IPG) - Harga lantai dinaikkan daripada RM2.50 kepada RM2.70 sekilogram **(RM350 j)**
  - Program Pembangunan Kawasan Bertanam Getah Pekebun Kecil **(RM315.5j)**
    - Tanaman semula pokok getah
    - Memanfaatkan 380 ribu pekebun kecil
  - Bantuan Musim Tengkujuh **(RM256 j)**
    - Kadar dinaikkan daripada RM600 kepada RM800 bagi tempoh 4 bulan (November, Disember, Januari dan Februari)
    - Memanfaatkan 320 ribu pekebun kecil
  - Menggunakan *Cuplump Modified Bitumin (CMB)* bagi penyelenggaraan jalan **(RM50 j)**
  - Program peningkatan produktiviti nelayan dan projek kemudahan nelayan **(RM18.3 j)**
  - Meneruskan Projek Transformasi Perusahaan Getah (TARGET) **(RM15 j)**
  - Peruntukan kepada FELDA, FELCRA dan RISDA **(RM2.6 b)**
5. Pendapatan Boleh Guna M40
  - Semakan semula kadar cukai pendapatan individu **(RM900 j)**
  - Pengurangan kadar cukai pendapatan ke atas 3 banjaran pendapatan bercukai
  - Manfaatkan kira-kira 2.4 juta pembayar cukai dengan lebih pendapatan boleh guna sehingga RM1,300 setahun
  - Kadar cukai dinaikkan antara 0.5% sehingga 2% melibatkan setiap banjaran pendapatan lebih RM100,000 hingga RM1 j. Namun, di bawah penstrukturan semula kadar cukai ini, hanya mereka yang berpendapatan lebih RM230,000 akan membayar lebih cukai, yang melibatkan kurang daripada 150 ribu pembayar cukai

| Pendapatan Bercukai     | Kadar Cukai      |
|-------------------------|------------------|
| RM35,001 – RM50,000     | 8% kepada 6%     |
| RM50,001 – RM70,000     | 13% kepada 11%   |
| RM70,001 – RM100,000    | 21% kepada 19%   |
| RM100,001 – RM250,000   | 24% kepada 25%   |
| RM250,001 – RM400,000   | 24.5% kepada 25% |
| RM400,001 – RM600,000   | 25% kepada 26%   |
| RM600,001 – RM1,000,000 | 26% kepada 28%   |

#### 6. Keterjaminan Makanan

- Skim Pembiayaan Agrofood (AF) BNM dengan had pinjaman sehingga RM5 j pada kadar 3.75% termasuk fi jaminan sehingga tempoh 8 tahun **(RM1 b)**
- Tabung Pusingan Koperasi bagi pembekalan barangan keperluan asas, pemerksaan rantaian bekalan koperasi, program pembangunan perniagaan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia **(RM100 j)**
- Elaun Modal Dipercepatkan dan pengecualian cukai pendapatan bersamaan 100% perbelanjaan modal yang layak bagi kelengkapan automasi
  - Skop automasi meliputi adaptasi elemen industri 4.0
  - Terpakai kepada sektor perkilangan, perkhidmatan dan pertanian
  - Had perbelanjaan modal diselaras dan ditingkatkan sehingga RM10j
- Pengurusan teknologi tepat dan kelestarian pertanian **(RM9.4 j)**
- Pembangunan tanaman dan ternakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Perak (IADA) **(RM17.3 j)**
- Projek pemacu pertanian: skim geran penyelidikan produk herba bernilai tinggi **(RM21.4 j)**
- Tanam baru getah berkelompok (Sabah) – Fasa 2 **(RM50 j)**
- Program Pembangunan Semula Hasil Baharu **(RM40 j)**
  - Penjanaan pendapatan baharu menerusi tanaman jangka pendek dan penternakan
  - Manfaatkan 4 ribu pekebun kecil
- Tanaman Kelapa Sawit
  - Program Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) bagi pekebun kecil persendirian **(RM40 j)**
  - Insentif bagi Pengiktirafan MSPO **(RM30 j)**
  - Mempregiat usaha mempromosi dan Antiminyak Sawit di peringkat global **(RM10 j)**

- Pelaksanaan levi pekerja asing pelbagai peringkat atau multi-tiered levy disasarkan dan hasil levi tambahan disalurkan kepada majikan bagi inisiatif automasi
  - Insentif Pengeluaran Lateks serta pembangunan model perniagaan bekalan lateks yang lebih cekap **(RM23.4 j)**
  - Program Pembangunan koko **(RM22.6 j)**
  - Pertanian bijirin jagung domestik melibatkan 70 ekar tanah LTAT
7. Galakan cukai
    - Skop galakan cukai bagi projek pengeluaran bahan makanan diperluas bagi projek pertanian berasaskan *Controlled Environment Agriculture* dan tempoh permohonan galakan dilanjutkan
    - Pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun bagi syarikat berstatus BioNexus dan tempoh permohonan galakan dilanjutkan
  8. Elaun Modal Dipercepat dan pengecualian cukai pendapatan bagi penternak ayam yang mengadaptasi sistem reban tertutup mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2025
  9. Program menyuburkan tanah terbiar milik FELDA, FELCRA dan RISDA serta agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dengan keluasan 800 ekar untuk projek tanaman makanan
  10. Melaksanakan projek agromakanan dengan kerjasama bersama beberapa Kerajaan negeri **(RM30 j)**
  11. Menaik taraf pengairan dan saliran **(RM126.8 j)**
  12. Dana Pelaburan dan Pembiayaan oleh Agrobank
    - Dana Pembiayaan Agromakanan – Kemudahan pembiayaan modal kerja kepada PKS pertanian **(RM550 j)**
    - Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan **(RM60 j)**
  13. Dana Impak oleh Khazanah – Peningkatan pendapatan dan produktiviti pekebun kecil **(RM200 j)**
  14. Pemodenan dan Pemeriksaan Industri Nanas **(RM29 j)**
  15. Insentif kepada petani bagi pengurusan perosak tanaman bersepadu (IPM) dan pensijilan GAP – *pesticide free* yang tidak menggunakan racun kimia **(RM5j)**
  16. Merintis projek pertanian mampan menggunakan baja organik oleh MAFS **(RM5 j)**

## **Ikhtiar 11: Menjamin Keharmonian dan Perpaduan**

1. Pembangunan Sabah dan Sarawak
  - Meraih manfaat besar daripada peruntukan pembangunan - Sabah **(RM6.5 b)** dan Sarawak **(RM5.6 b)**
  - Menyegerakan pelaksanaan lebuh raya Pan Borneo Sabah dan Sarawak-Sabah Link Road **(RM20 b)**
  - Membangunkan bandar-bandar yang bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia **(RM1 b)**
  - Melaksanakan projek-projek melibatkan prasarana awam yang melibatkan projek jalan dan lampu jalan serta bekalan air dan elektrik **(RM2.6 b)**
  - Memperbanyak kemudahan klinik, bank dan mahkamah bergerak **(RM30 j)**
  - Mempercepat pelaksanaan projek dengan menyerahkan kuasa melalui perolehan projek Persekutuan kepada Jabatan Teknik di Sabah dan Sarawak sehingga RM50 j
2. Keselamatan Dalam Negeri & Pertahanan - Kementerian Dalam Negeri (KDN) **(RM18.5 b)** dan KEMENTERAH **(RM17.7 b)**
  - Bagi meningkatkan tahap pertahanan dan kawalan maritim negara, Kerajaan bersetuju meluluskan perolehan 3 kapal *Littoral Mission Ship* (LMS) dengan kos RM2.4 b
  - Penyelenggaraan dan pembelian aset ATM **(RM4.1 b)**
  - Pembangunan Kawalan Sempadan Sabah, Sarawak & Semenanjung **(RM1.1 b)**
  - Menambah 36 pos kawalan sempadan polis PGA, 3 pos Imigresen dan 3 pos ESSCOM
  - Perolehan lebih 2,100 unit *Body Worn Camera* untuk PDRM
  - Pembinaan Ibu Pejabat Kontinjen Perak dan kuarters polis baharu **(RM450 j)**
  - Penyelenggara Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) **(RM317 j)**
  - Membina lebih 7 ribu unit rumah mampu milik di bawah Program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) di Kuala Lumpur
  - Membaik pulih kuarters kediaman dan institusi di bawah PDRM **(RM232 j)**
  - Pemerksaan Komuniti Tempatan bagi kawalan sempadan **(RM20 j)**
  - Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Beruniform **(RM7.9 j)**
  - Program Kerjaya Kedua Veteran ATM menerusi kerjasama LTAT melibatkan jaminan untuk 5 ribu veteran ATM yang berpencen tahun ini untuk dipadankan kepada pekerjaan atau diberi latihan kemahiran untuk menjana pendapatan

- Jabatan Hal Ehwal Veteran bersama-sama agensi Kerajaan lain akan menawarkan 5 bidang kursus antaranya pengendalian dron, keselamatan siber dan penyenggaraan pesawat selama 3 bulan
  - Menaik taraf fasiliti penjara **(RM18.5 j)**
  - Pemerkasaan Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) **(RM5 j)**
3. Syiar Islam
- Peruntukan pengurusan dan pembangunan hal ehwal Islam **(RM1.5b)**
  - Menyelenggara sekolah agama rakyat, sekolah tahfiz dan institusi pondok berdaftar **(RM150 j)**
  - Elaun bagi 35 ribu guru KAFA dinaikkan sebanyak RM100 kepada RM1,100 **(RM40 j)**
  - Sumbangan khas RM600 kepada imam, bilal, tok siak, noja, marbut, guru KAFA dan guru takmir **(RM40 j)**
4. Sukan dan Budaya

#### *Sukan*

- Geran Padanan bagi mendorong penajaan sektor swasta untuk program sukan, khususnya sukan berteraskan perpaduan, penganjuran pertandingan di peringkat kebangsaan dan program realiti sukan **(RM50 j)**
- Dana untuk menambah baik program latihan dan fasiliti sukan **(RM324 j)**
  - Pembangunan ekosistem sukan yang menyeluruh daripada pencarian bakat sehingga ke acara podium
  - Penyelenggaraan dan menaik taraf kemudahan sukan di seluruh negara
- Menyokong acara-acara sukan untuk semua seperti Agenda Nasional Malaysia Sihat, Hari Sukan Negara dan Jelajah Fit Malaysia **(RM25 j)**
- Penganjuran aktiviti riadah dan gaya hidup sihat Fit@Komuniti Projek Perumahan Rakyat melibatkan pelbagai lapisan umur **(RM1.5 j)**
- Dana kepada Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) bermula tahun 2023 **(RM5 j)**
- Potongan cukai sehingga 10% daripada pendapatan agregat kepada individu atau syarikat yang menyumbang kepada organisasi bukan berasaskan keuntungan yang melaksanakan program sukan di peringkat akar umbi

#### *Seni Budaya, Karya Kreatif dan Bahasa*

- Potongan cukai kepada penyumbang kepada Tabung Komuniti Filem dan Pembangunan Filem Tempatan di bawah FINAS
- Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan studio dan produksi penggambaran

- Program terjemahan karya agung dan penerbitan bermutu tinggi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka **(RM20 j)**
  - Cetakan 1 juta naskah Al-Quran oleh Yayasan Restu **(RM10 j)**
5. Perpaduan
- Pelbagai program perpaduan **(RM10 j)**
  - Ini Warisan Kita **(RM10 j)**
  - Nusa Citra @ Muzium **(RM5 j)**
  - Dana bagi menyemarak kegiatan kebudayaan dan kesenian di peringkat komuniti **(RM25 j)**
  - Program Gotong-royong di sekolah seluruh negara **(RM20 j)**
6. Komuniti dan Keagamaan
- Elaun bulanan kepada imam, guru KAFA dan guru Takmir **(RM724.2 j)**
  - Bayaran khas RM600 secara *one-off* kepada 70 ribu guru KAFA, guru takmir, imam, bilal, siak, noja dan marbut **(RM40 j)**
  - Elaun kepada Ketua Kampung Baru **(RM12.8 j)**
  - Geran Rukun Tetangga **(RM50 j)**
  - Penyelenggaraan dan baik pulih rumah ibadat bukan Islam di seluruh negara **(RM50 j)**

## **Ikhtiar 12: Menyediakan Keperluan Asas Berkualiti**

1. Pemberian kepada Kerajaan Negeri Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) dinaikkan peruntukan sebanyak RM70 j (RM400 j)
2. Sektor Pengangkutan
  - Insentif Pas Bulanan Tanpa Had (My50) untuk manfaat hampir 180 ribu pengguna **(RM115 j)**
  - Memperkenalkan Pas Perjalanan Tanpa Had MYBAS50 untuk manfaat warga Johor Bharu yang menggunakan perkhidmatan bas di bawah Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST)
  - Memperluas pelaksanaan Program SBST termasuk bandar Melaka, Kuching, Kota Kinabalu dan Kuala Terengganu (Fasa 2) **(RM150 j)**
  - Menyediakan kemudahan wheelchair ramp di 7 lapangan terbang Sabah dan Sarawak dibina untuk manfaat 2,300 individu berkerusi roda yang menggunakan MASWings **(RM0.75 j)**
  - Mengkaji semula perincian dan kos Projek Mass Rapid Transit 3 (MRT3)
  - Mensubsidi pengangkutan udara untuk manfaat rakyat pedalaman Sabah dan Sarawak **(RM209 j)**
  - Subsidi kos operasi perkhidmatan tren kurang ekonomik di wilayah timur **(RM33 j)**



- Feri baharu di antara Pekan Pengkalan Kubor dengan Pekan Takbai, Narathiwat, Thailand **(RM9 j)**
  - Program Dana Bantuan dan Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-Henti **(RM230 j)**
  - Bayaran kepada golongan B40 untuk ujian mendapatkan lesen pemandu motosikal kelas B2, bayaran lesen teksi, bas dan e-hailing secara percuma **(RM4.7 j)**
  - Peluasan dan kajian semula pengecualian duti eksais dan cukai jualan ke atas penjualan/pindah milik/kegunaan persendirian/ pelupusan teksi dan kereta sewa milikan individu
3. Sektor Pendidikan – Peruntukan Kementerian Pendidikan **(2023: RM55.2b; 2022: RM52.6 b)**
- Ruang pembelajaran sekolah yang kondusif dan selamat (RM2.3 b)
    - Kerja penyelenggaraan dan pembaikan sekolah **(RM0.9 b)**
    - Menaik taraf infrastruktur di 380 buah sekolah daif khususnya di Sabah dan Sarawak **(RM920 j)**
    - Kerja-kerja menyelenggara kemudahan semua jenis sekolah seperti pembaikan tandas, pendawaian dan saliran sekolah
    - Mengganti perabot dan peralatan asrama dan kelas yang telah uzur
  - Pembinaan 7 sekolah baharu **(RM560 j)**
    - SMK Nabalau di Sabah
    - SMK Dudong di Sarawak
    - SK Paya Dusun di Terengganu
    - SK Cyberjaya 2 di Selangor
    - SMK Denai Alam di Selangor
    - SMK Johan Setia di Selangor
    - SK Setia Alam 2 di Selangor
  - Menaikkan kadar Rancangan Makanan Tambahan (RMT) daripada RM2.50 kepada RM3.50 (Semenanjung) dan RM3.00 kepada RM4.00 (Sabah dan Sarawak) yang memanfaatkan lebih 700 ribu murid, yang melibatkan peruntukan ditambah daripada RM625 j kepada **RM777 j**
  - Menaikkan kadar Bantuan Makan Prasekolah (BMP) Kementerian Pendidikan daripada RM2.00 kepada RM3.00 (Semenanjung) dan RM2.25 kepada RM3.25 (Sabah dan Sarawak) **(RM108 j)**
  - Membekalkan 50 ribu komputer riba kepada sekolah dan institusi pendidikan KPM **(RM38 j)**
  - Pengenaan duti setem RM10 diperluas untuk meliputi perjanjian pinjaman/ biasiswa pendidikan bagi semua peringkat di institusi pendidikan dan latihan yang disempurnakan mulai 1 Jun 2023
  - Lanjutan pelepasan cukai sehingga RM3,000 bagi menghantar anak ke TASKA atau TADIKTA sehingga tahun taksiran 2024

4. Sektor Pendidikan Tinggi - Peruntukan Kementerian Pendidikan Tinggi (**2023: RM15.3 b; 2022: RM14.5 b**)
- Membaik pulih infrastruktur dan menggantikan peralatan usang yang tidak lagi ekonomik di IPTA (**RM436 j**)
  - Dana untuk meningkatkan kesalinghubungan internet di institusi pendidikan tinggi di bawah program Malaysian Research & Education Network (MYREN) (**RM35 j**)
  - Menggiat aktiviti R&D di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) (**RM428 j**)
    - Peruntukan tambahan kepada KPT bagi menjalankan R&D berbentuk translasional yang lebih memberi manfaat kepada penyelesaian isu komuniti dan industri (**RM50 j**)
    - Geran R&D khusus berkenaan penghasilan vaksin negara kepada MOSTI (**RM15 j**)
  - Kemudahan pendidikan buat anak-anak Bumiputera (**RM6.6 b**)
    - Melalui Majlis Amanah Rakyat, Yayasan Peneraju dan Universiti Teknologi MARA
    - Akses kepada pinjaman pendidikan dan peluang mengikuti bidang profesional
  - Naik taraf dan selenggara kemudahan universiti awam (**RM300 j**)
  - Peluang perantisan di negara pemegang biasiswa menuntut melalui kerjasama bersama syarikat multinasional dan kebenaran untuk menyempurnakan bon perkhidmatan dengan syarikat tersebut
  - Penyeragaman kadar duti setem bagi perjanjian pinjaman pendidikan
    - RM10 bagi perjanjian pinjaman pendidikan di peringkat sijil atau profesional seperti yang dikenakan kepada pelajar diploma ke atas
  - PTPTN
    - Diskaun sehingga 20% bagi bayaran balik pinjaman PTPTN selama 3 bulan bermula 1 Mac 2023
    - Penangguhan bayaran balik kepada peminjam berpendapatan bulanan RM1,800 ke bawah untuk tempoh 6 bulan. Permohonan penangguhan ini boleh dibuat mulai 1 Mac 2023.
  - Agenda memperkasa TVET melalui 7 Kementerian utama (**RM6.7 b**)
  - Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (**RM180 j**)
5. Sektor Kesihatan - Peruntukan Kementerian Kesihatan (**2023: RM36.3 b; 2022: RM32.4 b**)
- Perolehan ubat-ubatan, reagen, vaksin dan bahan guna habis (**RM4.9b**)
  - Lantikan baharu secara tetap dan kontrak lebih 1,500 pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi (**RM3 b**)
  - Perolehan genset kepada 10 hospital (**RM10 j**)
  - Tatacara perolehan prasarana rakyat

- Penggantian peralatan perubatan usang **(RM100 j)**
- Perolehan dan penyelenggaraan peralatan perubatan di semua klinik Kerajaan di bawah Medical Equipment Enhancement Tenure (MEET) – QMSSB **(RM160 j)**
- Klinik Kesihatan Bergerak
  - *Mobile health clinic* atau klinik kesihatan bergerak dengan perluasan kepada saringan penyakit kanser - Hospital Pengajar **(RM10 j)**
  - Pergigian **(RM10.6 j)**
- Skim Perubatan Madani & Kad Kesihatan untuk Kumpulan B40 **(RM120 j)**
- Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PEKA B40) dengan turut merangkumi saringan penyakit kencing manis **(RM80 j)**
- Penyakit jarang jumpa
  - Peruntukan kos rawatan penyakit jarang jumpa **(RM25 j)**
  - Penubuhan Akaun Amanah bagi Rawatan Penyakit Jarang Jumpa
    - Potongan cukai bersamaan dengan jumlah sumbangan sebenar kepada tabung
- Ujian Saringan Mamogram dan Kanser Serviks (RM11.5 j)
- Projek rintis saringan kanser serviks dengan kaedah baharu (PCR) di bawah Yayasan ROSE dengan kerjasama Universiti Malaya dan Universiti Malaysia Sarawak
- Pembinaan blok wanita dan kanak-kanak dengan kapasiti 476 katil bagi mengurangkan kesesakan di Hospital Melaka **(RM700 j)**
- Projek naik taraf 26 buah hospital termasuk pembesaran
  - Hospital Kuala Kangsar, Perak,
  - Hospital Jelebu, Negeri Sembilan
  - Hospital Pontian, Johor
- Had pelepasan cukai ke atas perbelanjaan rawatan perubatan dinaikkan daripada RM8,000 kepada RM10,000 mulai tahun taksiran 2023
  - Skop pelepasan turut meliputi kos rawatan pemulihan bagi anak kurang upaya pembelajaran seperti Austime, Down Syndrome dan Specific Learning Disabilities terhad kepada RM4,000
- Perolehan 10 unit mesin cetak 3D bagi penghasilan dentur bagi memendekkan waktu lawatan pesakit ke klinik pergigian Kerajaan daripada 5 kepada hanya 2 kali **(RM10 j)**
- Pelaksanaan kajian diagnostik dan ujian klinikal kanser serviks dan usus melalui penggunaan artesunate kepada Universiti Malaya ke arah penghasilan ubatan dan rawatan yang mampu milik buat semua **(RM5 j)**
- Penubuhan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) **(RM34.5 j)**

- Program peningkatan kesejahteraan kesihatan mental MyMYNDA
- Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas terapi penggantian nikotin
- Hospital kebajikan berdaftar sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan akan diberi pengecualian cukai pendapatan bersamaan dengan amaun perbelanjaan kebajikan
- Potongan cukai sehingga 10% daripada pendapatan agregat kepada penderita hospital kebajikan

#### 6. Sektor Perumahan

- Penyelenggaraan Perumahan Rakyat
  - Penyelenggaraan Perumahan Awam Kos Rendah WPKL **(RM200 j)**
  - Tabung Penyelenggaraan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) **(RM44.4 j)**
  - Penyelenggaraan Perumahan Awam Kos Rendah Negeri (PPP)**(RM46 j)**
  - Naik taraf dan penyelenggaraan Kampung Baru Cina **(RM25j)**
  - Penyelenggaraan Lif PPR **(RM50 j)**
    - Had sebut harga perolehan kerja penyelenggaraan dan pembaikan lif ditingkatkan kepada RM1.2 j berbanding RM500,000
  - Internet percuma di 56 PPR terpilih
- Pengecualian duti setem bagi pemilikan rumah pertama
  - Pengecualian sepenuhnya duti setem bagi rumah bernilai RM500,000 ke bawah hingga akhir tahun 2025
  - Pengecualian bayaran duti setem akan dinaikkan daripada 50%kepada 75% untuk rumah bernilai RM500,001 ke RM1 j sehingga 31 Disember 2023
- Program Perumahan Rakyat dan Program Perumahan Rakyat Disewa **(RM389.5 j)**
- Program Rumah Mesra Rakyat di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad **(RM358 j)**
- Projek Perumahan Awam Malaysia **(RM463 j)**
  - Pembinaan 23 ribu unit rumah
- Baik pulih rumah di luar bandar **(RM460.2 j)**
  - Kenaikan kadar siling bantuan bina baharu rumah sebanyak RM56,000 kepada RM66,000 seunit (Semenanjung) dan RM68,000 kepada RM79,000 seunit (Sabah, Sarawak dan Labuan)

- Kenaikan kadar siling bantuan pulih rumah sebanyak RM13,000 kepada RM15,000 (Semenanjung) dan RM15,000 kepada RM17,000 (Sabah, Sarawak dan Labuan)
- Projek kolaborasi dengan pertubuhan sivil/NGO secara geran padanan **(RM100 j)**
  - Projek Air Luar Bandar **(RM15 j)**
  - Projek Elektrik Luar Bandar **(RM15 j)**
  - Projek Pemeriksaan Kesihatan dan Nutrisi **(RM10 j)**
  - Projek Pendidikan **(RM15 j)**
  - Projek Penjanaan Pendapatan **(RM30 j)**
  - Projek Penjagaan Flora dan Fauna **(RM5 j)**
  - Program Pembangunan Perusahaan Sosial **(RM10 j)**
- Pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik harta tanah secara kasih sayang terhad kepada RM1 j pertama nilai harta tanah dan remisi 50% ke atas duti setem yang dikenakan ke atas baki selebihnya nilai harta tanah bagi surat cara pindah milik yang disempurnakan mulai 1 April 2023
- Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) – Nilai jaminan ditingkatkan sehingga RM5 b dengan penambahbaikan berikut:

| Terma Jaminan           |  |
|-------------------------|--|
| Had jaminan             | • Sehingga RM500,000   |
| Fi Jaminan Berperingkat | <ul style="list-style-type: none"> <li>• 0.25% setahun sehingga RM300,000 dan</li> <li>• 0.5% setahun untuk melebihi RM300,000 sehingga RM500,000</li> </ul> |

## 7. Perlindungan Sosial

- Kerajaan akan mewajibkan semua pekerja sendiri untuk mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) secara berperingkat dan turut terpakai kepada penyedia-penyedia platform yang mempunyai Lesen Pengendali (Operating Licenses) di bawah MOT dan KKD
- PERKESO
  - 80% daripada nilai caruman PERKESO bagi mengurangkan bebanan dan menggalakkan pekerja sendiri membuat caruman ditanggung oleh Kerajaan **(RM100 j)**
    - Memanfaatkan lebih 500 ribu pekerja
  - Pemberian geran bersamaan 80% daripada nilai gaji bulanan bagi menggalakkan wanita kembali bekerja **(RM292 j)**
  - Program Saringan Kesihatan PERKESO secara geran padanan **(RM70 j)**
  - Program Pekerjaan Perantisan TVET & Lulusan Sekolah **(RM50 j)**

- Program bina Kerjaya Pekerja Informal gig **(RM60 j)**
- Pusat Satelit MYFutureJobs dan Karnival Kerjaya di UTC seluruh negara **(RM10 j)**
- Pewujudan perlindungan tambahan menerusi program LINDUNG+
  - kerjasama bersama insurans swasta
  - pembangunan Inisiatif LINDUNG+ yang menyediakan pelan perlindungan keselamatan sosial tambahan di luar skop perlindungan di bawah PERKESO seperti perlindungan pendapatan di atas RM5,000, rawatan perubatan serta perlindungan bagi kes penyakit kronik yang tidak dianggap ilat.
- KWSP
  - Kajian semula pelepasan cukai bagi caruman mandotari/sukarela kepada skim yang diluluskan/ KWSP dan premium insurans nyawa atau takaful hayat atau caruman sukarela tambahan kepada KWSP
  - Menaikkan had caruman sukarela KWSP daripada RM60,000 kepada RM100,000 setahun
  - Lanjutan i-Saraan sehingga tahun 2023 **(RM30 j)**
    - Kerajaan menyumbang 15% ke atas caruman sukarela
    - Terhad kepada maksimum RM300 setahun
    - Manfaatkan lebih 100 ribu pencarum
  - Meluaskan skop pelepasan cukai bagi premium insurans nyawa atau caruman takaful hayat untuk meliputi caruman sukarela kepada KWSP sehingga RM3,000
  - Inisiatif penambahan caruman ke dalam Akaun 1 KWSP **(RM1b)**
    - Kerajaan akan menambah caruman sebanyak RM500 kepada ahli yang berumur antara 40 hingga 54 tahun dengan simpanan KWSP kurang daripada RM10,000
    - Memberi manfaat kepada hampir 2 juta ahli KWSP
- 8. Meningkatkan had pelaburan individu ASB dan ASB2 daripada RM200,000 kepada RM300,000
- 9. Meningkatkan saiz dana Amanah Saham Malaysia (ASM) kepada sebanyak RM5 b
- 10. Pemerkasaan Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) **(RM5 j)**
- 11. Penjawat awam
  - Meneruskan cadangan menaikkan kebenaran penebusan awal GCR sehingga 50% iaitu maksimum 90 hari
  - Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM700 kepada semua penjawat awam Gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak
  - Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM350 kepada pesara Kerajaan

- Subsidi yuran taska RM180 sebulan dan had kelayakan dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM7,000

## 12. Komuniti Tumpuan

- Wanita dan Kanak-Kanak
  - *Gender Focal Team* ditubuhkan di setiap Kementerian dan Agensi untuk memastikan penyediaan bajet dibuat berasaskan keperluan gender
  - Kepimpinan wanita - Program latihan khas oleh SC dalam meningkatkan kemahiran, mengenal pasti dan menambah bilangan wanita yang layak untuk dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah
  - Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) **(RM8.3 j)**
  - Pemerkasaan Wanita: Pelaksanaan Akta Antigangguan Seksual Melalui Penubuhan Tribunal dan Program Advokasi **(RM10 j)**
  - Latihan dan Pensijilan Profesion Penjagaan Ibu Selepas Bersalin *MamaCare* **(RM5 j)**
  - Program *2 Year Exit Policy* yang akan memanfaatkan 300 usahawan wanita **(RM1j)**
  - Dana Pembiayaan Perniagaan Wanita **(RM235 j)**

| Agensi      | Program/ Skim          | Saiz Dana (RM juta) | Terma Pembiayaan   |
|-------------|------------------------|---------------------|--|
| BSN         | Mikro Kasih: MikroNita | 100                 | Kadar pinjaman: 4%<br>Saiz: Sehingga RM50,000<br>Tempoh: Sehingga 5.5 tahun (termasuk moratorium bagi 6 bulan pertama) |
| TEKUN       | Tekunita               | 20                  | Kadar pinjaman: 4%<br>Saiz: Sehingga RM100,000<br>Tempoh: Sehingga 10 tahun  |
| MARA        | DanaNITA               | 15                  | Kadar pinjaman: 3.5%<br>Saiz: Sehingga RM150,000<br>Tempoh: Sehingga 10 tahun  |
| Bank Rakyat | BR Plus: i-Biz Lady    | 100                 | Kadar pinjaman: BFR + 0%<br>Saiz: Sehingga RM1 j<br>Tempoh: Sehingga 7 tahun   |

- Program Diversion: Pemulihan Dalam Komuniti bagi pesalah kanak-kanak **(RM1 j)**

- Menubuhkan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak di bawah JKM untuk memberikan perkhidmatan sokongan lebih komprehensif kepada kanak-kanak
- Wang Saku Institusi Kanak-Kanak **(RM1.8 j)**
- Geran Operasi Rumah Tunas Harapan (RTH) **(RM1.6 j)**
- Geran Operasi Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak (PKKK) **(RM0.6 j)**
- Geran Operasi Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) **(RM0.7 j)**
- Geran Operasi Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK) **(RM1.8 j)**
- Subsidi taska komuniti **(RM0.5 j)**
- Subsidi bantuan yuran taska swasta **(RM3.2 j)**
- Subsidi yuran pengasuhan bagi isi rumah berpendapatan per kapita di bawah RM800 yang menghantar kanak-kanak ke TASKA Berdaftar **(RM3.6 j)**
- Kerajaan menggalakkan majikan menyediakan pusat jagaan kanakkanak di pejabat dengan memudah cara garis panduan penubuhan pusat jagaan kanak-kanak
- Lanjutan insentif elaun jagaan kanak-kanak serta kos menyedia pusat jagaan di pejabat diteruskan
- Memudah cara proses pendaftaran dan memulakan program pemutihan taska dan pusat jagaan kanak-kanak yang belum berdaftar di seluruh negara **(RM15 j)**
- Pembinaan 80 buah taska dan tabika KEMAS termasuk 13 projek baharu
- Pengecualian duti eksais ke atas susu formula bayi dan kanakkanak bagi memastikan harga berpatutan di pasaran
- Program *Community Feeding* khusus kepada kanak-kanak Orang Asli bagi mengatasi masalah kurang zat **(RM3 j)**
- Warga Emas
  - Bantuan Sosioekonomi Warga Emas dan Wang Saku Institusi Warga Emas **(RM900 j)**
  - Pelaksanaan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) **(RM8.7 j)**
  - Geran operasi institusi penjagaan warga emas, kanak-kanak dan OKU swasta yang dikendalikan oleh NGO **(RM21.2 j)**
- Orang Asli
  - Peruntukan Orang Asli **(RM305 j)**
  - Projek Tanam Semula Ladang Orang Asli **(RM15 j)**
    - Melibatkan 19 kawasan ladang getah dan kelapa sawit dan latihan kemahiran
    - Manfaatkan 2,100 Orang Asli antaranya Terengganu; Bera, Pahang; dan Gua Musang, Kelantan
  - Program Pembangunan Usahawan Orang Asli **(RM2 j)**



- Bantuan peralatan perniagaan dan bimbingan keusahawanan kepada 550 Orang Asli
- o Tajaan sekurang-kurangnya 10 orang anak Orang Asli oleh Yayasan di bawah Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan untuk belajar di luar negara
- OKU
  - o Bantuan OKU **(RM1 b)**
    - Elaun Pekerja Cacat **(RM542 j)**
    - Elaun OKU Tidak Berupaya Kerja **(RM346 j)**
    - Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPKT) **(RM170 j)**
  - o Wang Saku Institusi Kurang Upaya **(RM0.63 j)**
  - o Kurang Upaya Pemulihan Dalam Komuniti **(RM109 j)**
  - o Skim 1 OKU 1 Perniagaan diperkasa melalui pengecualian bayaran fi pendaftaran dan pembaharuan lesen perniagaan SSM
  - o Tambang percuma bagi perkhidmatan tren bagi golongan OKU serta pelajar Tahun 1 hingga Tingkatan 6 **(RM4 j)**
  - o Insentif khas untuk penubuhan 50 buah Taska OKU baharu berbanding 13 taska OKU sedia ada **(RM5 j)**
  - o Bekalan peralatan mengajar dan menambah baik fasiliti di sekolah berkeperluan khas **(RM20 j)**
- Veteran
  - o Kerjasama Strategik LTAT, MAFS & KEMANTAH bagi Projek Rintis Pertanian Jagung Bijirin
  - o Program *Reskilling & Upskilling* Veteran ATM oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) & Persatuan MYTVET Malaysia **(RM5 j)**
  - o Program Kerjaya Kedua Veteran ATM bersama LTAT dan syarikat berkaitan kerajaan
  - o Kelonggaran khas bayaran balik pinjaman perumahan veteran di bawah LPPSA
- Banduan
  - o Pemerksaan Program Pemulihan Dalam Komuniti - Peluasan inisiatif Agropenjara **(RM10 j)**
  - o Pemeriksaan Kesihatan Orang Kena Tahan (OKT) oleh Pengamal Perubatan Swasta **(RM10 j)**

# **Lampiran II**

## **Langkah Cukai**

### **Belanjawan 2023**

# Senarai Lampiran

- 113 LAMPIRAN 1**  
Kajian Semula Kadar Cukai Pendapatan Individu Pemastautin
- 
- 116 LAMPIRAN 2**  
Kajian Semula Pelepasan Cukai Pendapatan Ke Atas Perbelanjaan Rawatan Perubatan
- 
- 118 LAMPIRAN 3**  
Pelepasan Cukai Ke Atas Caruman Sukarela Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- 
- 120 LAMPIRAN 4**  
Lanjutan Pelepasan Cukai Pendapatan Individu Bagi Bayaran Yuran Taman Asuhan Atau Taman Didikan Kanak-Kanak
- 
- 121 LAMPIRAN 5**  
Kajian Semula Kadar Cukai Pendapatan Syarikat Bagi Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana
- 
- 122 LAMPIRAN 6**  
Kajian Semula Potongan Cukai Ke Atas Kos Penyenaiaan Di Bursa Malaysia
- 
- 123 LAMPIRAN 7**  
Potongan Cukai Ke Atas Kos Penerbitan Sukuk Berkaitan Pelaburan Mampan Dan Bertanggungjawab
-

**124 LAMPIRAN 8**

Layanan Duti Setem Bagi Pindah Milik Harta Tanah Secara Kasih Sayang

---

**125 LAMPIRAN 9**

Layanan Duti Setem Bagi Perjanjian Pinjaman/Biasiswa Pendidikan

---

**126 LAMPIRAN 10**

Lanjutan Pengecualian Duti Setem Bagi Penstrukturan Atau Penjadualan Semula Perjanjian Pinjaman/Pembiayaan

---

**127 LAMPIRAN 11**

Potongan Cukai Khas Bagi Perbelanjaan Produk Kraftangan Buatan Malaysia

---

**128 LAMPIRAN 12**

Peluasan Skop Potongan Cukai Bagi Penggajian Kepada Penghuni Dan Bekas Penghuni Sekolah Henry Gurney Serta Institusi Di Bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat

---

**130 LAMPIRAN 13**

Potongan Cukai Ke Atas Sumbangan/Penajaan *Smart Artificial Intelligence (AI)-Driven Reverse Vending Machine*

---

**132 LAMPIRAN 14**

Galakan Cukai Bagi Syarikat Yang Menyewa Kenderaan Elektrik Bukan Komersial

---





## LAMPIRAN 1

# Kajian Semula Kadar Cukai Pendapatan Individu Pemastautin

### Kedudukan Semasa

Kadar cukai pendapatan individu pemastautin adalah progresif di antara 0% dan 30%. Kadar cukai pendapatan mulai tahun taksiran 2021 adalah seperti berikut:

| Pendapatan Bercukai (RM) | Kadar Cukai (%) |
|--------------------------|-----------------|
| 0 - 5,000                | 0               |
| 5,001 - 20,000           | 1               |
| 20,001 - 35,000          | 3               |
| 35,001 - 50,000          | 8               |
| 50,001 - 70,000          | 13              |
| 70,001 - 100,000         | 21              |
| 100,001 - 250,000        | 24              |
| 250,001 - 400,000        | 24.5            |
| 400,001 - 600,000        | 25              |
| 600,001 - 1,000,000      | 26              |
| 1,000,001 - 2,000,000    | 28              |
| Melebihi 2,000,000       | 30              |

Kadar cukai pendapatan individu bukan pemastautin adalah 30%.

### Cadangan

Bagi menangani kos sara hidup yang tinggi serta meningkatkan pendapatan boleh guna di kalangan rakyat berpendapatan sederhana, dicadangkan kadar cukai pendapatan individu pemastautin diturunkan 2 mata peratusan bagi setiap banjaran pendapatan bercukai di antara RM35,001 hingga RM100,000.

Untuk menjadikan struktur cukai individu lebih progresif, dicadangkan kadar cukai pendapatan individu pemastautin pada banjaran pendapatan bercukai di antara RM100,001 hingga RM250,000 dinaikkan sebanyak 1 mata peratusan. Manakala banjaran pendapatan bercukai di antara RM250,001 hingga RM400,000 dinaikkan 0.5 mata peratusan dan kedua-dua banjaran tersebut digabungkan dan dikenakan cukai pada kadar 25%.

Bagi banjaran pendapatan bercukai di antara RM400,001 hingga RM600,000, kadar cukai turut dinaikkan 1 mata peratusan daripada 25% kepada 26%. Manakala, banjaran pendapatan bercukai di antara RM600,001 hingga RM1 juta akan dinaikkan 2 mata peratusan dan digabungkan dengan banjaran RM1,000,001 hingga RM2 juta menjadikan kadar cukai sebanyak 28%.

Perbandingan kadar cukai pendapatan individu semasa dan kadar cukai yang dicadangkan adalah seperti berikut:

| <b>Pendapatan Bercukai (RM)</b> | <b>Kadar Cukai Semasa (%)</b> | <b>Kadar Cukai Dicapadangkan (%)</b> |
|---------------------------------|-------------------------------|--------------------------------------|
| 0 - 5,000                       | 0                             | 0                                    |
| 5,001 - 20,000                  | 1                             | 1                                    |
| 20,001 - 35,000                 | 3                             | 3                                    |
| <b>35,001 - 50,000</b>          | <b>8</b>                      | <b>6</b>                             |
| <b>50,001 - 70,000</b>          | <b>13</b>                     | <b>11</b>                            |
| <b>70,001 - 100,000</b>         | <b>21</b>                     | <b>19</b>                            |
| <b>100,001 - 250,000</b>        | <b>24</b>                     | <b>25</b>                            |
| <b>250,001 - 400,000</b>        | <b>24.5</b>                   | <b>25</b>                            |
| <b>400,001 - 600,000</b>        | <b>25</b>                     | <b>26</b>                            |
| <b>600,001 - 1,000,000</b>      | <b>26</b>                     | <b>28</b>                            |
| 1,000,001 - 2,000,000           | 28                            | 28                                   |
| Melebihi 2,000,000              | 30                            | 30                                   |

Penjimatan dan pertambahan bayaran cukai pendapatan bagi setiap individu kesan daripada perubahan kadar cukai adalah seperti berikut:



| Pendapatan Bercukai (RM) | Semasa          |                    | Cadangan        |                    |                                 |       |
|--------------------------|-----------------|--------------------|-----------------|--------------------|---------------------------------|-------|
|                          | Kadar Cukai (%) | Cukai Dibayar (RM) | Kadar Cukai (%) | Cukai Dibayar (RM) | (Penjimatan)/<br>Tambahan Cukai |       |
|                          |                 |                    |                 |                    | (RM)                            | (%)   |
| 0 - 5,000                | 0               | 0                  | 0               | 0                  |                                 |       |
|                          |                 | 0                  |                 | 0                  | **                              | **    |
| 5,001 - 20,000           | 1               | 150                | 1               | 150                |                                 |       |
|                          |                 | 150                |                 | 150                | **                              | **    |
| 20,001 - 35,000          | 3               | 450                | 3               | 450                |                                 |       |
|                          |                 | 600                |                 | 600                | **                              | **    |
| 35,001 - 50,000          | 8               | 1,200              | <b>6</b>        | 900                |                                 |       |
|                          |                 | 1,800              |                 | 1,500              | (300)                           | -16.7 |
| 50,001 - 70,000          | 13              | 2,600              | <b>11</b>       | 2,200              |                                 |       |
|                          |                 | 4,400              |                 | 3,700              | (700)                           | -15.9 |
| 70,001 - 100,000         | 21              | 6,300              | <b>19</b>       | 5,700              |                                 |       |
|                          |                 | 10,700             |                 | 9,400              | (1,300)                         | -12.1 |
| 100,001 - 250,000        | 24              | 36,000             | <b>25</b>       | 37,500             |                                 |       |
|                          |                 | 46,700             |                 | 46,900             | 200                             | 0.4   |
| 250,001 - 400,000        | 24.5            | 36,750             | <b>25</b>       | 37,500             |                                 |       |
|                          |                 | 83,450             |                 | 84,400             | 950                             | 1.1   |
| 400,001 - 600,000        | 25              | 50,000             | <b>26</b>       | 52,000             |                                 |       |
|                          |                 | 133,450            |                 | 136,400            | 2,950                           | 2.2   |
| 600,001 - 1,000,000      | 26              | 104,000            | <b>28</b>       | 112,000            |                                 |       |
|                          |                 | 237,450            |                 | 248,400            | 10,950                          | 4.6   |
| 1,000,001 - 2,000,000    | 28              | 280,000            | 28              | 280,000            |                                 |       |
|                          |                 | 517,450            |                 | 528,400            | 10,950                          | 2.1   |
| Melebihi 2,000,000       | 30              |                    | 30              |                    |                                 |       |

Nota: \*\* tidak berkenaan

## Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2023.

# Kajian Semula Pelepasan Cukai Pendapatan Ke Atas Perbelanjaan Rawatan Perubatan

---

## Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan diberi ke atas perbelanjaan rawatan perubatan sehingga RM8,000 seperti berikut:

- i. penyakit serius ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak;
- ii. rawatan kesuburan ke atas diri sendiri atau suami/isteri;
- iii. pemvaksinan ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak terhad sehingga RM1,000; dan
- iv. pemeriksaan kesihatan penuh termasuk kesihatan mental, ujian pegasanan COVID-19 termasuk pembelian kit ujian sendiri ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak terhad sehingga RM1,000.

## Cadangan

Bagi membantu meringankan tanggungan kewangan ibu bapa ke atas perbelanjaan intervensi awal bagi anak kurang upaya pembelajaran, dicadangkan skop pelepasan cukai pendapatan bagi perbelanjaan perubatan diperluas untuk meliputi kos intervensi bagi *Autisme, Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD), Global Developmental Delay (GDD), Intellectual Disability, Down Syndrome* dan *Specific Learning Disabilities* terhad kepada RM4,000 seperti berikut:

- i. pemeriksaan bagi tujuan diagnosis yang disahkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM); dan

- ii. program intervensi awal serta rawatan pemulihan dijalankan oleh pengamal profesion kesihatan bersekutu yang berdaftar di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016.

Dengan perluasan skop ini, dicadangkan jumlah pelepasan cukai bagi perbelanjaan rawatan perubatan dinaikkan dari RM8,000 kepada RM10,000.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2023.

## Pelepasan Cukai Ke Atas Caruman Sukarela Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

---

### Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan individu diberi ke atas caruman kepada kumpulan wang simpanan yang diluluskan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), takaful atau bayaran premium insurans hayat. Mulai tahun taksiran 2022, skop pelepasan cukai pendapatan individu kepada pencarum KWSP diperluas meliputi pencarum secara sukarela yang bekerja sendiri termasuk penjawat awam berskim pencen.

| Bil. | Jenis Caruman   | Pelepasan Cukai |
|------|---|-----------------|
| 1.   | Caruman mandatori kepada skim yang diluluskan atau caruman sukarela kepada KWSP (tidak termasuk skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis | Terhad RM4,000  |
| 2.   | Premium insurans nyawa atau takaful hayat   | Terhad RM3,000  |

Bagi penjawat awam berskim pencen yang tidak mencarum kepada KWSP secara sukarela, pelepasan cukai pendapatan ke atas sumbangan takaful atau bayaran premium insurans hayat boleh dituntut sehingga RM7,000.

### Cadangan

Bagi menggalakkan caruman secara sukarela untuk meningkatkan tabungan sebagai persediaan menghadapi hari tua, dicadangkan pelepasan cukai ke atas caruman kepada kumpulan wang simpanan yang diluluskan dikaji seperti berikut:

| Bil. | Jenis Caruman   | Pelepasan Cukai |
|------|---|-----------------|
| 1.   | Caruman mandatori kepada skim yang diluluskan atau caruman sukarela kepada KWSP (tidak termasuk skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis | Terhad RM4,000  |
| 2.   | Premium insurans nyawa atau takaful hayat <b>atau</b> caruman sukarela tambahan kepada KWSP atau kedua-duanya   | Terhad RM3,000  |

Layanan baharu ini juga **terpakai kepada penjawat awam berskim pencen.**

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2023.

## LAMPIRAN 4

# Lanjutan Pelepasan Cukai Pendapatan Individu Bagi Bayaran Yuran Taman Asuhan Atau Taman Didikan Kanak-Kanak

---

### Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai kepada pembayar cukai individu yang menghantar anak yang berumur sehingga 6 tahun ke Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA) yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia telah dinaikkan kepada RM3,000 bagi tahun taksiran 2020 dan 2021. Melalui Bajet 2022, pelepasan cukai ini dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2023.

Pelepasan ini boleh dituntut oleh salah seorang daripada ibu bapa kepada anak tersebut.

### Cadangan

Bagi meringankan beban kewangan ibu bapa dalam menyediakan pendidikan awal kepada anak-anak, dicadangkan pelepasan cukai sehingga RM3,000 ini dilanjutkan setahun lagi.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi tahun taksiran 2024.

# Kajian Semula Kadar Cukai Pendapatan Syarikat bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

## Kedudukan Semasa

Syarikat atau Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) yang mempunyai modal berbayar RM2.5 juta dan ke bawah dengan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta setahun dikategorikan sebagai Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 17% bagi RM600,000 pertama pendapatan bercukai. Pendapatan bercukai selebihnya dikenakan pada kadar 24%.

## Cadangan

Bagi meningkatkan daya saing PMKS dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara, dicadangkan kadar cukai ke atas pendapatan bercukai bagi RM150,000 pertama dikurangkan sebanyak 2 mata peratusan daripada 17% kepada 15%, dan kadar cukai bagi pendapatan bercukai selebihnya dikekalkan pada kadar 17% dan 24% seperti berikut:

| Pendapatan Bercukai           | Kadar Cukai |
|-------------------------------|-------------|
| <b>RM150,000 yang pertama</b> | <b>15%</b>  |
| RM150,001 hingga RM600,000    | 17%         |
| RM600,001 dan seterusnya      | 24%         |

## Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2023.

# Kajian Semula Potongan Cukai Ke Atas Kos Penyenaraian Di Bursa Malaysia

---

## Kedudukan Semasa

Dalam Belanjawan 2020, potongan cukai sehingga RM1.5 juta bagi tiga tahun taksiran iaitu 2020 hingga 2022 diberi ke atas perbelanjaan penyenaraian yang dibuat oleh syarikat berasaskan teknologi di Pasaran *Access, Certainty, Efficiency* (ACE) dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana di Pasaran *Leading Entrepreneur Accelerator Platform* (LEAP) bagi perbelanjaan berikut:

- i. *fees to authorities;*
- ii. *professional fees;* dan
- iii. *underwriting, placement and brokerage fees.*

## Cadangan

Bagi terus menggalakkan lebih banyak syarikat berasaskan teknologi dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana mengembangkan perniagaan dengan penambahan dana modal melalui penyenaraian di Bursa Malaysia, dicadangkan layanan potongan cukai ini dikaji semula seperti berikut:

- i. potongan cukai sedia ada sehingga RM1.5 juta ke atas kos penyenaraian di Pasaran ACE dan LEAP dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun; dan
- ii. potongan cukai ini turut diperluas untuk meliputi kos penyenaraian syarikat berasaskan teknologi di Pasaran Utama Bursa.

## Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2025.



# Potongan Cukai Ke Atas Kos Penerbitan Sukuk Berkaitan Pelaburan Mampan Dan Bertanggungjawab

---

## Kedudukan Semasa

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan rangka kerja Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) yang membolehkan pengumpulan dana oleh syarikat melalui pembiayaan ke arah meningkatkan amalan kemampanan dan menyokong peralihan kepada aktiviti rendah karbon.

Rangka Kerja SRI-*linked* Sukuk bertujuan untuk memenuhi keperluan pembiayaan yang lebih luas untuk syarikat yang berada pada tahap kemampanan berbeza, menyediakan lebih banyak peluang kepada syarikat untuk beralih kepada sasaran karbon sifar bersih dan seterusnya menepati hasrat Kerajaan untuk mencapai sasaran pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.

## Cadangan

Bagi menyediakan saluran pembiayaan patuh syariah yang inovatif dan menempatkan Malaysia sebagai hab serantau penerbitan SRI-*linked* Sukuk, dicadangkan potongan cukai diberi ke atas kos penerbitan SRI-*linked* Sukuk yang diluluskan atau dibenarkan atau diserahkan simpan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi tempoh 5 tahun.

## Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2027.

## Layanan Duti Setem Bagi Pindah Milik Harta Tanah Secara Kasih Sayang

### Kedudukan Semasa

Mulai 1 Januari 2019, kadar duti setem bagi surat cara pindah milik harta tanah adalah seperti berikut:

| Harga Jualan/Nilai Pasaran Harta Tanah (mengikut mana lebih tinggi) | Kadar Duti Setem |
|---|------------------|
| RM100,000 yang pertama  | 1%               |
| RM100,001 hingga RM500,000  | 2%               |
| RM500,001 hingga RM1,000,000  | 3%               |
| RM1,000,001 dan seterusnya  | 4%               |

Remitan duti setem sebanyak 50% diberikan ke atas surat cara pindah milik harta tanah yang disempurnakan antara ibu bapa dan anak warganegara Malaysia sahaja.

### Cadangan

Bagi mengurangkan kos duti setem pindah milik secara kasih sayang melibatkan ibu bapa dan anak, datuk nenek dan cucu, dicadangkan duti setem ke atas surat cara pindah milik harta tanah dikecualikan sepenuhnya, terhad kepada RM1 juta pertama nilai harta tanah tersebut. Baki selebihnya daripada nilai harta tanah tersebut tertakluk kepada kadar duti *ad valorem* dan diberi remisi sebanyak 50% ke atas duti setem yang dikenakan. Layanan duti setem ini terpakai bagi penerima harta tanah warganegara Malaysia.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi surat cara pindah milik harta tanah yang disempurnakan mulai 1 April 2023.

## Layanan Duti Setem Bagi Perjanjian Pinjaman/Biasiswa Pendidikan

---

### Kedudukan Semasa

Duti setem ke atas perjanjian pinjaman/biasiswa pendidikan bagi tujuan mengikuti pengajian peringkat tertiar (diploma dan ke atas) di institusi pengajian tinggi dikenakan pada kadar tetap RM10 berdasarkan Butiran 22(4), Jadual Pertama, Akta Setem 1949, manakala peringkat selainnya dikenakan kadar duti *ad valorem*.

### Cadangan

Bagi menyeragamkan layanan duti setem untuk semua peringkat pendidikan, dicadangkan pengenaan duti tetap RM10 diperluas untuk meliputi perjanjian pinjaman/biasiswa pendidikan bagi pengajian di semua peringkat termasuk sijil (pendidikan/kemahiran/profesional) di mana-mana institusi pendidikan dan latihan.

### Tarikh Kuat Kuasa

Bagi perjanjian pinjaman/biasiswa pendidikan yang disempurnakan mulai 1 Jun 2023.

# Lanjutan Pengecualian Duti Setem Bagi Penstrukturan Atau Penjadualan Semula Perjanjian Pinjaman/ Pembiayaan

---

## Kedudukan Semasa

Pengecualian duti setem sepenuhnya diberi ke atas perjanjian penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman/pembiayaan antara peminjam dan institusi kewangan yang disempurnakan mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2022 tertakluk kepada syarat berikut:

- i. pinjaman/pembiayaan asal telah disetem sewajarnya; dan
- ii. perjanjian penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman/pembiayaan tersebut tidak mempunyai elemen penambahan nilai kepada nilai pinjaman/pembiayaan yang asal.

## Cadangan

Bagi membantu mengurangkan kos pinjaman dan menambahbaik aliran tunai peminjam, dicadangkan pengecualian duti setem sepenuhnya ke atas perjanjian penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman/pembiayaan dilanjutkan untuk tempoh 2 tahun.

## Tarikh Kuat Kuasa

Bagi perjanjian penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman/pembiayaan yang disempurnakan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2024.

# Potongan Cukai Khas Bagi Perbelanjaan Produk Kraftangan Buatan Malaysia

---

## Kedudukan Semasa

Industri hotel dikenal pasti mampu membantu mempromosi penggunaan hasil kraftangan tempatan seperti hiasan songket, produk seramik dan produk berasaskan kayu di premis hotel.

Layanan cukai sedia ada ke atas pembelian aset kali pertama diberi elaun modal di bawah Jadual 3, Akta Cukai Pendapatan 1967 manakala pembelian selanjutnya bagi tujuan penggantian aset yang sama bernilai kurang daripada RM2,000 diberi potongan cukai di bawah Seksyen 33, Akta Cukai Pendapatan 1967.

## Cadangan

Bagi menggalakkan pengusaha hotel menggunakan produk kraftangan buatan Malaysia demi menyokong pemulihan industri kraftangan tempatan, dicadangkan syarikat perhotelan diberi potongan cukai khas sehingga RM150,000 ke atas perbelanjaan produk kraftangan yang layak yang dibeli daripada pengusaha kraftangan tempatan yang berdaftar dengan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Potongan khas ini tidak terpakai sekiranya perbelanjaan tersebut telah dituntut sebagai perbelanjaan yang layak di bawah Seksyen 33 atau Jadual 3, Akta Cukai Pendapatan 1967.

## Tarikh Kuat Kuasa

Bagi perbelanjaan produk kraftangan yang layak dilakukan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025.

## **Peluasan Skop Potongan Cukai Bagi Penggajian Kepada Penghuni Dan Bekas Penghuni Sekolah Henry Gurney Serta Institusi Di Bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat**

---

### **Kedudukan Semasa**

Saraan yang dibayar kepada pekerja diberi potongan cukai bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan.

Melalui Belanjawan 2019, potongan cukai tambahan diberi kepada syarikat yang menggaji warga emas dan bekas banduan. Skop galakan cukai telah diperluas meliputi bekas penagih dadah serta banduan yang dikategorikan sebagai orang diparol (ODP) dan orang diselia (ODS) tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- i. pekerja diambil bekerja sepenuh masa;
- ii. saraan bulanan tidak melebihi RM4,000;
- iii. majikan dan pekerja bukanlah individu yang sama; dan
- iv. tidak mempunyai ikatan persaudaraan dengan majikan.

Galakan cukai ini diberi sehingga tahun taksiran 2025.

### **Cadangan**

Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 yang menyasarkan penyediaan peluang pekerjaan yang bersesuaian tanpa menyisihkan golongan tertentu, dicadangkan skop galakan cukai diperluas untuk meliputi kos penggajian yang dibayar kepada penghuni dan bekas penghuni:

- i. Sekolah Henry Gurney di bawah Jabatan Penjara Malaysia; dan
- ii. institusi perlindungan dan pemulihan serta pusat jagaan bukan Kerajaan yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2025.

## **Potongan Cukai Ke Atas Sumbangan/ Penajaan *Smart Artificial Intelligence* (AI)-Driven Reverse Vending Machine**

---

### **Kedudukan Semasa**

Pelan Hala Tuju Kelestarian Plastik Malaysia 2021 - 2030 menggariskan strategi dan pelan tindakan untuk mencapai tahap ekosistem kitaran plastik yang lebih besar di Malaysia. Pelan Hala Tuju ini menjadi panduan kepada semua pihak berkepentingan dalam memastikan kelestarian di seluruh rantai nilai plastik ke arah mewujudkan nilai baharu yang memanfaatkan masyarakat dan alam sekitar. Selaras dengan Pelan Hala Tuju ini, Kerajaan telah menyasarkan untuk meningkatkan kadar pengumpulan plastik untuk dikitar semula sebanyak 40% menjelang 2025.

Potongan cukai di bawah Seksyen 34(6)(h), Akta Cukai Pendapatan 1967 boleh diberi kepada pihak tertentu yang menjalankan projek komuniti yang memberi manfaat ketara kepada orang awam di Malaysia yang berkaitan dengan bidang pendidikan, kesihatan, perumahan, infrastruktur, teknologi maklumat dan komunikasi atau penyelenggaraan bangunan warisan, projek meningkatkan pendapatan golongan miskin serta projek pemeliharaan/pemuliharaan alam sekitar.

Bagi menggalakkan perubahan sikap ke arah mengitar semula melalui pendidikan dan juga menghalang pencemaran plastik dan aluminium, teknologi AI telah diadaptasi bagi pengumpulan sisa plastik di dalam komuniti setempat.

### **Cadangan**

Bagi menyokong ekosistem kitaran semula sisa plastik dan memastikan kadar *collected-for-recycling* dapat ditingkatkan menerusi program pengumpulan sisa plastik yang efektif dan tersusun, dicadangkan potongan cukai di bawah Seksyen 34(6)(h), Akta Cukai Pendapatan



1967 diberi kepada syarikat dan selain syarikat (individu, perkongsian, badan amanah dan koperasi yang mempunyai pendapatan perniagaan) yang membuat sumbangan atau penajaan peralatan *Smart Artificial Intelligence (AI)-Driven Reverse Vending Machine*.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi sumbangan/penajaan dan permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 April 2023 hingga 31 Disember 2024.

## Galakan Cukai Bagi Syarikat Yang Menyewa Kenderaan Elektrik Bukan Komersial

---

### Kedudukan Semasa

Syarikat yang menyewa kenderaan bermotor bukan komersial, termasuk kenderaan elektrik (EV) diberi potongan cukai di bawah Seksyen 39(1)(k), Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

- i. kos kenderaan yang tidak melebihi RM150,000, jumlah maksimum amaun sewaan yang dibenarkan potongan cukai dihadkan sehingga RM100,000; dan
- ii. kos kenderaan yang melebihi RM150,000, jumlah maksimum amaun sewaan yang dibenarkan potongan cukai dihadkan kepada RM50,000.

Layanan cukai ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2002.

### Cadangan

Bagi menggalakkan penggunaan kenderaan rendah karbon, dicadangkan syarikat yang menyewa EV bukan komersial dibenarkan potongan cukai ke atas amaun sewaan terhad sehingga RM300,000.

### Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2025.

# Galakan Cukai Bagi Pengilang Peralatan Pengecasan Untuk Kenderaan Elektrik

---

## Kedudukan Semasa

Malaysia sedang giat mewujudkan ekosistem mobiliti elektrik selari dengan Dasar Automotif Nasional 2020 dan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021 - 2030. Bagi meluaskan jaringan infrastruktur peralatan pengecasan, adalah penting untuk memastikan produk berkenaan dapat dihasilkan dalam negara dengan kos yang kompetitif.

## Cadangan

Bagi terus melengkapkan ekosistem kenderaan elektrik dan menarik pelaburan segera bernilai tinggi dalam pengilangan peralatan pengecasan kenderaan elektrik, dicadangkan galakan cukai diberi seperti berikut:

- i. pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2032. Syarikat yang membuat pelaburan awal layak menikmati tempoh pengecualian cukai sehingga 10 tahun. Oleh itu, syarikat yang membuat pelaburan selepas tahun taksiran 2023 layak menikmati baki tempoh pengecualian sahaja; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% untuk tempoh 5 tahun dan boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

## Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 25 Februari 2023 hingga 31 Disember 2025.

## Galakan Cukai Bagi *Carbon Capture And Storage*

---

### Kedudukan Semasa

Di bawah Dasar Tenaga Negara 2022 - 2040, Malaysia perlu memastikan pencapaian Aspirasi Negara Rendah Karbon menjelang tahun 2040. Selaras dengan aspirasi ini, Kerajaan telah mengenal pasti satu inisiatif bagi mengawal pelepasan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) dengan menggunakan teknologi *Carbon Capture and Storage* (CCS). Industri minyak dan gas serta janakuasa menjadi industri perintis yang menggunakan teknologi CCS di Malaysia. Teknologi ini merangkumi 3 aktiviti seperti berikut:

- i. pemerangkapan CO<sub>2</sub> (*carbon capture*);
- ii. pengangkutan hasil pemerangkapan CO<sub>2</sub>; dan
- iii. penyimpanan CO<sub>2</sub> di bawah tanah atau dasar laut (*carbon storage*).

### Cadangan

Bagi mengiktiraf aktiviti CCS sebagai sumber baharu untuk pertumbuhan ekonomi dan mencapai pelepasan gas rumah kaca sifar bersih, dicadangkan galakan cukai diberi seperti berikut:

- i. syarikat yang melaksanakan aktiviti CCS (*in-house*)
  - a. Elaun Cukai Pelaburan (ECP) sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 10 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun;
  - b. pengecualian sepenuhnya duti import dan cukai jualan ke atas peralatan bagi teknologi CCS mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2027; dan

- c. potongan cukai bagi perbelanjaan pra-permulaan yang dibenarkan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh permulaan operasi.
- ii. syarikat yang melaksanakan perkhidmatan CCS
  - a. ECP sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 10 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun; atau
  - b. pengecualian cukai sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh 10 tahun; dan
  - c. pengecualian sepenuhnya duti import dan cukai jualan ke atas peralatan bagi teknologi CCS mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2027.
- iii. syarikat yang menggunakan perkhidmatan CCS diberi potongan cukai ke atas fi bagi perkhidmatan CCS.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

- i. Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 25 Februari 2023 hingga 31 Disember 2027.
- ii. Potongan cukai boleh dituntut melalui Borang Nyata Cukai Pendapatan mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2027.

## **Galakan Cukai Bagi Penternakan Ayam Secara Sistem Reban Tertutup**

---

### **Kedudukan Semasa**

Melalui Bajet 2003, Elaun Pelaburan Semula (EPS) selama 15 tahun berturut-turut diberi kepada pengusaha ternakan ayam dan itik yang beralih daripada sistem reban terbuka kepada tertutup. Galakan ini telah diperluas meliputi projek pembesaran mulai tahun taksiran 2009.

EPS ini telah diberi sehingga tahun taksiran 2010.

### **Cadangan**

Bagi menggalakkan lebih ramai penternak ayam mengadaptasi sistem reban tertutup yang lebih mesra alam di samping dapat meningkatkan produktiviti, dicadangkan galakan cukai diberi seperti berikut:

- i. Elaun Modal Dipercepatkan (ACA) 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak; dan
- ii. pengecualian cukai pendapatan bersamaan 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak.

Galakan cukai ini diberi ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2025. Ini menjadikan perbelanjaan modal yang layak dituntut sebanyak 200% dalam tempoh 1 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2025.

## Kajian Semula Galakan Cukai Bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan

---

### Kedudukan Semasa

Galakan cukai bagi projek pengeluaran bahan makanan diberi seperti berikut:

- i. syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang menjalankan projek baharu pengeluaran bahan makanan diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam tahun asas pelaburan dibuat; dan
- ii. syarikat yang menjalankan projek pengeluaran bahan makanan
  - a. projek baharu diberi pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun selama 10 tahun taksiran; atau
  - b. projek pembesaran syarikat sedia ada diberi pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun selama 5 tahun taksiran.

Pada tahun 2021, skop projek pengeluaran bahan makanan diperluas kepada projek penanaman biji benih untuk agro makanan dan perikanan laut lepas.

Galakan cukai ini bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2022.

### Cadangan

Bagi menggalakkan penglibatan lebih ramai pemain industri dalam sektor pertanian dan memastikan bekalan makanan dalam negara terjamin, dicadangkan galakan cukai dikaji semula seperti berikut:

- i. skop galakan cukai diperluas untuk merangkumi projek pertanian berasaskan *Controlled Environment Agriculture* (CEA); dan
- ii. tempoh permohonan galakan cukai dilanjutkan selama 3 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh MAFS mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025.



# Kajian Semula Galakan Cukai Bagi Syarikat Berstatus BioNexus

---

## Kedudukan Semasa

Galakan cukai bagi industri berasaskan bioteknologi diberi seperti berikut:

- i. syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari berstatus BioNexus yang menjalankan projek baharu diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam tahun asas pelaburan dibuat;
- ii. syarikat yang menjalankan aktiviti bioteknologi yang diluluskan status BioNexus
  - a. pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun bermula dari tahun taksiran pertama syarikat memperoleh pendapatan statutori untuk tempoh 10 atau 5 tahun taksiran tertakluk kepada perniagaan baharu atau sedia ada (projek pembesaran);
  - b. kadar cukai konsesi 20% ke atas pendapatan daripada aktiviti yang layak bagi tempoh 10 tahun selepas tamat tempoh pengecualian cukai;
  - c. potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan;
  - d. Elaun Bangunan Industri ke atas bangunan untuk tujuan operasi penyelidikan bioteknologi; dan
  - e. pengecualian duti import ke atas bahan mentah/komponen dan mesin/peralatan.

Galakan cukai ini bagi permohonan yang diterima oleh Malaysian Bioeconomy Development Corporation mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2022.

### **Cadangan**

Bagi menarik lebih ramai pemain industri berasaskan bioteknologi, dicadangkan galakan cukai dikaji semula seperti berikut:

- i. kadar pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun bagi syarikat berstatus BioNexus ditingkatkan daripada 70% kepada 100%; dan
- ii. tempoh permohonan galakan cukai dilanjutkan selama 2 tahun.

### **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi permohonan yang diterima oleh Malaysian Bioeconomy Development Corporation mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2024.

# Kajian Semula Elaun Modal Dipercepatkan Dalam Sektor Perkilangan, Perkhidmatan Dan Pertanian

---

## Kedudukan Semasa

Syarikat perkilangan dan perkhidmatan yang membuat perbelanjaan modal yang layak ke atas kelengkapan automasi diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. Kategori 1: Industri Berintensif Buruh (produk getah, plastik, kayu dan tekstil)

Elaun Modal Dipercepatkan (ACA) bagi kelengkapan automasi sebanyak 100% ke atas RM4 juta pertama bagi perbelanjaan modal yang layak dilakukan dan boleh diserap sepenuhnya dalam tempoh 1 tahun.

- ii. Kategori 2: Industri selain Kategori 1 termasuk sektor perkhidmatan

ACA bagi kelengkapan automasi sebanyak 100% ke atas RM2 juta pertama bagi perbelanjaan modal yang layak dilakukan dan boleh diserap sepenuhnya dalam tempoh 1 tahun.

Kedua-dua kategori juga layak mendapat pengecualian cukai pendapatan bersamaan 100% perbelanjaan modal yang layak bagi kelengkapan automasi. Ini menjadikan perbelanjaan modal yang layak dituntut adalah sebanyak 200% dalam tempoh 1 tahun.

Galakan cukai ini bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) hingga 31 Disember 2023.

## Cadangan

Bagi terus memacu produktiviti dan meningkatkan kecekapan melalui automasi, dicadangkan ACA untuk kelengkapan automasi ditambah baik seperti berikut:

- i. skop automasi meliputi adaptasi elemen Industri 4.0;
- ii. skop galakan cukai ini diperluas untuk meliputi sektor pertanian; dan
- iii. had perbelanjaan modal bagi kategori 1, 2 dan pertanian diselaraskan dan ditingkatkan sehingga RM10 juta.

## Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh MIDA dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2027.

# Lanjutan Galakan Cukai Bagi Industri Pembinaan Dan Pembaikan Kapal

---

## Kedudukan Semasa

Syarikat yang menjalankan aktiviti pembinaan dan pembaikan kapal (SBSR) di Malaysia layak dipertimbangkan galakan cukai seperti berikut:

- i. syarikat baharu
  - a. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun bagi tempoh 5 tahun; atau
  - b. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dan boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

- ii. syarikat sedia ada

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun dan boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

Galakan cukai ini bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2022.

## Cadangan

Bagi menjadikan Malaysia sebagai hab SBSR serantau, dicadangkan galakan cukai dilanjutkan untuk tempoh 5 tahun.

## Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan SBSR yang diterima oleh MIDA mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2027.

# Lanjutan Galakan Cukai Bagi Industri Aeroangkasa

---

## Kedudukan Semasa

Syarikat aeroangkasa baharu dan sedia ada di Malaysia yang menjalankan aktiviti bernilai tinggi seperti *manufacturing or assemble of systems, devices, parts or components and maintenance, repair and overhaul for aircraft (MRO), systems, devices, parts or components and engineering & design/services related* diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. syarikat baharu
  - a. pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% hingga 100% untuk tempoh antara 5 hingga 10 tahun; atau
  - b. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% hingga 100% untuk tempoh 5 tahun dan boleh ditolak 70% hingga 100% ke atas pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.
- ii. syarikat sedia ada

Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% untuk tempoh 5 tahun dan boleh ditolak sehingga 70% ke atas pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sehingga 31 Disember 2022.

## Cadangan

Selari dengan halatuju di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 untuk menjadikan Malaysia sebagai pemain utama industri aeroangkasa, dicadangkan galakan cukai dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

## Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima MIDA mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025.

# Pengecualian Duti Import Dan Cukai Jualan Ke Atas Peralatan Studio Dan Produksi Penggambaran

---

## Kedudukan Semasa

Dasar Industri Kreatif Negara telah diperkenalkan untuk memperkasa industri kreatif secara menyeluruh berasaskan kreativiti dan inovasi melalui penghasilan produk berkualiti tinggi serta dapat memartabatkan warisan seni budaya.

Ketersediaan prasarana yang berteknologi tinggi dan ekosistem yang kondusif menjadi antara pemangkin utama untuk menggalakkan pertumbuhan dan meningkatkan daya saing industri kreatif tempatan. Penggiat industri termasuk pengeluar filem perlu terus meneroka inovasi dan memanfaatkan teknologi baharu bagi menghasilkan karya kreatif yang bertaraf antarabangsa.

Pengimportan peralatan khusus untuk kegunaan industri kreatif seperti kamera dan peralatan penyiaran, sistem audio dan video, peralatan studio serta peralatan produksi penggambaran tertakluk kepada duti import pada kadar di antara 5% hingga 30% dan cukai jualan pada kadar 10%.

## Cadangan

Bagi menggalakkan penggiat industri mencipta kandungan kreatif yang lebih berkualiti tinggi untuk pasaran domestik dan antarabangsa serta menarik penerbit filem luar negara menjalankan aktiviti penggambaran di Malaysia, dicadangkan pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan studio dan produksi penggambaran diberi kepada penyedia peralatan studio dan perkhidmatan produksi termasuk pasca produksi untuk tempoh 3 tahun.

## Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 April 2023 hingga 31 Mac 2026.

# Kajian Semula Pengecualian Duti Eksais Dan Cukai Jualan Ke Atas Penjualan Atau Pindah Milik Teksi Dan Kereta Sewa Milikan Individu

---

## Kedudukan Semasa

Melalui Belanjawan 2012, pengecualian duti eksais dan cukai jualan diberi ke atas penjualan/pindah milik/kegunaan persendirian/pelupusan teksi bajet dan kereta sewa tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. terhad kepada teksi bajet dan kereta sewa milikan individu sahaja; dan
- ii. usia kenderaan hendaklah melebihi 7 tahun dari tarikh pendaftaran.

## Cadangan

Bagi membantu pemilik teksi individu yang terkesan akibat pandemik COVID-19, dicadangkan pengecualian duti eksais dan cukai jualan ke atas penjualan/pindah milik/kegunaan persendirian/pelupusan teksi dan kereta sewa milikan individu diperluas dan dikaji semula seperti berikut:

- i. pengecualian diberi berdasarkan jenis lesen dan perkhidmatan:
  - a. teksi (bajet, eksekutif dan TEKS1M);
  - b. teksi lapangan terbang (bajet dan keluarga); dan
  - c. kereta sewa.
- ii. syarat usia kenderaan dilonggarkan kepada sekurang-kurangnya 5 tahun dari tarikh pendaftaran.

## Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia mulai 1 Mac 2023.



# Lanjutan Galakan Cukai Bagi Menyokong Pembangunan Industri Kenderaan Elektrik

## Kedudukan Semasa

Melalui Bajet 2022, bagi menyokong pembangunan industri kenderaan elektrik (*Electric Vehicle* – EV) tempatan dan menggalakkan permintaan domestik terhadap EV selaras dengan Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon (*Low Carbon Mobility Blueprint* – LCMB), *EV Roadmap* dan Dasar Automotif Nasional (*National Automotive Policy* – NAP) 2020, galakan cukai bagi kenderaan penumpang (termasuk SUV dan MPV), kenderaan perdagangan dan motosikal elektrik diberikan seperti berikut:

| Bil. | Langkah Cukai   | Tempoh Galakan                     |
|------|---|------------------------------------|
| 1.   | Pengecualian <b>duti import sepenuhnya</b> ke atas komponen untuk EV pemasangan tempatan                    | 01.01.2022<br>hingga<br>31.12.2025 |
| 2.   | Pengecualian <b>duti eksais dan cukai jualan sepenuhnya</b> ke atas EV <i>Completely Knocked-Down</i> (CKD) |                                    |
| 3.   | Pengecualian <b>duti import dan duti eksais sepenuhnya</b> ke atas EV <i>Completely Built-Up</i> (CBU)      | 01.01.2022<br>hingga<br>31.12.2023 |

## Cadangan

Bagi menggalakkan permintaan domestik dan seterusnya memacu aktiviti pemasangan EV tempatan, dicadangkan lanjutan galakan cukai ke atas EV diberikan seperti berikut:

| <b>Bil.</b> | <b>Langkah Cukai</b>   | <b>Tempoh Lanjutan Galakan</b> |
|-------------|--|--------------------------------|
| 1.          | Pengecualian <b>duti import sepenuhnya</b> ke atas komponen untuk EV pemasangan tempatan       | Sehingga 31.12.2027            |
| 2.          | Pengecualian <b>duti eksais dan cukai jualan sepenuhnya</b> ke atas EV pemasangan tempatan CKD |                                |
| 3.          | Pengecualian <b>duti import dan duti eksais sepenuhnya</b> ke atas EV CBU                      | Sehingga 31.12.2025            |

# Pengecualian Duti Import Dan Cukai Jualan Ke Atas Terapi Gantian Nikotin

## Kedudukan Semasa

Perkhidmatan berhenti merokok telah dilaksanakan sejak tahun 2000 bermula di klinik kesihatan dan hospital Kerajaan. Mulai tahun 2015, perkhidmatan ini telah diperluaskan kepada fasiliti kesihatan swasta termasuk hospital, klinik dan farmasi melalui kerjasama awam dan swasta di bawah Program mQuit. Terapi gantian nikotin (*Nicotine Replacement Therapy* - NRT) digunakan sebagai salah satu pilihan rawatan ubatan berhenti merokok di bawah Program mQuit.

Penggunaan NRT bertujuan membekalkan sukatan nikotin yang cukup kepada perokok untuk mengurangkan gejala ketagihan secara bertahap tanpa bahan perosak yang terhasil daripada pembakaran rokok atau pemanasan cecair rokok elektronik. Terdapat dua produk NRT di pasaran yang tertakluk kepada kenaikan duti import dan cukai jualan seperti berikut:

| Produk                | Kod Tarif    | Duti Import | Cukai Jualan |
|-----------------------|--------------|-------------|--------------|
| <i>Nicotine Gum</i>   | 2404.91.1000 | 15%         | 5%           |
| <i>Nicotine Patch</i> | 2404.92.1000 | 0%          | 10%          |

## Cadangan

Bagi menyokong Program mQuit dan menggalakkan penggunaan produk NRT sebagai pilihan rawatan ubatan berhenti merokok, dicadangkan pengecualian duti import dan cukai jualan diberi ke atas produk *nicotine gum* dan *nicotine patch* untuk tempoh 3 tahun.

## Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 April 2023 hingga 31 Mac 2026.